

**JENAYAH PEMALSUAN KAD KREDIT DI MALAYSIA**

**MOHD. ZAID BIN HASSAN**

**Fakulti Undang-Undang  
Universiti Malaya  
2011/2012**

**JENAYAH PEMALSUAN KAD KREDIT DI MALAYSIA**

**MOHD. ZAID BIN HASSAN**

**Projek Penyelidikan bagi memenuhi sebahagian daripada  
syarat-syarat untuk Ijazah Sarjana Pengadiln Jenayah**

**2011/2012**

## PENGHARGAAN

Pertamanya, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana di atas limpah kurniaNya saya dapat mengikuti Program Sarjana Pengadiln Jenayah dan diberi peluang untuk menyediakan projek penyelidikan ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua tenaga pengajar, rakan-rakan sekelas dan sesiapa sahaja yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu sehingga projek penyelidikan ini dapat disiapkan, khususnya untuk penyelia saya iaitu Dr. Abdul Samad bin Abdul Ghani, Pensyarah Kanan di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya yang begitu mengambil berat dengan panduan dan tunjuk ajar yang cukup bermanfaat serta ilmu yang dicurahkan yang amat berharga bagi saya.

Tidak dilupakan, saya sangat menghargai pengorbanan isteri saya Dayang Aisah Mohd Ali dan anak-anak saya iaitu Muhammad Farid, Muhammad Hakeem dan Muhammad Akmal yang memahami tugas saya dan banyak memberi inspirasi kepada saya bagi menyiapkan projek penyelidikan ini dengan sempurna.

Saya juga sangat menghargai kerjasama dari pihak Bank Negara Malaysia dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM, Bukit Aman terutamanya pegawai-pegawai di Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit di atas bantuan yang dihulurkan. Walau pun ramai yang terlibat dalam membantu saya bagi menyiapkan projek penyelidikan ini, sekiranya terdapat kelemahan, saya terima kelemahan tersebut sebagai datangnya dari saya sendiri. Semoga projek penyelidikan ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan yang berguna untuk masa-masa akan datang.

Wassalam.

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Mohd. Zaid bin Hassan**

(No. K.P/Pasport: **661026-02-5205**)

No. Pendaftaran/Matrik: **LGC100003**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengadilan Jenayah**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):  
**Jenayah Pemalsuan Kad Kredit Di Malaysia**

Bidang Penyelidikan: **Kriminologi**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

**Disember, 2011**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

## **ABSTRAK**

Kad kredit telah menjadi salah satu instrumen pembayaran yang penting bagi sektor perniagaan di Malaysia. Bagi penjenayah, peningkatan penggunaan kad kredit merupakan peluang untuk mengaut keuntungan yang mudah. Dengan memahami bagaimana jenayah ini terlaksana membolehkan pihak berkuasa merangka tindak balas dan tindakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan. Kajian sebegini penting kerana dapatannya nanti dapat dinyatakan sebagai panduan kognitif dan digunakan dalam menangani jenayah pemalsuan kad kredit. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dan bagi mendapat maklumat secara langsung, temuduga dan pengesahan telah dibuat dengan pihak PDRM. Beberapa kes terpilih yang pernah dikendalikan oleh PDRM juga diambil untuk dibuat analisa bagi melihat kelemahan-kelemahan yang wujud. Aktiviti jenayah pemalsuan kad kredit kini menular merentasi sempadan negara. Malaysia yang telah migrasi kepada standard EMV sepenuhnya pada tahun 2005 terbukti berjaya mengurangkan kes-kes pemalsuan kad kredit di pasaran domestik tetapi ketidakseragaman pelaksanaan migrasi di seluruh dunia membantutkan usaha membasmi kegiatan jenayah ini secara menyeluruh. Penjenayah akan sentiasa mencari jalan untuk mengatasi sistem yang ada. Corak jenayah berubah mengikut perkembangan teknologi. Usaha pencegahan yang bersungguh-sungguh oleh semua pemain industri sangat penting disamping sokongan dari pihak kerajaan sebagai pengawal dengan mewujudkan undang-undang yang khusus bagi kesalahan berkaitan kad kredit.

## **ABSTRACT**

In Malaysia, credit cards have become one of the most important payment instruments in business sector. The increased use of credit cards is an opportunity for criminals to gain profit. In order to formulate responses and more effective actions by law enforcement, the authorities need to understand how these crimes happen. This study is important because the findings can be used as a cognitive guide in addressing the credit card fraud. This study was performed through library research. In order to get direct information, an interviews and verification with the Royal Malaysia Police (RMP) has been carried out. A few selected cases handled by the RMP were also been analyzed to find out the weaknesses. The prevalence of credit card fraud activities have across borders. In 2005, after Malaysia fully migrated to the EMV standard, it shows that cases of credit card fraud in the domestic market have been reduced. However, the discrepancies in the implementation of the EMV migration worldwide hinder the efforts to eradicate credit card fraud activities as a whole. Criminals will always find ways to beat the system. The crime pattern varies with the development of technology. The seriousness of preventive action taken by all industry players is important as well as support from the government as a controller by introducing a special law for credit card offenses.

## KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI CARTA	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI RAJAH	xiv
 <b>BAB PERTAMA: PENDAHULUAN</b>	
1.1    Pengenalan	1
1.2    Latar Belakang Penyelidikan	2
1.3    Pernyataan Masalah	5
1.4    Objektif Kajian	5
1.5    Skop Kajian	6
1.6    Metodologi Kajian	6
1.7    Limitasi Kajian	8
1.8    Ringkasan Bab	9
1.9    Kesimpulan	11
 <b>BAB KEDUA: PERKEMBANGAN PENGGUNAAN KAD KREDIT DI MALAYSIA</b>	
2.1    Pengenalan	12
2.2    Istilah-Istilah Penting	13

2.3	Perkembangan Penggunaan Kad Kredit di Malaysia	23
2.3.1	Jenis-jenis Kad Kredit Dalam Pasaran di Malaysia	
2.3.2	Isu-isu Dalam Penggunaan Kad Kredit di Malaysia	
2.4	Akta dan Garis Panduan Pengeluaran Kad Kredit di Malaysia	33
2.5	Kesimpulan	38

### **BAB KETIGA: MODUS OPERANDI DAN FAKTOR PENDORONG JENAYAH KAD KREDIT**

3.1	Pengenalan	40
3.2	<i>Modus Operandi</i> Jenayah Kad Kredit	41
3.2.1	Pencurian butiran maklumat akaun kad kredit	
3.2.2	Penggunaan alat pengimbas ( <i>Skimmer</i> )	
3.2.3	Memasang cip pada terminal pengesan data elektronik (EDC)	
3.2.4	Pintasan talian telefon	
3.2.5	Pakatan sulit	
3.2.6	Emel <i>phishing</i>	
3.2.7	Tanggapan palsu melalui telefon	
3.2.8	Pemalsuan kad melalui kaedah ekstrapolasi dan pengklonan	
3.3	Faktor Pendorong Berlakunya Jenayah Kad Kredit	59
3.3.1	Kelemahan teknologi kad kredit	
3.3.2	Kelemahan kawalan Internet	
3.3.3	Kecuaian pengguna kad kredit	
3.3.4	Kekurangan dari aspek undang-undang	
3.4	Jenayah Terancang dan Pemalsuan Kad Kredit	66
3.5	Kesimpulan	69



**BAB KEEMPAT: ANALISA KEJADIAN JENAYAH  
KAD KREDIT DI MALAYSIA**

4.1	Pengenalan	71
4.2	Keadaan Semasa Jenayah Kad Kredit di Malaysia	72
4.3	Analisa Kes-Kes Jenayah Kad Kredit	76
4.3.1	Mencuri Data	
4.3.2	Membuat Kad Kredit Palsu	
4.3.3	Mengedar Kad Kredit Palsu	
4.3.4	Menggunakan Kad Kredit Palsu	
4.4	Kesimpulan	95

**BAB KELIMA: KESIMPULAN DAN LANGKAH-LANGKAH  
PENCEGAHAN**

5.1	Pengenalan	97
5.2	Kesimpulan	98
5.3	Langkah-Langkah Pencegahan Jenayah Pemalsuan Kad Kredit	100
5.3.1	Kesedaran tentang frod atau jenayah pemalsuan kad kredit	
5.3.2	Perlindungan berasaskan teknologi	
5.3.3	Pengurusan identiti	
5.3.4	Halangan atau pencegahan melalui undang-undang	
5.3.5	Meningkatkan tahap keupayaan polis	

**BIBLIOGRAFI**

## SENARAI SINGKATAN

ABM	-	Association of Banks in Malaysia
ATM	-	Automated Teller Machine
BAFIA	-	Banking and Financial Institution Act
BBA	-	Bai Bithaman Ajil
BSN	-	Bank Simpanan Nasional
CCTV	-	Close Circuit Television
CNP	-	Card Not Present
CVC	-	Card Verification Code
CVV	-	Card Verification Value
EDC	-	Electronic Data Captured
EISC	-	Electronic Internet Shopping Card
EMV	-	Europay, Mastercard, Visa
ICT	-	Information and Communication Technology
KLIA	-	Kuala Lumpur International Airport
KPA	-	Kadar Pinjaman Asas
MOTO	-	Mail Order/Telephone Order
MRMTF	-	Malaysia Risk Management Task Force
NCG	-	National Card Group
NPL	-	Non Performing Loan
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
PIN	-	Personal Identification Number
POS	-	Point of Sales
SCP	-	Situational Crime Prevention
TAC	-	Transaction Access Code

## SENARAI JADUAL

- Jadual 1 : Sistem Perbankan di Malaysia - Rangkaian dan tenaga kerja.
- Jadual 2 : Populasi penduduk dan bilangan kad kredit di pasaran Malaysia bagi tahun 2006 sehingga 2010.
- Jadual 3 : Volum dan nilai urusan kad kredit di Malaysia bagi tahun 2006 sehingga 2010.
- Jadual 4 : Senarai bank dan institusi kewangan yang mengeluarkan kad kredit di Malaysia.
- Jadual 5 : Bilangan peserta dan pengeluar instrumen pembayaran di Malaysia – kad kredit.
- Jadual 6 : Statistik kes-kes jenayah kad kredit di Malaysia bagi tahun 2006 sehingga 2010.

## SENARAI CARTA

Carta 1 : Frod Kad Kredit di Malaysia.

Carta 2 : *Modus Operandi* Frod Kad Kredit di Malaysia.

## SENARAI GAMBAR

- Gambar 1 : Contoh muka hadapan kad kredit.
- Gambar 2 : Contoh muka belakang kad kredit.
- Gambar 3 : Mesin ATM yang telah dipasang dengan alat pengimbas (*skimmer*) oleh penjenayah, kelihatan seperti biasa.
- Gambar 4 : Panel pembaca kad (*card reader*) yang ditebuk bagi meletakkan alat pengimbas.
- Gambar 5 : Panel mesin ATM yang ditebuk bagi memasang wayar penyambung.
- Gambar 6 : Telefon mudah alih digunakan untuk merakam gambar PIN, disembunyikan pada ruang lampu di bahagian atas ATM.
- Gambar 7 : Gambar sambungan wayar dari bahagian belakang mesin ATM.
- Gambar 8 : Gambar pembaca kad (*card reader*) yang ditemui yang telah dipisahkan dari mesin ATM menunjukkan kesan rosak dan telah diganggu.
- Gambar 9 : Terminal POS (*Point Of Sales*) yang diprogram semula menjadi alat pengimbas yang pernah dirampas suatu ketika dahulu.
- Gambar 10 : Alat pengimbas yang dirampas di Malaysia.
- Gambar 11 : Alat pengimbas yang pernah dirampas di Negara China.
- Gambar 12 : Pemasangan cip atau kad sim di dalam mesin EDC.
- Gambar 13 : Gambar talian telefon yang telah dibuat pintasan talian secara tidak sah.
- Gambar 14 : Sebahagian peralatan yang digunakan untuk pintasan talian telefon bagi mencuri data yang disalurkan melalui telefon.
- Gambar 15 : Kad plastik berwarna putih (*white plastic card*) yang hanya mempunyai jalur magnetik seringkali digunakan dalam kes pakatan sulit kerana penjenayah tidak memerlukan kad kredit palsu yang lengkap untuk melakukan jenayah seperti ini.
- Gambar 16 : Kad disyaki palsu pelbagai jenama di dalam peti keselamatan dijumpai di dalam rumah yang diserbu.

Gambar 17 : Kad kredit yang mempunyai *card face* dijumpai di atas meja disusun dengan dilapisi kertas karbon bagi mengelakkan dikesan oleh mesin pengimbas apabila dipos keluar negara.

Gambar 18 : Keratan akbar New Straits Times bertarikh 17 November, 2006 mengenai keputusan kes ini.

## SENARAI RAJAH

- Rajah 1 : Hubungan di antara pemegang kad, saudagar dan pengeluar kad.
- Rajah 2 : Segitiga Jenayah (*Crime Triangle*).
- Rajah 3 : Beberapa kemungkinan atau senario dalam pemalsuan dan penggunaan kad kredit.
- Rajah 4 : *Four pillared-house of payments fraud prevention practice*.

## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Manusia kini hidup di dalam dunia yang penuh dengan kredit. Setiap hari, dalam setiap keadaan kita menjadi semakin terlibat dengan pelbagai aspek kredit. Kredit menggalakkan perkembangan perniagaan dan menyediakan cara untuk mengendalikan perniagaan. Urusniaga kredit berlaku dalam pelbagai bentuk. Jenis kredit dikelaskan berdasarkan tujuan kredit tersebut dan kaedah pembayaran balik.<sup>1</sup> Kad kredit menyediakan dua perkhidmatan dengan bertindak sebagai metod pembayaran untuk barangan dan perkhidmatan dan juga sebagai sumber pinjaman kepada pemegang kad.<sup>2</sup> Kad kredit juga boleh dijadikan sebagai alternatif kepada wang tunai, cek dan kad pembayaran yang lain yang menyediakan perkhidmatan kepada pemegang kad dan juga saudagar (*merchant*) yang menerima penggunaan kad kredit.

Selain daripada sebagai salah satu metod pembayaran kad kredit juga memberikan beberapa faedah lain kepada pemegang kad. Pertama, kad kredit boleh digunakan untuk mendapatkan tunai dari ATM. Kedua, sesetengah pembelian boleh dilakukan tanpa perlu hadir dan kemukakan kad kredit, misalnya tempahan tiket wayang atau pembelian barang melalui telefon (*Mail-order/telephone-order, MOTO*). Ketiga, sebagai aktiviti untuk mempromosi kad oleh institusi pengeluar, pemegang kad mungkin boleh mendapat insurans untuk mengembara secara percuma atau lain-lain hadiah. Bagi pemegang kad, memilih untuk menggunakan kad kredit atau cara lain

---

<sup>1</sup> Cole, R & Mishler, L. (1998). *Consumer and credit management* (11th ed.). McGraw-Hill Co. Inc. diterjemah oleh Nasruddin Zainuddin et al. (2006). Sintok: ITNM dan Penerbit UUM

<sup>2</sup> Credit Card Services: A report on the supply of credit card services in the United Kingdom. Presented to Parliament by the Secretary of State for Trade and Industry by Command of Her Majesty August 1989.



untuk membuat pembayaran bergantung kepada faktor-faktor seperti mudah (*convenience*) dan dapat mengelakkan dari membawa wang tunai yang banyak.

Perkembangan penggunaan kad kredit di Malaysia sentiasa dipantau oleh Bank Negara Malaysia dan Pasukan Petugas Pengurusan Risiko Malaysia (Malaysia Risk Management Task Force, MRMTF) yang dianggotai oleh institusi pengeluar dan pemeroleh kad kredit, Polis Diraja Malaysia, wakil Visa dan MasterCard International, namun kejadian jenayah melibatkan kad kredit masih berlaku. Satu kajian perlu dilakukan bagi melihat keadaan semasa kejadian jenayah pemalsuan kad kredit di negara ini dan mencadangkan langkah-langkah mengawal perlakuan jenayah ini serta tindak balas penguatkuasaan undang-undang yang lebih baik.

## **1.2 Latar Belakang Penyelidikan**

Setiap kemudahan yang ditawarkan kepada pengguna akan wujud risikonya yang tersendiri. Bagi industri kad kredit salah satu risikonya adalah kecurian maklumat orang ramai atau maklumat pemegang kad bagi melaksanakan aktiviti jenayah pemalsuan kad kredit. Kemajuan teknologi komputer dan telekomunikasi telah melengkapkan penjenayah dengan cara-cara baru untuk mencuri maklumat seseorang tanpa mengira jarak, tempat dan masa. Kaedah lama yang masih lagi efektif digunakan oleh penjenayah adalah melalui '*dumpster diving*' iaitu dengan menyelongkar bakul sampah untuk mencari maklumat personal tentang seseorang seperti penyata bank, kad kredit yang *pre-approved* dan bil-bil utiliti.

Pada masa kini, penggunaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran adalah begitu meluas. Di Malaysia, kad kredit mula diperkenalkan pada tahun 1970an dalam bentuk kad caj.<sup>3</sup> Kini, kad pembayaran kekal sebagai kaedah pembayaran runcit paling

---

<sup>3</sup> Hidzir Yahya. (1994). *Perundangan yang mengawal urusan kad kredit di Malaysia*. Di dalam Makalah Kanun 6(1), at 1

popular bagi rakyat Malaysia.<sup>4</sup> Penglibatan institusi kewangan dalam mengeluarkan kad kredit menyebabkan industri kad kredit berkembang dengan pesat di negara ini. Jumlah kes penipuan dan kes jenayah melibatkan kad kredit juga semakin meningkat seiring dengan perkembangan penggunaan kad kredit yang pesat.<sup>5</sup>

Sejak akhir-akhir ini banyak diperkatakan mengenai kesan penggunaan kad kredit di negara ini. Perkara ini bukan sahaja tersiar di media elektronik atau media cetak malahan turut dibincangkan oleh wakil-wakil rakyat di parlimen. Salah satu isu yang disentuh adalah mengenai masalah penipuan dan pemalsuan kad kredit yang mengakibatkan kerugian berjuta-juta ringgit kepada bank-bank tempatan dan luar negara. Kerugian sebanyak ini mungkin dapat diserap oleh institusi pengeluar kad kredit atau syarikat jenama kad tetapi jumlah ini masih wujud dan agak konsisten jumlahnya sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Padahal jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh, jenayah pemalsuan kad kredit adalah jenayah yang boleh dielak. Walau pun dari segi peratusan jumlah kerugian berbanding volum transaksi adalah kecil tetapi jika dilihat dari segi nilai kerugian dalam ringgit berjumlah jutaan ringgit. Kerugian dalam jutaan ringgit ini akan jatuh ke tangan penjenayah dan membolehkan mereka melakukan pelbagai jenayah lain misalnya penggubahan wang haram dan pembelian dadah.

Setakat ini, di Malaysia tidak ada perundangan yang khusus bagi membentaras jenayah penipuan, pemalsuan<sup>6</sup> dan kecurian identiti dalam industri kad kredit. Kesalahan-kesalahan yang melibatkan kad kredit pada kebiasaannya disiasat dan didakwa menurut peruntukan undang-undang jenayah sepertimana yang terkandung dalam Kanun Keseksaan<sup>7</sup>, Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955<sup>8</sup> atau mana-mana

---

<sup>4</sup> Bank Negara Malaysia. (2009). *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, at 114

<sup>5</sup> *Ibid*

<sup>6</sup> *Supra* Nota 3, at 5

<sup>7</sup> Akta 574

<sup>8</sup> Akta 336

undang-undang yang bersesuaian. Salah satu kelemahan pada perundangan penal yang ada sekarang adalah ketiadaan peruntukan yang khusus untuk menangani kesalahan berkaitan dengan kecurian identiti dan pemalsuan kad kredit.

Disebalik peningkatan kejadian jenayah berkaitan kad kredit, permintaan kad kredit oleh pengguna dan penawaran kad kredit oleh pihak bank atau institusi kewangan lain kepada pengguna terus meningkat. Pengeluaran kad kredit yang tinggi ini dapat dilihat daripada tahap persaingan yang rancak di pasaran disamping syarat pengeluaran kad kredit yang lebih mudah di kalangan institusi pengeluar kad kredit. Selain itu, nilai transaksi dagangan melalui kad kredit di Malaysia juga meningkat. Perkembangan penggunaan kad kredit di Malaysia menunjukkan bahawa pada masa jenayah ini sedang meningkat, orang ramai selaku pengguna dan juga institusi kewangan selaku pengeluar tetap menunjukkan sokongan dan kepercayaan kukuh mereka kepada industri kad kredit. Keghairahan institusi kewangan untuk terus terlibat dalam industri kad kredit disebabkan jumlah keuntungan jangka panjang yang tinggi. Manakala di pihak pengguna atau pemegang kad pula, kad kredit selalunya dianggap sebagai lambang kemewahan. Bagi penjenayah, kemunculan kad kredit adalah peluang kepada mereka untuk mendapatkan wang dan mengaut keuntungan yang mudah dengan cara mengeksploitasi kelemahan orang ramai, pemegang kad kredit dan kelemahan sistem atau teknologi penggunaan kad kredit di pasaran.<sup>9</sup> Setakat ini belum ada kajian yang mendalam dibuat bagi memahami bagaimana jenayah pemalsuan kad kredit berlaku di negara ini.

---

<sup>9</sup> Jackson, M.E. (1994). *Practical Criminal Investigation*. (5<sup>th</sup> ed.). California: Copperhouse Publishing Co.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Jenayah pemalsuan kad kredit adalah jenayah yang kompleks dan merupakan jenayah terancang. Peningkatan kejadian jenayah pemalsuan kad kredit di Malaysia dikatakan selari dengan peningkatan bilangan pengeluaran dan penggunaan kad kredit di pasaran. Terdapat kalangan yang berpendapat bahawa kegagalan bank dan institusi pengeluar kad untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan serta meningkatkan ciri-ciri keselamatan pada kad kredit merupakan punca peningkatan jenayah pemalsuan kad kredit. Dengan memahami bagaimana jenayah ini terlaksana membolehkan pihak berkuasa merangka tindak balas undang-undang dan tindakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan berdasarkan teori-teori kriminologi. Kajian sebegini penting kerana dapatannya nanti dapat dinyatakan sebagai panduan kognitif dan boleh digunakan dalam merancang langkah-langkah pencegahan dalam menangani jenayah pemalsuan kad kredit di negara ini.

### 1.4 Objektif Kajian

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan dalam pernyataan masalah, disenaraikan objektif kajian seperti berikut :

- i. menghuraikan tentang jenayah pemalsuan kad kredit di Malaysia,
- ii. mengenalpasti *modus operandi* yang sering digunakan oleh penjenayah semasa melakukan jenayah pemalsuan kad kredit,
- iii. melihat keberkesanan undang-undang dalam membendung kejadian pemalsuan kad kredit, dan
- iv. mencadangkan langkah-langkah menanganinya.

## 1.5 Skop Kajian

Kajian ini akan melihat keadaan jenayah pemalsuan kad kredit di Malaysia dan hanya menumpukan kepada tempoh masa di antara tahun 2006 sehingga 2011 sahaja. Fokus kajian adalah kepada aspek pengurusan keselamatan akaun kad kredit dan pemalsuan kad kredit, ciri-ciri keselamatan kad kredit dan siasatan kes-kes pemalsuan kad kredit. Kajian ini tidak akan melewati atau terkeluar dari jenayah pemalsuan kad kredit. Kajian hanya dilakukan di jabatan PDRM. Saiz kajian yang kecil menyebabkan penyelidik tidak menjalankan kajian di Bank Negara Malaysia, bank dan institusi pengeluar kad kredit atau pemain industri yang lain.

## 1.6 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan perkara yang penting untuk difikirkan dan diberikan perhatian dalam sebarang kajian kerana metodologi menentukan sesuatu penyelidikan tersebut dijalankan dengan sempurna, betul dan mendapat hasil yang tepat dalam sesuatu permasalahan kajian. Kajian kualitatif dalam kriminologi telah lama diperkenalkan sejak kajian ethnografi tentang jenayah dan tingkah laku yang melencong (*deviant*) yang dilakukan oleh Chicago School sekitar tahun 1920 dan 1930an.<sup>10</sup> Bagi kajian ini, pendekatan di bawah digunakan:

### i. Kajian Kepustakaan

Kajian ini dilakukan dengan mengambil pendekatan kajian kepustakaan (*library research*). Berdasarkan kaedah ini, berbagai maklumat yang sedia terhimpun dapat digunakan bagi menjelaskan tentang jenayah ini. Penulis menggunakan beberapa

---

<sup>10</sup> Noaks, L. & Wincup, E. (2004). *Criminological Research: Understanding Qualitative Methods*. London: Sage Publications, at 1

sumber untuk mendapatkan maklumat. Sumber utama kajian adalah dengan merujuk kepada buku-buku, kertas kerja, kertas persidangan, makalah, keratan akbar dan laman sesawang yang membincangkan isu-isu yang relevan dengan tujuan dan skop pengkajian ini. Untuk sumber utama, rujukan dibuat di Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Bank Negara Malaysia dan Perpustakaan Maktab Polis Diraja Malaysia. Data dan maklumat juga diperolehi dari laporan dan statistik dari Bank Negara Malaysia serta Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman.

## **ii. Analisa Kes**

Analisa dilakukan ke atas beberapa kes jenayah pemalsuan kad kredit yang diperolehi dari Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis Diraja Malaysia. Beberapa kes terpilih yang pernah dikendalikan oleh unit ini sejak tahun 2006 hingga 2011 diambil untuk dianalisa. Setiap maklumat dalam kertas siasatan dibuat semakan yang merangkumi laporan polis, keterangan ringkas kes, minit-minit kertas siasatan, rakaman percakapan saksi-saksi, suspek, diari penyiasatan pegawai penyiasat, laporan-laporan seperti laporan ketulinan kad, keputusan penyiasatan, pertuduhan, keputusan perbicaraan dan barang-barang kes yang dikemukakan di mahkamah. Penganalisan kes dibuat dari aspek kriminologi, *modus operandi* dan dengan melihat kekuatan serta kelemahan peruntukan akta, garis panduan agar cadangan dapat diberikan untuk mengatasi kelemahan yang mungkin wujud. Kajian berbentuk kualitatif seperti ini dibuat sejajar dengan cadangan Noaks dan Wincup (2004) yang mengesyorkan penyelidikan kriminologikal menggunakan pendekatan kualitatif kerana sangat sesuai untuk kajian tentang jenayah dan keadilan jenayah.<sup>11</sup>

---

<sup>11</sup> *Ibid*

### iii. Temuduga

Masalah untuk mendapat akses dan memungut data adalah soalan yang asas sama ada sesuatu kajian boleh dibuat dalam konteks tersebut, terutamanya jika penyimpan maklumat atau data bukan hanya pegawai peringkat bawahan sahaja.<sup>12</sup> Bagi mendapat maklumat secara langsung bagi kajian ini, temuduga dan pengesahan telah dibuat dengan Superintenden (Supt) Adlan bin Ahmad, Pegawai Turus Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM pada 24 hb Ogos, 2011. Sumber maklumat terbaik juga diperolehi daripada hasil temuduga Asisten Superintenden Polis (ASP) Mohd Norhasnimaizam bin Othman, Pegawai Penyiasat merangkap Pegawai Operasi bagi kes-kes yang berkaitan pemalsuan kad kredit yang terlibat secara langsung mengendalikan kes-kes ini pada 25 hb Ogos, 2011. Pegawai polis pastinya sangat sensitif apabila hendak bercakap dengan penyelidik kerana had kepada dokumen yang sulit perlu dipertimbangkan dengan berhati-hati.<sup>13</sup> Penyelidik juga mempunyai tanggungjawab kepada peserta dan kepentingan awam terutamanya dari segi pendedahan fakta tentang kesalahan jenayah.<sup>14</sup>

### 1.7 Limitasi Kajian

Asas kepada kajian kriminologi memerlukan pertimbangan tentang etika kajian bagi melindungi keselamatan serta kepentingan peserta dan penyelidik.<sup>15</sup> Ini menyebabkan pentingnya aspek seperti kebenaran (*consent*) dan kerahsiaan. Jika pendedahan tidak dapat dielakkan penyelidik perlu mengurangkan risiko dengan tidak mendedahkan identiti dengan sepenuhnya. Semasa kajian ini dijalankan terdapat beberapa limitasi

---

<sup>12</sup> Jupp, V. (1996). *Methods of Criminological Research*. London & New York: Routledge, at 20

<sup>13</sup> Buckland, G. & Wincup, E. (2004). *Researching Crime & Criminal Justice*. Di dalam Muncie, J. & Wilson, D. (Eds.). *Student Handbook of Criminal Justice and Criminology*. London, UK: Cavendish Publishing Ltd, at 35-48

<sup>14</sup> *Ibid*

<sup>15</sup> *Ibid*

dan halangan, di antaranya masalah untuk mendapat rekod atau statistik mengenai kejadian jenayah pemalsuan kad kredit kerana di negara ini tiada undang-undang yang khusus bagi mengawal kesalahan ini. Oleh itu terdapat variasi rekod yang disimpan oleh agensi pengawalan dan penguatkuasaan, misalnya Bank Negara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Perbezaan cara penyimpanan rekod menyebabkan data yang diperolehi sukar untuk dibuat perbandingan. Terdapat sebilangan kes-kes pemalsuan kad kredit yang tidak dilaporkan kepada polis dan diselesaikan sendiri oleh institusi pengeluar kad. Tujuannya untuk menjaga imej dan reputasi institusi mereka dari tercemar sekiranya kejadian tersebut diketahui umum. Bank dan institusi pengeluar kad yang lain hanya akan melaporkan kejadian kepada Bank Negara Malaysia dan berkongsi maklumat dengan MRMTF. Justeru itu, terdapat percanggahan perangkaan yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

Masalah lain adalah kesukaran untuk mendapatkan data-data yang diperlukan bagi menjalankan kajian disebabkan oleh faktor-faktor keselamatan dan kerahsiaan. Data-data mengenai kejadian pemalsuan kad kredit adalah sesuatu yang sensitif dan dianggap sulit serta boleh mencemarkan imej sesebuah bank atau institusi pengeluar dan jenama kad jika berlaku kebocoran. Oleh itu, pendedahan data-data ini secara terperinci tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya bagi mengelakkan dieksploitasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

## **1.8 Ringkasan Bab**

Bab Pertama akan menerangkan tentang pengenalan kajian ini meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian dan limitasi kajian. Kepentingan kajian yang dinyatakan di dalam bab ini adalah untuk melihat



kejadian jenayah pemalsuan kad kredit di negara ini dan mencadangkan langkah-langkah untuk mencegahnya.

Bab Kedua akan melihat kepada pengertian dan istilah yang digunakan di dalam kajian ini serta menghuraikan tentang jenayah pemalsuan kad kredit dan perkembangan penggunaan kad kredit di Malaysia. Akta dan Garis Panduan mengenai pengeluaran dan penggunaan kad kredit yang berkuatkuasa di negara ini juga akan disentuh.

Bab Ketiga akan meninjau kepada *modus operandi* yang sering digunakan oleh penjenayah semasa melakukan jenayah pemalsuan kad kredit dan faktor-faktor yang mendorong berlakunya jenayah pemalsuan kad kredit. *Modus operandi* yang dipaparkan di dalam kertas kajian ini kebanyakannya pernah dilaporkan berlaku di negara ini. *Modus operandi* yang hampir serupa juga ditemui di negara-negara lain di seluruh dunia. Kajian akan melihat perkaitan di antara *modus operandi* dan lokasi kejadian.

Bab Keempat akan melihat kepada keadaan semasa jenayah kad kredit di Malaysia berdasarkan laporan-laporan dari Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan tulisan-tulisan yang berkaitan. Bab ini juga akan membincangkan tentang analisa kes-kes jenayah kad kredit yang berlaku di negara ini. Beberapa kes terpilih yang telah disiasat oleh pihak Polis Diraja Malaysia telah diambil untuk dibuat analisa mengenai kejadian yang berlaku. Analisa yang dibuat bermula daripada kes-kes pencurian data, membuat kad kredit palsu, mengedar kad kredit palsu dan menggunakan kad kredit palsu. Penganalisan dibuat dari aspek kriminologi seperti sasaran, penjenayah dan juga kesesuaian undang-undang.

Manakala Bab Kelima akan merumuskan hasil kajian yang telah dijalankan. Menyatakan pandangan para sarjana tentang aspek pencegahan dan mencadangkan langkah-langkah pencegahan yang patut diambil oleh pemegang kad kredit, institusi

pengeluar kad, syarikat jenama kad serta langkah kerajaan bagi membendung masalah pemalsuan kad kredit di negara ini.

## **1.9 Kesimpulan**

Kemajuan teknologi yang pantas menyebabkan dunia kini seakan tiada batas sempadan. Urusan perhubungan dan perniagaan menjadi semakin mudah dan singkat, tetapi kemajuan dan kemudahan yang dibangunkan telah disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu demi kepentingan peribadi mereka. Setiap kemajuan dan kemudahan yang ditawarkan akan wujud risikonya. Pemprosesan data dan penyimpanan maklumat menjadi isu keselamatan yang sangat penting dewasa ini. Data atau maklumat boleh disalurkan ke merata tempat dengan sekelip mata. Inilah salah satu risiko yang dihadapi oleh pengeluar kad kredit kerana data seseorang individu boleh disalahgunakan dalam aktiviti pemalsuan kad kredit. Oleh itu kajian ini dijalankan bagi menghuraikan perilaku jenayah pemalsuan kad kredit supaya tidak balas perundangan dan penguatkuasaan yang tepat dapat dilaksanakan berdasarkan teori-teori kriminologi.

**BAB KEDUA**  
**PERKEMBANGAN**  
**PENGGUNAAN KAD KREDIT DI MALAYSIA**

**2.1 Pengenalan**

Bab ini akan meninjau perkembangan penggunaan kad kredit di Malaysia. Aspek-aspek yang akan dibincangkan termasuklah istilah-istilah penting, faktor pendorong kemunculan kad kredit, statistik perkembangan penggunaan kad kredit, perundangan dan garis panduan yang berkaitan dengan kad kredit serta isu pemalsuan kad kredit. Perbincangan dibuat bagi memahami keadaan semasa jenayah pemalsuan kad kredit, perkembangan penggunaan kad kredit serta perundangan yang mengawal pengeluaran dan penggunaan kad kredit. Selepas membaca bab ini, pembaca akan mengetahui tentang keadaan semasa perkembangan penggunaan kad kredit sebagai satu instrumen pembayaran di negara ini. Pembaca juga akan dijelaskan tentang undang-undang yang mengawal kad kredit di Malaysia. Maklumat ini penting kepada pembaca bagi menilai kedudukan semasa dan supaya lebih mudah memahami perbincangan pada bab-bab yang akan datang.

Kad kredit kini menjadi sebagai sebahagian daripada item yang penting dalam urusan perniagaan. Penggunaan kad kredit di Malaysia telah meningkat dengan pesatnya dari tahun ke tahun. Mengikut Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia pada tahun 2010, peningkatan nilai pasaran kad kredit memberi gambaran bahawa saiz pasaran kad kredit berkembang dengan pantas serta menyumbang kepada nilai dagangan dan jumlah transaksi yang tinggi kepada ekonomi Malaysia.<sup>16</sup> Perkembangan penggunaan kad kredit sebagai kad pembayaran dalam perniagaan seiring dengan perkembangan teknologi

---

<sup>16</sup>Bank Negara Malaysia (2010). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2010*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia

semasa. Kajian menunjukkan pengguna kad kredit cenderung untuk berbelanja 17 peratus lebih daripada individu yang berurusan menggunakan wang tunai.<sup>17</sup>

Penggunaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran di Malaysia bermula sejak tahun 70an. Mengikut sejarah, kad kredit pertama diperkenalkan di Amerika Syarikat lebih kurang pada tahun 1914 oleh beberapa syarikat minyak kepada pelanggannya untuk pembelian minyak gas, minyak dan alat-alat tambahan di stesen-stesen syarikat.<sup>18</sup> Pada tahun 1950 Diners' Club, Inc., mungkin merupakan syarikat yang pertama yang mengeluarkan kad yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan. Lebih kurang pada tahun 1958, syarikat American Express dan dua buah bank besar iaitu Bank of America dan Chase Manhattan telah menyertai bidang kad kredit dan syarikat ini telah memperkenalkan kadnya ke United Kingdom.<sup>19</sup> Pada tahun 1966 Barclays Bank menjadi Bank Britain yang pertama yang memperkenalkan kad kredit yang dikenali sebagai Barclaycards.<sup>20</sup> Kemudian kad kredit telah berkembang ke serata dunia dan diterima secara global. Penerimaan penggunaan kad kredit sebagai kad pembayaran menyumbang kepada pengeluaran kad dan persaingan yang sengit di kalangan institusi pengeluar kad kredit.

## 2.2 Istilah-Istilah Penting

Kajian ini menggunakan tiga istilah yang penting iaitu kad kredit, pemalsuan kad kredit dan kecurian identiti disamping istilah-istilah lain yang berkaitan dengan isu yang dikaji

---

<sup>17</sup> Mohd. Azis Ngah & Alzahrin Alias. (2010, Julai 24). Kad kredit punca hutang besar. *Berita Harian*, Ruangan Nasional, p.10

<sup>18</sup> Holden, J.M. (1991). *The law and practice of banking: Banker and Customer* (5<sup>th</sup> ed.) Vol 1. London :Pitman Publishing diterjemahkan oleh Badariah Shahamid & Ramlah Muhamad. (1992). *Jurubank dan pelanggan: undang-undang dan amalan urusan bank*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, at 358.

<sup>19</sup> *Ibid*

<sup>20</sup> *Ibid*

dalam skop kajian ini. Kepentingan untuk memahami istilah ini adalah kerana istilah-istilah ini seringkali digunakan di dalam kajian ini serta artikel, jurnal, laporan atau apa-apa tulisan yang berkaitan dengan jenayah kad kredit yang dibuat rujukan.

### **Kad kredit**

Kad kredit adalah kad untuk membeli secara berhutang. Dalam bidang perniagaan, kad kredit dirujuk sebagai alat untuk membolehkan pembelian atau peminjaman dengan janji untuk membayar balik pada tarikh yang lebih lewat. Kad kredit memberi kemudahan kewangan kepada pemegang kad untuk berbelanja berdasarkan nilai tertentu, bergantung kepada jenis kad kredit tersebut, walaupun tanpa sokongan kewangan sebenar dalam akaun mereka.<sup>21</sup> Mengikut *Oxford Dictionary of Finance and Banking* mendefinisikan kad kredit sebagai:

*A plastic card issued by a bank or finance organization to enable holders to obtain credit in shops, restaurants, petrol stations, etc. The retailer or trader receives monthly payments from the credit-card company equal to its total sales in the month by means of that credit card, less a service charge. Customers also receive monthly statements from the credit-card company, which may be paid in full within a certain number of days with no interest charged, or they may make a specified minimum payment and pay interest on the outstanding balance. Credit cards may be used to obtain cash either at a bank or its ATMs.*<sup>22</sup>

Mengikut Kamus Undang-Undang Oxford Fajar<sup>23</sup>, kad kredit dinyatakan sebagai sejenis kad plastik yang dikeluarkan oleh bank atau organisasi kewangan yang membolehkan pemiliknya mendapatkan kredit apabila membuat belian. Biasanya, menurut kamus ini lagi penggunaan kad kredit melibatkan tiga kontrak:

- i. Kontrak antara syarikat yang mengeluarkan kad kredit dengan pemilik kad dimana pemilik boleh menggunakan kad untuk membeli barang-barang, dan berjanji untuk

---

<sup>21</sup> Forge, W. (2000). Organising plastic fraud: a case study in Well Fargo. *Journal of Criminal Justice* 2(2) (November): 118-129.

<sup>22</sup> *Oxford Dictionary of Finance & Banking*. (2008). (4<sup>th</sup> ed.) Oxford University Press

<sup>23</sup> *Kamus Undang-Undang Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu*. (1995). Oxford Fajar Sdn. Bhd, at 143.

membayar kepada syarikat kredit harga yang dikenakan oleh penjual. Pemilik biasanya menerima penyata bulanan daripada syarikat kredit, yang memerlukan membayar jumlah sepenuhnya dalam suatu tempoh (hari) tanpa dikenakan faedah; sebagai pilihan dia boleh membuat bayaran minimum tertentu termasuk kadar faedah yang tinggi ke atas baki semasa.

- ii. Kontrak antara syarikat kredit dengan pembekal di mana pembekal bersetuju menerima bayaran daripada penggunaan kad dan syarikat kredit bersetuju membayar kepada penjual, harga barang-barang yang dibekalkan mengikut sesuatu potongan harga yang ditetapkan.
- iii. Kontrak antara pemilik kad dengan pembekal, yang bersetuju untuk membekalkan barang-barang atas dasar bahawa bayaran akan diperolehi daripada syarikat kredit.<sup>24</sup>

Manakala mengikut Laudon dan Trevor (2003):

*Credit cards offer consumers a line of credit and the ability to make small and large purchase instantly. They are widely accepted as a form of payment, reduce the risk of theft associated with carrying cash, and increase consumer convenience. Credit cards also offer consumers considerable float.....Once a card is reported stolen, consumers are not liable for any subsequent charges.*<sup>25</sup>

Di Malaysia, uruniaga kad kredit sebelum ini ditakrifkan sebagai perniagaan tanda kredit (*credit token business*) seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989. Walau bagaimanapun setelah Akta Sistem Pembayaran 2003<sup>26</sup> diluluskan, kad kredit telah ditakrifkan sebagai salah satu instrumen pembayaran di dalam sistem pembayaran.

---


<sup>24</sup> *Ibid*

<sup>25</sup> Laudon, K.C. & Traver, C.G. (2003). *E-commerce: business, technology, society.* (2<sup>nd</sup> ed.). New York: Pearson Addison Wesley

<sup>26</sup> Akta 627. Telah diwartakan pada 7 Ogos 2003

Gambar 1 dan 2 di bawah menunjukkan contoh kad kredit yang dikeluarkan oleh sebuah institusi pengeluar kad berjenama Visa.

**Gambar 1: Contoh muka hadapan kad kredit**



**Gambar 2: Contoh muka belakang kad kredit**



Pengeluar instrumen pembayaran di negara ini dikehendaki mendapat kelulusan dari Bank Negara Malaysia mengikut peruntukan seksyen 25 Akta Sistem Pembayaran 2003<sup>27</sup> dan memenuhi keperluan Garis Panduan Operasi Sistem Pembayaran atau Pengeluaran Instrumen Pembayaran. Kad kredit di Gambar 1 dan 2 di atas telah dirampas di dalam serbuan pihak polis dan kad ditebuk pada jalur magnetik bagi mengelakkan kad ini diguna semula. Kualiti kad yang dirampas ini adalah setaraf dengan kad tulin. Institusi pengeluar dan syarikat jenama kad sentiasa menambahbaik kad kredit yang dikeluarkan bagi mengelakkan dipalsukan. Oleh itu reka bentuk kad secara fizikalnya sentiasa berubah-ubah terutamanya pada permukaan kad (*card face*) dan penambahan ciri-ciri keselamatan kad dari semasa ke semasa selari dengan perubahan teknologi.

Tiga jenis kad kredit yang terdapat di dalam pasaran pada masa kini ialah kad platinum, kad emas dan kad klasik yang berbeza dari segi jumlah kredit yang dihadkan kepada pengguna. Berasaskan kepada perbelanjaan mereka, pengguna kad kredit hanya perlu membayar kembali jumlah perbelanjaan termasuk faedah serta mempunyai tempoh masa tertentu untuk menjelaskannya. Sekiranya pengguna lambat membuat bayaran, maka nilai bayaran akan bertambah dan pengguna akan dikenakan faedah. Penggunaan kad kredit mendapat sambutan kerana kad kredit mampu memberi kuasa beli kepada

---

<sup>27</sup> Issuing of designated payment instruments

**25.** (1) No person shall issue a designated payment instrument unless he has—

- (a) submitted to the Bank the documents and information as may be prescribed by the Bank;
- (b) paid the fee prescribed by the Bank; and
- (c) obtained a written approval from the Bank to issue a designated payment instrument;

(2) The Bank may in giving its approval—

- (a) require all or any of the documents submitted to be modified and altered as it may deem necessary; and
- (b) impose such restriction, limitations or conditions as it may deem fit.




pengguna. Pengguna juga tidak perlu membawa wang secara fizikal untuk berbelanja, sebaliknya hanya perlu membawa kad kredit sahaja dan boleh digunakan di premis-premis perniagaan yang menerima kad kredit sebagai instrumen pembayaran.

Fungsi kad kredit mengikut Drury & Ferrier (1984) dapat diringkaskan sebagai:

*'the holder may obtain extended credit up to an agreed limit at a published rate of interest'.<sup>28</sup>*

Drury & Ferrier juga menggambarkan perhubungan diantara pemegang kad, peniaga atau saudagar (*merchant*) dan pengeluar kad adalah sepertimana Rajah 1 di bawah.<sup>29</sup> Pemegang kad diberikan had untuk berhutang oleh pengeluar kad dan dengan kuasa beli tersebut pemegang kad boleh mendapatkan barangan atau perkhidmatan daripada saudagar atau peniaga.



**Rajah 1: Hubungan diantara pemegang kad, saudagar dan pengeluar kad.**

Saudagar kemudiannya menuntut bayaran kembali dalam tempoh yang tertentu daripada pengeluar kad. Pengeluar kad kemudiannya akan menuntut bayaran kebiasaannya secara bulanan dari pemegang kad yang boleh dibayar secara ansuran

<sup>28</sup> Drury, T. & Ferrier, C.W. (1984). *Credit Cards*. London: Butterworths, at 7.

<sup>29</sup> *Id* at 88.

dengan menetapkan syarat-syarat tertentu seperti mengenakan caj kewangan dan faedah pada kadar yang ditentukan.

### **Pemalsuan kad kredit**

Pemalsuan di dalam Bahasa Inggeris merujuk kepada 3 perkataan yang sering digunakan iaitu *counterfeit*, *forgery* dan *clone*. Mengikut *The Encyclopedia Americana International Edition*, maksud pemalsuan (*counterfeiting*) adalah:

*'Is the illegal reproduction and distribution of a govt's currency, coins, postage stamps, or bond. The meaning of the term has been extended to include also non governmental obligations such as stock certificates and bonds, airline tickets, travellers' checks, credit cards and even the promotional merchandise coupons widely issued. Because all these items are more or less negotiable, they can become money equivalents.'*<sup>30</sup>

Mengikut *The New Peguin Encyclopedia*, pemalsuan (*counterfeiting*) adalah:

*'Imitating some object in order to pass off the imitation as genuine.'*<sup>31</sup>

Mengikut Kamus Undang-Undang Oxford Fajar, pemalsuan (*forgery*) adalah satu kesalahan membuat suatu alat palsu dengan tujuan supaya ia diterima sebagai suatu yang asli dan akan menimbulkan kesusahan kepada orang lain. Sesuatu alatan dikira palsu jika ia telah dibuat atau diubah:

- i. Oleh atau dengan kuasa seseorang yang tidak sepatutnya melakukannya,
- ii. Pada tarikh atau di tempat yang tidak sepatutnya, atau
- iii. Oleh seseorang yang tidak wujud.

Peralatan yang disebutkan di dalam kamus ini termasuklah wang atau kiriman pos, setem, sijil syer, pasport, cek, kad cek, kad kredit, dan salinan butir-butir dalam surat beranak,

---

<sup>30</sup> *The Encyclopedia Americana International Edition*. (Vol 8).(1988). Connecticut, US: Grolier Incorporated, at 90.

<sup>31</sup> Crystal, D (Eds). (2002). *The New Penguin Encyclopedia 2003*. England: Penguin Books, at 392.

sijil nikah atau mati.<sup>32</sup> Manakala *clone* menurut Oxford Advanced Learner's Dictionary yang takrifkannya sebagai:

*'illegally make an electronic copy of stored information from a person's credit card or mobile phone so that you can make payments or phone calls but the owner of the card or phone receive the bill.'*<sup>33</sup>

Mengikut undang-undang Malaysia, dalam Kanun Keseksaan, pemalsuan dinyatakan di bawah Bab XVIII mengenai kesalahan-kesalahan berkenaan dengan surat, matawang kertas dan surat janji bayaran bank. Seksyen 463 Kanun Keseksaan yang menyatakan tentang pemalsuan iaitu:

*Barang siapa membuat sesuatu surat atau sebahagian surat palsu dengan niat hendak menyebabkan kerosakan atau bencana kepada awam atau kepada seseorang, atau hendak menyokong apa-apa tuntutan atau hak, atau hendak menyebabkan seseorang melepaskan harta atau membuat apa-apa kontrak yang nyata atau yang disifatkan ada, atau dengan niat hendak melakukan tipuan atau supaya tipuan boleh dilakukan, adalah melakukan pemalsuan.*

Oleh kerana tiada ayat yang khusus tentang pemalsuan kad kredit di dalam seksyen di atas atau di dalam Kanun Keseksaan maka kad kredit selalunya dirujuk sebagai cagaran berharga<sup>34</sup> iaitu bermaksud suatu surat atau sesuatu yang berupa suatu surat yang dengannya suatu hak di sisi undang-undang diwujudkan. Oleh itu pemalsuan kad kredit dirujuk sebagai pemalsuan suatu cagaran berharga<sup>35</sup>. Pemalsuan kad kredit merupakan frod kad kredit yang cepat berkembang dan pengeluaran kad kredit palsu menjadi semakin

---

<sup>32</sup> *Kamus Undang-Undang Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu*. (1995). Oxford Fajar Sdn. Bhd, at 236.

<sup>33</sup> *Oxford Advanced Learner's Dictionary :International Student's Edition*. (7<sup>th</sup> ed.). (2008). Oxford University Press

<sup>34</sup> Seksyen 30 Kanun Keseksaan menyatakan 'cagaran berharga' sebagai suatu surat atau sesuatu yang berupa suatu surat, yang dengannya suatu hak di sisi undang-undang diwujudkan, diperluaskan, dipindahkan, dihadkan, dihapuskan, atau dilepaskan, atau yang dengannya seseorang mengakui bahawa ia adalah bertanggung di sisi undang-undang atau tidak mempunyai sesuatu hak di sisi undang-undang.

<sup>35</sup> Di dalam kes PP v Hoo Chee Keong [1997] 2 CLJ Supp, diputuskan '*As to whether the documents were valuable securities as in s.474 of the Penal Code, the phrase **valuable security** is defined in s.30 of the same code. It is valuable security as long as the document purports to give authority to some person to deliver movable property, as to whether a legal right is created under s.474 of the code, a right qualifies as a legal right so long it is recognized as such.*

mudah dengan perkembangan teknologi.<sup>36</sup> Mangsa atau pemegang kad kredit jarang menyedari bahawa kad kredit mereka telah diklon kerana kad asal masih dalam milik mereka. Di dalam kebanyakan kes, aktiviti mengimbas (*skimming*) dan membuat kad kredit palsu akan dilakukan secara bersama-sama.<sup>37</sup> Penjenayah akan bekerjasama, satu pihak akan melakukan kerja-kerja mengimbas, manakala satu pihak lagi akan membuat kad kredit palsu dengan menggunakan maklumat yang dicuri dari hasil aktiviti imbasan tersebut. Penjenayah hanya perlu membelanjakan sedikit wang bagi mengatasi sistem kerana peralatan yang digunakan untuk membuat kad kredit adalah murah dan mudah diperolehi.<sup>38</sup>

### **Kecurian identiti**

Kecurian identiti di dalam kajian ini merujuk kepada situasi di mana seseorang telah menggunakan identiti orang lain bagi membangunkan kad kredit palsu. Kecurian identiti boleh berlaku dengan pelbagai cara seperti kecurian ke atas maklumat akaun kad kredit dan butiran diri yang penting pengguna kad semasa memohon kad kredit.<sup>39</sup> Oleh itu, seseorang akan menjadi mangsa kepada jenayah penipuan apabila maklumat dirinya dicuri bagi membolehkan orang lain membentuk kad kredit di atas namanya dan menggunakannya secara tidak sah. Mengikut Fichtelberg (2008):

*Hackers sought to break into systems that can give a hacker access to all sorts of confidential information, even financial records, that they can use for personal enrichment. Often this will be credit card numbers, social security numbers or other confidential information that they can turn into profit. Much of this information, especially social security numbers can be used for identity theft, when*

---

<sup>36</sup> Barker, K.J., D'Amato, J. & Sheridan, P. (2008). Credit card fraud: Awareness and prevention. *Journal of Financial Crime*. Vol. 15 No. 4, 2008 pp. 398-410. Emerald Group Publishing Limited. [www.emeraldinsight.com/1359-0790.htm](http://www.emeraldinsight.com/1359-0790.htm) Diakses pada 15/7/2011

<sup>37</sup> *Ibid*

<sup>38</sup> *Ibid*

<sup>39</sup> Home, B. (1998). *Identity Theft disrupts Fayetteville woman's life*. Stanford: Stanford University Press.

*the numbers to apply for credit cards are known and the loans must ultimately be paid by the victim.*<sup>40</sup>

Apabila kecurian identiti berlaku, penjenayah boleh menggunakan nama, nombor kad pengenalan, nombor lesen memandu dan lain-lain butiran peribadi mangsa seperti akaun bank untuk kepentingan kewangan mereka. Walau pun kejadian kecurian identiti telah lama berlaku, sebenarnya tiada satu tafsiran yang jelas tentang maksud kecurian identiti di seluruh dunia. Kenyataan ini disokong oleh Koops & Leenes (2006) yang menyatakan tiada satu tafsiran yang jelas mengenai kecurian identiti dan mereka telah mencadangkan definisi kecurian identiti mengikut hirarki berikut:

- ***'Identity-related crime'*** concerns all punishable activities that have identity as a target or a principal tool.
- ***'Identity fraud'*** is fraud committed with identity as a target or principal tool.
- ***'Identity theft'*** is fraud or another unlawful activity where the identity of an existing person is used as a target or principal tool without that person's consent.<sup>41</sup>

Di Amerika Syarikat misalnya, tiada tafsiran tentang kecurian identiti sehinggalah *Identity Theft and Assumption Deterrence Act 1998* diperkenalkan oleh pihak persekutuan.<sup>42</sup> Akta ini menyatakan pesalah kecurian identiti sebagai seorang yang:

*...knowingly transfers or uses, without lawful authority, any name or number that may be used, alone or in conjunction with any other information, to identify a specific individual with the intent to commit, or to aid or abet, any unlawful activity that constitutes a violation of Federal law, or that constitutes a felony under any applicable State or local law.*<sup>43</sup>

---

<sup>40</sup> Fichtelberg, A. (2008). *Crime without borders: An introduction to international criminal justice*. New Jersey: Pearson Prentice Hall, at 266.

<sup>41</sup>Koops, B. J. & Leenes, R. (2006). *Identity Theft, Identity Fraud and/or Identity-related Crime: Definitions matter*. [http://www.fidis.net/fileadmin/fidis/publications/2006/DuD09\\_2006\\_553.pdf](http://www.fidis.net/fileadmin/fidis/publications/2006/DuD09_2006_553.pdf). Diakses pada 10/7/2011

<sup>42</sup>Newman, G. R., & McNally, M. M. (2005, January). *Identity theft literature review*. Paper prepared for the National Institute of Justice focus group meeting, Washington, DC.

[http://www.acrobatplanet.com/go/Identity\\_Theft\\_Literature\\_Review.pdf](http://www.acrobatplanet.com/go/Identity_Theft_Literature_Review.pdf). Diakses pada 12/7/2011

<sup>43</sup> *Ibid*

Kecurian identiti adalah '*dual crime*' kerana selalunya melibatkan dua mangsa iaitu individu yang identitinya dicuri dan perniagaan yang mana perkhidmatannya dicuri.<sup>44</sup> Secara realitinya, individu tidak selalunya dilayan sebagai mangsa kerana mereka dianggap tidak akan menanggung tanggungjawab yang sepenuhnya (*ultimate*) akibat dari kerugian kewangan yang dialami.<sup>45</sup>

Di Amerika Syarikat, orang yang telah meninggal dunia merupakan sasaran yang digemari oleh pencuri identiti.<sup>46</sup> Kanak-kanak dan orang tua tidak menjadi sasaran utama walau pun golongan ini secara amnya merupakan golongan yang mudah dipengaruhi atau terdedah pada bahaya (*vulnerable*). Mengikut trend di Amerika Syarikat, pencuri identiti terdiri dari penagih dadah atau mereka yang terlibat dengan aktiviti yang berkaitan dengan narkotik terutamanya berkaitan dengan methamphetamine.<sup>47</sup> Oleh kerana penalti bagi kesalahan berkaitan dadah adalah berat, maka mereka beralih kepada aktiviti mencuri identiti yang lebih menguntungkan dan lebih selamat.

### **2.3 Perkembangan Penggunaan Kad Kredit di Malaysia**

Perkembangan penggunaan kad kredit di Malaysia adalah berkait rapat dengan sistem perbankan dari segi rangkaian dan tenaga kerja kerana kad kredit merupakan salah satu produk yang ditawarkan oleh bank-bank di negara ini. Penambahan bilangan bank dan peningkatan kemudahan yang ditawarkan akan menarik minat pengguna untuk memiliki dan menggunakan kad kredit. Sistem perbankan di Malaysia terbahagi kepada tiga iaitu

---

<sup>44</sup> *Supra* Nota 36

<sup>45</sup> *Supra* Nota 36

<sup>46</sup> Brody, R.G., Mulig, E., Kimball, V. (2007). Phishing, Pharming and Identity Theft. *Academy of Accounting and Financial Studies Journal*, Volume 11, Number 3, 2007

<http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.97.6078&rep=rep1&type=pdf>. Diakses pada 12/7/2011

<sup>47</sup> *Ibid*

Bank Komersial, Bank Pelaburan dan Bank Islamik. Bilangan institusi dalam sistem perbankan telah meningkat dari 42 institusi pada tahun 2006 kepada 55 institusi pada tahun 2010, sila rujuk Jadual 1 di bawah. Institusi perbankan yang paling cepat berkembang adalah Bank Islamik yang turut menyediakan produk kad kredit secara islamik.

**Jadual 1 : Sistem Perbankan di Malaysia - Rangkaian dan tenaga kerja.**

<b>Tahun</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>
<b>Bil. Institusi</b>	42	47	54	54	55
- Bank Komersial	22	22	22	22	23
- Bank Pelaburan	10	14	15	15	15
- Bank Islamik	10	11	17	17	17
<b>Bil. bank dengan perkhidmatan Internet</b>	16	18	21	24	26

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perbankan Internet juga menyumbang kepada perkembangan penggunaan kad kredit kerana pemegang kad kredit boleh berurusan dan melakukan transaksi secara atas talian. Kemudahan yang ditawarkan menarik minat orang ramai untuk memiliki kad kredit. Bilangan bank yang menawarkan Perbankan Internet juga semakin bertambah dari tahun ke tahun di mana pada tahun 2010 sejumlah 26 buah bank yang telah menawarkan perkhidmatan Perbankan Internet berbanding hanya 16 buah bank pada tahun 2006. Selain daripada itu terdapat banyak faktor lain yang mendorong pengguna melanggan perkhidmatan kad kredit. Ini termasuklah disebabkan sifat kad kredit yang dapat

menyediakan kemudahan transaksi tanpa tunai, menyediakan sekuriti dan perlindungan kecemasan, penerimaan secara universal dan kefleksibelan penggunaannya.<sup>48</sup>

Peningkatan bilangan penduduk di negara ini juga mungkin merupakan faktor yang menyumbang kepada pertambahan bilangan pengguna kad kredit.

**Jadual 2: Populasi penduduk dan bilangan kad kredit di pasaran Malaysia bagi tahun 2006 sehingga 2010**

<b>Tahun</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>
Populasi Malaysia (juta)	26.8	27.2	27.5	27.9	28.3
Bil. Kad Kredit (juta)	8.8	9.9	10.8	10.8	8.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

Berdasarkan Jadual 2 di atas, dapat dilihat peningkatan jumlah penduduk di Malaysia adalah seiring dengan peningkatan bilangan kad kredit dalam pasaran di Malaysia sejak tahun 2006 sehingga 2009. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010 bilangan kad kredit dalam pasaran menurun kepada 8,547,200 keping berbanding 10.8 juta keping pada tahun 2009. Penurunan bilangan kad kredit di dalam pasaran pada tahun 2010 berkemungkinan disebabkan oleh garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang menghadkan bilangan kad kredit yang boleh dipegang oleh seseorang individu atau kesedaran orang awam tentang pengurusan kewangan yang semakin bijak serta cukai kerajaan yang dikenakan bagi setiap keping kad kredit yang dimiliki oleh pemegang kad.

---

<sup>48</sup> Nicholas, M.G. (2003). *The credit card industry: a history*. Pennsylvania: Temple University Press.



Menurut sumber perbankan di Malaysia, terdapat sepuluh sebab mengapa kad kredit amat digemari oleh pengguna. Ini termasuklah faktor kemudahan kad kredit yang menawarkan kaedah membeli-belah dengan cara yang mudah iaitu tanpa tunai dan tanpa cek. Kad kredit juga menyediakan kemudahan sekuriti berbanding penggunaan wang tunai kerana wang tunai yang hilang dapat digunakan oleh sesiapa sahaja tetapi kad kredit yang hilang boleh dilaporkan kepada bank pengeluar atau institusi kewangan yang mengeluarkannya bagi membolehkan kad tersebut dilindungi daripada digunakan secara tidak sah. Kad kredit juga mampu memberi perlindungan kecemasan kepada pengguna ketika mereka memerlukan bantuan kewangan. Faktor lain yang mendorong penggunaan kad kredit adalah disebabkan penerimaan kad kredit secara universal oleh lebih daripada 20 juta lokasi saudagar (*merchant*) di seluruh dunia. Di Malaysia bilangan saudagar yang menerima kad kredit sebagai instrumen pembayaran telah meningkat kepada 216,945 lokasi saudagar pada tahun 2010 berbanding 148,600 lokasi saudagar pada tahun 2009.<sup>49</sup>

Selain itu, pengguna juga tertarik dengan penggunaan kad kredit disebabkan penyimpanan rekod transaksi yang mudah. Rekod transaksi penggunaan di dalam bulan perbelanjaannya dapat dikenal pasti dengan mudah bagi membolehkan pengguna mengesan aliran perbelanjaannya. Berdasarkan jadual 3 di bawah, volum dan nilai urusan kad kredit meningkat daripada tahun ke tahun. Peningkatan ini menggambarkan pengguna semakin gemar menggunakan kad kredit sebagai salah satu instrumen pembayaran. Pada tahun 2010 misalnya, walaupun peratus kenaikan volum urusan adalah kecil tetapi nilai dalam Ringgit Malaysia adalah besar. Ini menunjukkan pengguna semakin berani dan yakin untuk menggunakan kad kredit untuk berbelanja dalam jumlah urusan yang besar.

---

<sup>49</sup> Bank Negara Malaysia.(2010). *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2010*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, at (Annex) p. 28.

**Jadual 3: Volum dan nilai urusan kad kredit di Malaysia bagi tahun 2006 sehingga 2010.**

<b>Tahun</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>
Volum urusan (juta)	208.8	237.7 [13.84%]	261.4 [9.97%]	276.1 [5.62%]	294.9 [6.81%]
Nilai urusan kredit (bilion RM)	47.6	56.2 [18.06%]	65.3 [16.19%]	69.3 [6.13%]	79.8 [15.15%]

Sumber: Bank Negara Malaysia

\*Angka di dalam kurungan [ ] menunjukkan peratus kenaikan berbanding tahun sebelumnya.

Ciri-ciri perlindungan pengguna ketika membeli barang atau perkhidmatan dengan kad kredit turut mempengaruhi penggunaan kad kredit kerana jika sesuatu produk yang dibeli menggunakan kad kredit tidak memuaskan, pengeluar kad kredit boleh campur tangan bagi pihak pengguna. Disamping itu, faedah lain penggunaan kad kredit adalah seperti manfaat nilai ditambah seperti rebat, pembayaran balik tunai dan mata bonus yang tidak akan diperolehi oleh pengguna sekiranya menggunakan wang tunai. Ciri-ciri lain adalah keleksibelan dan penggunaan yang mudah untuk tujuan kiriman, telefon dan transaksi melalui Internet. Dengan keistimewaan di atas, pengguna bukan sahaja dapat membeli barangan atau perkhidmatan yang diinginkan dengan segera, tetapi juga membolehkan mereka merancang untuk membuat pembelian dan membayar balik mengikut jadual yang sesuai dengan kemampuan bajet mereka. Faktor-faktor ini telah menyebabkan kad kredit diterima secara global sebagai kad paling penting untuk memudahkan pergerakan manusia dan melakukan transaksi di merata tempat. Di

Malaysia, bank terawal yang memperkenalkan kemudahan kad kredit adalah Citibank.<sup>50</sup> Kemudiannya disusuli oleh beberapa bank lain seperti Standard Chartered dan HSBC serta bank-bank tempatan seperti Maybank, Bank Simpanan Nasional, Bank Islam dan Bank Bumiputra Commerce.

Nilai pasaran yang tinggi bagi industri kad kredit tempatan adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah galakan yang diberikan oleh Bank Negara Malaysia kepada pengguna untuk memohon kad kredit bank tempatan dan impak daripada strategi penggabungan bank menambahkan lagi kecekapan memasarkan kad kredit. Kedudukan bank tempatan yang strategik dengan jumlah cawangannya yang banyak di seluruh negara berbanding bank luar yang hanya berpusat di bandar-bandar utama turut menjadi faktor penting pengguna memilih bank tempatan kerana akan memberi kemudahan kepada mereka untuk membuat rujukan atau pembayaran.

### **2.3.1 Jenis-jenis Kad Kredit Dalam Pasaran di Malaysia**

Kad-kad kredit yang ada dalam pasaran di Malaysia pada masa kini adalah kad-kad kredit yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan yang terdiri dari bank tempatan dan bank asing atau institusi kewangan yang diberi lesen oleh Bank Negara Malaysia. Pada masa kini terdapat kira-kira 10 buah kumpulan perbankan domestik di Malaysia selepas tindakan kerajaan menggabungkan 54 institusi bank tempatan pada tahun 2003. Bank-bank komersial tempatan adalah Affin Bank, Alliance Bank, AmBank, CIMB Bank, EON Bank, Hong Leong Bank, Malayan Banking, Public Bank, Bank Islam dan RHB Bank. Sementara itu, bank asing yang telah lama bertapak kukuh di Malaysia termasuklah

---

<sup>50</sup> Datamonitor. (2004). *Datamonitor report: credit and charge card in Asia Pacific*. Reference code 0200-0171. November 2004.

Citibank, HSBC Bank, Standard Chartered Bank dan United Overseas Bank (UOB) turut menjadi bank pengeluar. Bank-bank ini termasuklah institusi kewangan lain seperti MBF Card (M) Berhad dan AEON Credit Service (M) Berhad yang merupakan pengeluar utama kad kredit di Malaysia.

**Jadual 4: Senarai bank dan institusi kewangan yang mengeluarkan kad kredit di Malaysia**

<b>Bank</b>	<b>Non-bank</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Affin Bank Berhad</li> <li>2. Alliance Bank Malaysia Berhad</li> <li>3. AmBank (M) Berhad</li> <li>4. Bank Islam Malaysia Berhad</li> <li>5. Bank Simpanan Nasional</li> <li>6. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd</li> <li>7. CIMB Bank Berhad</li> <li>8. Hong Leong Bank Berhad</li> <li>9. Malayan Banking Berhad</li> <li>10. Maybank Islamic Berhad</li> <li>11. Public Bank Berhad</li> <li>12. RHB Bank Berhad</li> <li>13. HSBC Bank Malaysia Berhad</li> <li>14. Citibank Berhad</li> <li>15. Standard Chartered Bank Malaysia Bhd</li> <li>16. United Overseas Bank (M) Berhad</li> <li>17. OCBC Bank (M) Berhad</li> <li>18. CIMB Islamic Bank Berhad</li> <li>19. HSBC Amanah Malaysia Berhad</li> <li>20. AmIslamic Bank Berhad</li> <li>21. RHB Islamic Bank Berhad</li> <li>22. EON Bank Berhad</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. AEON Credit Service (M) Berhad</li> <li>2. MBF Card (M) Sdn. Bhd.</li> <li>3. Synergy Card Sdn. Bhd.</li> <li>4. Diners Club (M) Sdn. Bhd.</li> </ol>

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bilangan peserta atau pengeluar instrumen pembayaran di Malaysia juga semakin meningkat sejak tahun 2006 yang hanya berjumlah 18 buah institusi kewangan kepada 26 buah institusi kewangan pada tahun 2010. Jadual 5 di bawah menunjukkan bilangan

peserta dan pengeluar instrumen pembayaran di Malaysia sejak tahun 2006 sehingga 2010 termasuk institusi perbankan dan bukan institusi perbankan.

**Jadual 5: Bilangan peserta dan pengeluar instrumen pembayaran di Malaysia – kad kredit**

<b>Tahun</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>
Kad kredit - bank	16	16	21	21	22
- non bank	2	2	2	3	4
Internet banking	17	19	23	24	27

Sumber: Bank Negara Malaysia

Terdapat dua kategori kad kredit yang dikeluarkan di Malaysia iaitu kad kredit berasaskan prinsip komersial dan kad kredit berlandaskan syariah. Kad kredit yang terbanyak di pasaran adalah kad kredit yang dikeluarkan berpandukan prinsip komersial. Oleh itu, penggunaan kad kredit jenis ini dianggap tidak bersih disisi Islam kerana mengandungi unsur riba dan gharar, misalnya caj faedah yang tinggi, denda dan caj kewangan yang membebankan pengguna. Bank-bank tempatan juga pada dasarnya mengeluarkan kad kredit berasaskan prinsip komersial sebelum kaedah pengeluaran berlandaskan Islam atau syariah diperkenalkan oleh Bank Islam pada tahun 2002 melalui kad kredit BIC-Visa. Kaedah ini kemudiannya mendapat perhatian bank-bank tempatan dan bank asing yang lain, misalnya AmBank turut memperkenalkan kad kredit Al-Tasliif dan HSBC Bank pula memperkenalkan kad kredit Amanah. Selain kad kredit berteraskan komersial dan syariah, terdapat satu jenis lagi kad kredit yang terdapat dalam pasaran iaitu kad kredit matrik. Kad kredit matrik dihubungkan terus dengan akaun pengguna yang

mbolehkan transaksi dicaj daripada akaun simpanan pengguna seperti kad kredit matrik BSN.<sup>51</sup>

Dari segi jenama pula, kad-kad kredit dalam pasaran terbahagi kepada dua jenama antarabangsa yang utama iaitu Visa atau MasterCard. Perbezaan diantara kedua-dua jenama kad ini ialah dari segi pemilikan syarikat pengeluar iaitu Visa International dan MasterCard International. Kad-kad kredit yang dikeluarkan, dilesenkan kepada bank-bank tempatan dan bank asing yang beroperasi di Malaysia melalui kelulusan Bank Negara Malaysia. Kad-kad kredit Visa dan MasterCard secara amnya dapat dibahagikan kepada 3 jenis yang utama iaitu kad perak atau klasik, kad emas dan kad platinum. Perbezaan diantara kad-kad ini ialah dari segi syarat dan had pembiayaan kredit (*credit limit*)<sup>52</sup>. Syarat terpenting bagi melayakkan pemohon mendapat kad kredit yang lebih tinggi nilai atau had pembiayaan adalah jumlah pendapatan tahunan mereka. Prinsip asas yang diguna pakai oleh bank pengeluar adalah semakin tinggi pendapatan tahunan maka semakin tinggi had pembiayaan kredit yang boleh diberikan. Prinsip ini berasaskan rasional kemampuan untuk membayar balik pinjaman. Biasanya had pembiayaan bagi kad perak atau klasik adalah sekitar RM2,000 hingga RM7,000, manakala had pembiayaan bagi kad emas sekitar RM7,000 hingga RM20,000 dan kad platinum pula had pembiayaan diantara RM20,000 hingga RM30,000. Had pembiayaan atau kredit pengguna biasanya ditambah oleh bank pengeluar dari semasa ke semasa tertakluk kepada corak perbelanjaan dan pengurusan akaun pengguna.

---

<sup>51</sup>Bank Negara Malaysia (2003). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2003*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia

<sup>52</sup> Mengikut Kamus Undang-Undang Oxford Fajar di muka surat 143, had kredit (*credit limit*) adalah kredit maksimum yang diberikan dan dibenarkan kepada penghutang.

### **2.3.2 Isu-isu Dalam Penggunaan Kad Kredit di Malaysia**

Penerimaan kad kredit secara meluas dalam pasaran bukan sahaja menyebabkan peningkatan dalam permintaan dan penggunaannya tetapi dalam masa yang sama juga menimbulkan isu-isu yang memberi kesan terhadap pengguna, ekonomi dan keselamatan. Antara isu utama hasil penggunaan kad kredit secara meluas di Malaysia adalah isu keselamatan dan jenayah yang melibatkan kad kredit, isu pinjaman tidak berbayar (*Non Performing Loan*, NPL) dan isu pengguna yang muflis.

#### **a. Isu keselamatan dan jenayah yang melibatkan kad kredit**

Keselamatan maklumat akaun pengguna kad kredit merupakan isu yang penting pada masa kini. Penggunaan kad kredit akan mendedahkan pengguna kepada kelemahan sistem yang memungkinkan berlakunya kecurian identiti atau kebocoran butiran akaun yang membolehkan penjenayah membangunkan kad kredit palsu. Isu ini perlu dilihat dari dua sudut iaitu bank atau institusi pengeluar kad dan pemegang kad. Pihak bank harus melabur untuk menghasilkan teknologi kad kredit bermutu tinggi dan sistem yang sukar dicerobohi. Keengganan institusi pengeluar kad melabur bagi meningkatkan tahap keselamatan sistem dan kad kredit akan memberi kesan kepada kedua-dua pihak termasuk pemegang kad. Sistem yang mudah diceroboh menyebabkan keselamatan data atau maklumat tentang pengguna terdedah kepada pencuri identiti. Pengguna pula perlu lebih berhati-hati dalam menjaga kerahsiaan maklumat akaun dengan tidak mendedahkan kepada sesiapa yang tidak berkenaan. Isu ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab-bab seterusnya.

**b. Isu pinjaman tidak membayar (NPL)**

Isu kedua yang dihadapi dalam penggunaan kad kredit di Malaysia adalah isu NPL. Meskipun tunggakan pembayaran ini boleh memberikan keuntungan kepada sektor perbankan melalui tuntutan caj kewangan dan penalti tetapi isu ini meningkatkan risiko modal kepada bank pengeluar dan pada masa yang sama turut menjejaskan keupayaan ekonomi pemegang kad kerana dibebani hutang.

**c. Isu pengguna yang muflis**

Peningkatan kes muflis adalah disebabkan kegagalan pengguna membayar hutang kad kredit mengikut jadual yang menyebabkan hutang mereka terus tertunggak dan dikenakan pelbagai caj. Kegagalan membayar hutang menyebabkan pengguna diseret ke mahkamah dan diistiharkan muflis. Mengikut Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia, kebanyakan kes muflis membabitkan golongan muda adalah berkaitan penggunaan kad kredit yang tidak terkawal dan gagal membayar balik hutang dalam tempoh ditetapkan.<sup>53</sup> Faktor kadar faedah yang tinggi, kawalan kelulusan pengeluaran terlalu longgar, sikap institusi kewangan yang lebih mengaut untung serta sikap pengguna tidak berhemah dikenalpasti punca kenapa ramai yang jatuh muflis kerana gagal membayar hutang kad kredit.<sup>54</sup>

**2.4 Akta dan Garis Panduan Pengeluaran Kad Kredit di Malaysia**

Di Malaysia, pengawalseliaan aktiviti yang berkaitan dengan permohonan dan pengeluaran kad pembayaran adalah tertakluk di bawah Bank Negara Malaysia yang

---

<sup>53</sup> *Supra* Nota 17

<sup>54</sup> *Supra* Nota 17



merupakan badan berkanun yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan. Perlembagaan, fungsi dan kuasa Bank Negara Malaysia diperuntukkan di bawah Akta Bank Pusat 1958 yang kemudiannya dipinda menjadi Akta Bank Negara Malaysia 2009<sup>55</sup>. Dengan itu, objektif Bank Negara Malaysia adalah bagi menggalakkan kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang kukuh, bertindak sebagai jurubank dan penasihat kewangan kepada kerajaan, mengeluarkan mata wang dan menyimpan rizab, melindungi nilai mata wang serta mempengaruhi situasi kredit untuk manfaat negara.<sup>56</sup>

Penggunaan kad kredit memerlukan pengawalan yang rapi dari segi undang-undang supaya tidak berlaku pemalsuan atau penipuan yang boleh memerangkap pengguna atau institusi pengeluar kad kredit. Pengeluaran kad kredit di Malaysia adalah tertakluk kepada akta dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Akta utama yang dirujuk bagi pengeluaran kad kredit adalah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan (BAFIA), pindaan 1989 dan Akta Sistem Pembayaran 2003. Di bawah akta-akta ini, institusi yang diklasifikasikan sebagai institusi kewangan adalah terdiri daripada bank perdagangan, bank saudagar, pejabat perwakilan bank asing, syarikat kewangan dan rumah diskaun.<sup>57</sup> Akta ini memperuntukan tentang perlesenan dan pengawalan institusi yang menjalankan perniagaan perbankan, perniagaan yang dijadualkan yang terdiri daripada sumber kredit dan kewangan yang bukan bank seperti syarikat kad kredit dan caj, pemfaktoran, syarikat pemajakan dan institusi kewangan pembangunan.<sup>58</sup> BAFIA menyentuh mengenai kadar pinjaman asas (KPA), kadar caj faedah, pengecajan fi, premium, faedah atau penalti yang berlebihan, pengiklanan yang mengelirukan, pengeluaran melalui ATM (*Automated Teller Machines*) secara tidak sah, syarat

---

<sup>55</sup> Akta 701

<sup>56</sup> Bank Negara Malaysia (2004). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2004*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia

<sup>57</sup> Seksyen 4 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989

<sup>58</sup> *Supra* Nota 51

permohonan dan kelulusan kad kredit dan sebagainya. Berpandukan BAFIA, bank-bank dan institusi kewangan yang beroperasi akan menawarkan perkhidmatan berasaskan peraturan yang ditetapkan. Bank Negara Malaysia merupakan badan yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan setiap institusi kewangan mematuhi semua peraturan atau garis panduan yang telah ditetapkan.

Bagi syarat pengeluaran kad kredit di Malaysia, kadar faedah dan fi yang diamalkan oleh Bank Negara Malaysia adalah standard dan tetap. Kad kredit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Malaysia mestilah mematuhi syarat yang dikeluarkan dengan mengenakan caj faedah, bayaran denda dan caj berganda tidak melebihi had yang ditetapkan. Dari segi syarat am, kad kredit di Malaysia boleh dikeluarkan kepada individu prinsipal yang berumur 21 tahun ke atas. Pada 18 Mac 2011, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan terkini mengenai jumlah minimum pendapatan tahunan yang melayakkan pemohon prinsipal mendapatkan kad kredit iaitu RM24,000.00<sup>59</sup> dan mestilah bebas daripada sebarang senarai hitam rekod kredit. Pemohon supplementari pula mesti berumur 18 tahun ke atas dan merupakan ahli keluarga kepada pemegang kad prinsipal. Maklumat yang disyaratkan kepada pemohon ialah menyediakan salinan kad pengenalan, slip gaji terkini dan mengisi borang peristiharan cukai (Borang J). Bagi pemohon yang bekerja sendiri atau berniaga, syarat permohonan ialah mesti menyertakan borang pendaftaran perniagaan dan Borang D atau Borang 24, 49, 9 serta mengemukakan penyata bank untuk tiga bulan terkini. Had minimum pendapatan tahunan RM24,000.00 melayakkan seseorang pemohon

---

<sup>59</sup>Bank Negara Malaysia. (2011). New Measures on Credit Cards to Promote Prudent Financial Management and Responsible Business Practices [www.bnm.gov.my/index.php?ch=8&pg=14&ac=2226](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=8&pg=14&ac=2226) Diakses pada 18 Mei 2011

mendapatkan kad kredit dengan had pembiayaan paling rendah mengikut ketetapan bank pengeluar, kebiasaannya sekitar RM2,500 hingga RM7,000 atau lebih.<sup>60</sup>

Selain itu terdapat juga garis panduan bagi integriti sistem dan garis panduan kad kredit-i. Garis panduan integriti sistem adalah satu inisiatif yang diambil oleh Bank Negara Malaysia dan institusi perbankan untuk mengekalkan integriti sistem dan instrumen pembayaran yang menumpukan kepada peningkatan keyakinan pengguna dan memastikan kepentingan pengguna terpelihara.<sup>61</sup> Ia juga bertujuan mengelakkan jenayah pemalsuan dan penipuan kad kredit dengan bank pengeluar menggantikan semua ATM jalur magnetik dan infrastruktur kad kredit kepada persekitaran yang menerima kad yang menggunakan cip EMV.<sup>62</sup> Garis panduan kad kredit-i yang dikeluarkan pada Januari 2004 adalah sebagai lanjutan kepada garis panduan integriti sistem yang dikeluarkan kepada bank konvensional pada Mac 2003. Menurut garis panduan terbaru ini, pihak bank boleh menggunakan sama ada konsep syariah berlandaskan *Bai'inah* (perjanjian jual dan beli balik) atau *Bai Bithaman Ajil* (BBA-jualan dengan bayaran tertangguh) bagi kad kredit-i.<sup>63</sup> Dalam konsep *bai'inah*, dana bagi had perbelanjaan pemegang kad secara tunai selepas ia dijual kepada pemegang kad berdasarkan terma tertangguh. Manakala konsep BBA pula, dana terhasil apabila bank membeli aset daripada pemegang kad secara tunai dan aset tersebut seterusnya dijual balik kepada pemegang kad secara bayaran tertangguh. Garis panduan ini juga menetapkan tatacara pengenaan penalti dan struktur fi berdasarkan

---

<sup>60</sup> *Ibid*

<sup>61</sup> *Supra* Nota 51

<sup>62</sup> EMV adalah singkatan kepada Europay, MasterCard, Visa-iaitu Integrated Circuit Card yang dikhususkan untuk sistem pembayaran. Juga dikenali sebagai smartcard. Cip mengandungi maklumat yang diperlukan untuk kad pembayaran dan dilindungi oleh beberapa ciri-ciri keselamatan. Kini, lebih kurang 1.24 bilion kad menggunakan EMV di seluruh dunia yang boleh digunakan di lebih kurang 15.4 juta terminal EMV.

<sup>63</sup> Pada masa kini pengenalan garis panduan bagi kad kredit-I telah diterima oleh institusi perbankan dan kewangan dengan memperkenalkan produk kad kredit berlandaskan syariah. Ini termasuklah kad kredit Bank Islam yang dikenali dengan BIC-Visa dan kad kredit Al-Tasrif yang diperkenalkan oleh Ambank. Kad kredit BIC-Visa telah diiktiraf sebagai kad kredit berlandaskan syariah oleh Visa International dan merupakan kad pertama seumpamanya di rantau Asia Pacific. Sebagai kad kredit berlandaskan syariah, kad kredit BIC-Visa adalah bebas daripada unsur riba dan gharar yang haram disisi Islam.

prinsip syariah. Berhubung caj bayaran lewat, garis panduan ini menyatakan pengeluar kad kredit-i boleh mengenakan fi pampasan ke atas pemungkir, tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.<sup>64</sup>

Bank Negara Malaysia juga memainkan peranan dalam penyediaan data kredit individu kepada institusi kewangan yang berdaftar di Malaysia bagi membolehkan institusi kewangan tersebut mengeluarkan kad kredit hanya kepada pengguna yang layak. Institusi kewangan hanya akan mengeluarkan kad kredit kepada pengguna yang memenuhi ciri 3C iaitu pengguna yang mempunyai perwatakan (*character*), modal (*capital*) dan kemampuan (*capability*). Ini bermaksud institusi kewangan mengeluarkan kad kredit kepada individu yang bebas dari senarai hitam dan muflis serta mempunyai pendapatan serta jaminan membayar kredit yang digunakan. Tujuannya adalah untuk mengurangkan liabiliti ekonomi yang diakibatkan oleh NPL yang tinggi. Oleh itu, Bank Negara Malaysia juga memantau sejarah kredit individu yang dikumpulkan dan disimpan oleh biro kredit, juga dikenali sebagai agensi rujukan kredit atau agensi pelapor kredit. Biro kredit bukan hanya mengumpul maklumat kredit tetapi juga memproses dan menyimpan maklumat kredit perkongsian tentang peminjam kini dan bakal, serta membekalkan maklumat di atas permintaan institusi pemberi pinjaman yang merupakan ahlinya.<sup>65</sup> Orang awam atau mana-mana individu boleh mendapat akses kepada rekod kredit peribadinya. Di Malaysia, perkhidmatan biro maklumat kredit telah ditubuhkan sebagai sebahagian dari bank pusat sejak tahun 1982. Biro ini mengekalkan sistem maklumat rujukan kredit pusat yang merupakan satu pangkalan data yang dikomputerkan yang mengumpul, memproses, menyimpan dan menjana maklumat kredit tentang

---

<sup>64</sup> Bank Negara Malaysia (2003). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2003*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, at 194.

<sup>65</sup> Bank Negara Malaysia. (2005). *Ucapan Governor Tan Sri Dato' Dr. Zeti Akhtar Aziz, sempena pelancaran Biro Pengantaraan Kewangan*. Auditorium Bank Negara Malaysia, 20 Januari 2005.

peminjam daripada institusi kewangan dan mengagihkan maklumat ini semula kepada institusi-institusi berkenaan.

Ini menunjukkan bahawa di Malaysia, Bank Negara Malaysia merupakan badan yang paling berkuasa dalam mengawal pengeluaran dan penggunaan kad kredit. Dengan kuasa yang ada padanya, Bank Negara Malaysia boleh mengeluarkan apa-apa garis panduan atau menetapkan syarat-syarat kepada institusi pengeluar kad kredit agar pengeluaran dan penggunaan kad kredit terkawal serta terjamin selamat. Bank Negara Malaysia yang bertindak sebagai pengawal wajar mengambilkira kepentingan semua pihak dalam industri kad kredit dan tidak hanya membela bank dan institusi pengeluar kad yang bermatlamatkan keuntungan semata-mata.

## **2.5 Kesimpulan**

Sebagai rumusannya, sistem pembayaran memerlukan peraturan operasi yang efektif dan boleh dipatuhi oleh semua peserta yang terlibat. Sistem pembayaran juga sewajarnya menyokong pertumbuhan ekonomi disamping menggalakkan persaingan yang sihat dikalangan institusi kewangan dengan dipantau oleh bank pusat. Pihak swasta dan kerajaan sepatutnya menganjurkan rangkaian sistem pembayaran yang selamat dan stabil, mengelak frod daripada berlaku dan mengurus risiko kewangan dan kredit dengan efisien bagi meningkatkan keyakinan pengguna terhadap sistem pembayaran. Kad kredit merupakan salah satu daripada instrumen bayaran di dalam sistem pembayaran tetapi telah menunjukkan peningkatan dari segi jumlah dan nilai transaksi. Keyakinan pengguna perlu dibalas dengan menambahbaik tahap keselamatan dan mengadakan ciri-ciri keselamatan yang lebih baik bagi mengurangkan kemungkinan berlakunya jenayah pemalsuan kad kredit. Peranan Bank Negara Malaysia sangat penting dalam industri kad kredit di

Malaysia. Kuasa yang diberikan oleh undang-undang kepada Bank Negara Malaysia boleh digunakan untuk mempertingkatkan langkah keselamatan bagi menjamin perkembangan pengeluaran dan penggunaan kad kredit ditahap yang terbaik. Apa yang penting adalah penguatkuasaan undang-undang dan pengeluaran garis panduan oleh Bank Negara Malaysia secara tidak langsung boleh mengelak kad kredit dari dijadikan sebagai sasaran oleh penjenayah serta melindungi pengguna. Bank dan institusi pengeluar kad kredit perlu mengambil langkah proaktif bagi memperkasakan produk yang diniagakan dan tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata.

## BAB KETIGA

### MODUS OPERANDI DAN FAKTOR PENDORONG JENYAH KAD KREDIT

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini akan memfokuskan perbincangan kepada *modus operandi* jenayah kad kredit, faktor pendorong berlakunya jenayah ini dan perkaitan di antara jenayah terancang dan jenayah kad kredit. Kepentingan fokus perbincangan ini kerana *modus operandi* jenayah kad kredit berubah mengikut evolusi teknologi dan dalam kebanyakan kes jenayah ini pelakuannya dilaksanakan secara terancang. Dari itu faktor yang mendorong berlakunya jenayah ini perlu dikenalpasti dalam usaha untuk mengkaji kenapa jenayah ini berlaku. Dengan mengenalpasti faktor pendorong, kerajaan dapat merancang langkah-langkah pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tepat, manakala institusi pengeluar kad kredit serta syarikat jenama kad pula boleh mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan serta memperbaiki kelemahan yang wujud.

Frod kad kredit adalah di antara ancaman terbesar di dalam dunia perniagaan hari ini dan bagi memerangi frod dengan efektif, penting untuk memahami mekanisma bagaimana frod kad kredit terlaksana.<sup>66</sup> Corak perlakuan jenayah berkaitan kad kredit juga berubah mengikut masa. Oleh itu *modus operandi*<sup>67</sup> jenayah kad kredit yang baru sering ditemui. Pelbagai cara dilakukan oleh penjenayah untuk mengeksploitasi kelemahan yang wujud dalam teknologi dan sistem kad kredit serta kelemahan manusia.

---

<sup>66</sup> Bhatla, T. P., Prabhu, V & Dua, A. (2003). Understanding Credit Card Frauds. [http://www.popcenter.org/problems/credit\\_card\\_fraud/PDFs/Bhatla.pdf](http://www.popcenter.org/problems/credit_card_fraud/PDFs/Bhatla.pdf). Diakses pada 10/7/2011

<sup>67</sup> Kamus Undang-Undang International Law Book Services (ILBS) (2008) mendefinisikan *modus operandi* sebagai cara sesuatu perkara dilaksanakan.

### 3.2 *Modus Operandi Jenayah Kad Kredit*

Sejajar dengan trend global, *phishing* atau kegiatan mencuri maklumat terus menjadi ancaman utama dan merangkumi lebih 99% daripada kes perbankan Internet.<sup>68</sup> Penjenayah kad kredit juga sering mencuri data atau maklumat sewaktu pengguna melakukan transaksi kad kredit di kedai dan di mesin layan diri dengan memasang cip pada terminal untuk mengumpul maklumat akaun, memasang alat pengimbas (*skimmer*), membuat pintasan talian telefon, melakukan cetakan resit berulang, membentuk tanggapan palsu atau dengan mencuri data akaun melalui orang perantara seperti kerani bank dan mewujudkan pakatan sulit dengan pekedai.<sup>69</sup> Berikut adalah di antara *modus operandi* jenayah pemalsuan kad kredit yang telah dikenalpasti:

- i. Pencurian butiran maklumat akaun kad kredit,
- ii. Penggunaan alat pengimbas,
- iii. Memasang cip pada terminal pengesanan data elektronik,
- iv. Pintasan talian telefon,
- v. Pakatan sulit,
- vi. Emel *phishing*,
- vii. Tanggapan palsu melalui telefon, dan
- viii. Pemalsuan kad melalui kaedah *extrapolation* dan pengklonan.

Di Malaysia, hampir kesemua jenis jenayah dan taktik yang dinyatakan di atas digunakan oleh penjenayah kad kredit untuk mendapatkan maklumat kad kredit atau bagi membangunkan kad kredit palsu.<sup>70</sup>

---

<sup>68</sup> Bank Negara Malaysia. (2009). *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, at 110.

<sup>69</sup> Hasil temuduga dengan Pegawai Turus, Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM, Bukit Aman. Sila rujuk Metodologi di Bab Pertama.

<sup>70</sup> *Ibid*



### **3.2.1 Pencurian butiran maklumat akaun kad kredit**

Maklumat akaun kad kredit boleh dicuri dengan pelbagai cara. Penjenayah boleh melakukan pelbagai ikhtiar untuk mencuri maklumat akaun kad kredit iaitu dengan menggunakan kaedah elektronik, misalnya secara atas talian atau secara fizikal, misalnya dengan mencuri surat dari peti surat yang tidak berkunci, memecah masuk ke dalam rumah atau pejabat atau menyalin maklumat akaun pengguna tanpa disedari. Kedua-dua teknik memerlukan kepakaran yang berbeza. Penjenayah juga boleh menggunakan PIN untuk pelbagai penipuan. Sekiranya PIN jatuh ke tangan penjenayah, mereka boleh menggunakannya untuk mengeluarkan wang tunai (*cash advance*) dari mesin ATM. Kecurian butiran maklumat akaun kad kredit dan nombor PIN boleh dilakukan oleh penjenayah di mesin ATM itu sendiri. Penjenayah akan memasang alat pengimbas dan telefon mudah alih di tempat tersembunyi pada mesin ATM. Semasa pengguna memasukkan kad, butiran akaun direkodkan oleh alat pengimbas dan apabila pengguna menekan nombor PIN, telefon mudah alih yang disorokkan digunakan untuk merakam gambar.

Misalnya, Gambar 3 hingga Gambar 8 di bawah yang diambil dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM menunjukkan salah satu teknik yang digunakan oleh penjenayah untuk mencuri maklumat kad dan juga PIN seseorang pengguna di mesin ATM.

**Gambar 3: Mesin ATM yang telah dipasang dengan alat pengimbas (*skimmer*) oleh penjenayah, kelihatan seperti biasa.**



**Gambar 4: Panel pembaca kad (*card reader*) yang ditebuk bagi meletakkan alat pengimbas.**



**Gambar 5: Panel mesin ATM yang ditebuk bagi memasang wayar penyambung.**




**Gambar 6: Telefon mudah alih digunakan untuk merakam gambar PIN, disembunyikan pada ruang lampu di bahagian atas ATM.**



**Gambar 7: Gambar sambungan wayar dari bahagian belakang ATM.**



**Gambar 8: Gambar pembaca kad (*card reader*) yang ditemui yang telah dipisahkan dari ATM menunjukkan kesan rosak atau telah diganggu.**



Sumber: Kesemua gambar dari 3 hingga 8 adalah dari Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM.

Bagi modus operandi sebegini, penjenayah akan mencari sasaran yang sesuai, kebiasaannya mesin ATM yang tidak dilengkapi dengan CCTV dan kedudukan ATM yang agak terlindung dari pandangan umum. Alat pengimbas juga akan hanya dipasang untuk tempoh masa yang singkat bagi mengelak dikesan dan ditangkap. Dengan maklumat akaun pengguna seperti nombor akaun dan PIN yang dicuri, penjenayah boleh menggunakannya untuk membangunkan kad kredit palsu.

### **3.2.2 Penggunaan alat pengimbas (*Skimmer*)**

Teknik imbasan merupakan salah satu kaedah mencuri data kad kredit yang sangat digemari. Teknik ini selalunya digunakan di restoran, pasaraya dan pusat membeli belah.<sup>71</sup> Penjenayah selalunya akan mengimbas data kad kredit milik mangsa apabila mangsa tidak bersama kad tersebut semasa proses pembayaran dibuat. Misalnya, dikebanyakan restoran mewah, pengguna biasanya menyerahkan kad kredit mereka kepada juruwang untuk proses pembayaran sementara pengguna hanya menunggu kad diserahkan kembali di meja makan. Peluang ini akan digunakan oleh penjenayah yang mungkin terdiri dari juruwang atau pekedai untuk membuat imbasan ke atas kad kredit dengan menggunakan alat pengimbas yang bersaiz kecil yang mudah dibawa ke mana-mana. Contoh alat pengimbas adalah seperti gambar-gambar di bawah.

---

<sup>71</sup> *Ibid*

**Gambar 9: Terminal POS (*Point Of Sales*) yang diprogram semula menjadi alat pengimbas yang pernah dirampas suatu ketika dahulu.**




Sumber: Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit,  
Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM.

**Gambar 10: Alat pengimbas yang dirampas di Malaysia.**



Sumber: Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit,  
Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM

**Gambar 11 : Alat pengimbas yang pernah dirampas di Negara China.**



Sumber: Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit,  
Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM

Alat pengimbas ini berupaya membaca dan merekodkan maklumat yang disimpan dalam jalur magnetik. Data kad kredit kemudiannya dienkodkan dan disimpan di dalam komputer sebelum kad palsu dibangunkan. Data kad kredit yang dicuri kemudiannya akan di pindahkan ke jalur magnetik pada kad kredit palsu. Terdapat pelbagai jenis alat pengimbas di dalam pasaran yang boleh dibeli dengan mudah, khususnya melalui pesanan di Internet. Dengan menggunakan alat pengimbas, kad kredit akan dilalukan (*swipe*) pada lorong yang disediakan untuk membolehkan maklumat dienkod dan disimpan. Saiz alat pengimbas yang kecil memudahkan penjenayah melakukan tindakan ini dan senang dibawa serta disorokkan. Mengikut rekod rampasan alat pengimbas yang dibuat oleh pihak penguatkuasa menunjukkan saiz alat ini semakin kecil dan semakin sukar untuk dikenalpasti.

Gambar 10 menunjukkan gambar alat pengimbas yang dirampas di Malaysia sekitar tahun 2000 yang kecil saiznya jika dibandingkan dengan saiz kotak rokok. Kotak rokok di dalam gambar ini hanyalah sebagai ukuran saiz secara perbandingan. Walau bagaimanapun alat pengimbas ini mampu mengimbas, mengekod dan menyimpan data dalam kuantiti yang banyak. Alat ini juga hanya memerlukan kuasa bateri untuk berfungsi.

Selain penggunaan alat pengimbas yang bersendirian, terdapat juga penggunaan alat pengimbas yang disambungkan terus ke komputer riba. Melalui kaedah ini, penjenayah yang memegang kad kredit seseorang individu dapat memasukkan maklumat dan data kad kredit tanpa had kerana alat pengimbas ini dapat disalurkan terus ke dalam komputer untuk disimpan. Saiznya yang besar menyukarkan alat pengimbas sebegini dibawa dan dioperasikan. Pada tahun 2007, dianggarkan USD 1 Bilion kerugian dialami di Amerika Syarikat akibat teknik imbasan (*skimming*).<sup>72</sup> Peningkatan jumlah kerugian dikatakan disebabkan oleh kesukaran untuk mengesan, menjejaki dan mencegah.<sup>73</sup> Tindakan mengimbas sukar untuk dikesan dan tidak disedari sehinggalah mangsa menerima penyata akaun kad kredit dalam tempoh 30 hingga 60 hari selepas frod berlaku.<sup>74</sup> Penjenayah yang bermotivasi (*motivated offender*) akan berusaha mendapatkan alat pengimbas dan mempelajari teknik penggunaan alat ini dalam usaha mengatasi sistem.

### **3.2.3 Memasang cip pada terminal pengesan data elektronik (EDC)**

Satu lagi kaedah yang sering digunakan oleh penjenayah bagi mencuri butiran maklumat kad kredit ialah dengan memasang cip pada mesin pengesan data elektronik atau terminal EDC (*Electronic Data Captured*). Selalunya kaedah ini digunakan di kedai-kedai yang menerima pembayaran melalui kad kredit. Cip yang dipasang pada lokasi strategik di mesin EDC yang menyebabkan cip tersebut kelihatan seperti sebahagian daripada komponen mesin. Cip yang dipasang ini berupaya mengesan maklumat dalam jalur magnetik dan juga di dalam mikrochip pintar pada kad kredit. Apabila kad kredit diimbas pada mesin EDC semasa proses pembayaran, cip ini akan memungut dan menyimpan

---

<sup>72</sup> *Supra* Nota 36

<sup>73</sup> *Supra* Nota 36

<sup>74</sup> *Supra* Nota 36



maklumat. Selepas tempoh tertentu, cip tersebut akan dikeluarkan dan maklumat di dalam cip akan digunakan untuk membangunkan kad klon atau kad palsu.

**Gambar 12 : Pemasangan cip atau kad sim di dalam mesin EDC.**



Sumber: Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit,  
Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM.

Kaedah ini dianggap lebih selamat oleh penjenayah kerana cip boleh dipasang pada terminal dan tidak perlu dipegang oleh seseorang yang mungkin akan menyebabkan risiko ditangkap oleh pihak berkuasa bersama-sama dengan cip. Pemegang kad kredit pula langsung tidak tahu bahawa kad kredit mereka telah dicuri datanya kerana proses mencuri data dilakukan secara serentak semasa proses pembayaran dibuat. Kaedah ini memerlukan kerjasama diantara penjenayah dan peniaga (*merchant*) iaitu peniaga membenarkan

penjenayah memasang cip atau alat pengesan tambahan pada mesin EDC miliknya. Kebiasaannya peniaga akan dibayar sejumlah wang sebagai imbuhan atas kerjasama yang diberikan. Gambar 12 menunjukkan bagaimana cip atau kad sim dipasang di mesin EDC.

### **3.2.4 Pintasan talian telefon**

Ini adalah merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh penjenayah di Malaysia untuk mencuri data kad kredit. Kaedah ini digunakan untuk menggantikan kaedah pemasangan cip pada mesin terminal EDC kerana penjenayah sukar untuk mendapat kerjasama daripada peniaga atau juruwang. Melalui kaedah ini, talian telefon yang digunakan untuk menghantar maklumat kad kredit akan dipintas menggunakan wayar tambahan yang dikesan dari bilik kawalan telefon (PABX). Wayar tambahan tersebut akan disambung ke komputer atau peralatan lain seperti MP3, bagi membolehkan segala maklumat dari kad kredit yang diimbas pada mesin EDC disimpan ke dalam komputer atau MP3 atau peralatan lain yang boleh menyimpan data. Maklumat ini kemudiannya digunakan untuk membangunkan kad klon.

**Gambar 13: Gambar talian telefon yang telah dibuat pintasan talian secara tidak sah.**



Sumber: Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit,  
Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM.

**Gambar 14: Sebahagian peralatan yang digunakan untuk pintasan talian telefon bagi mencuri data yang disalurkan melalui telefon.**



Sumber: Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM.


Kaedah ini memerlukan penjenayah mempunyai kemahiran dalam selok belok pemasangan talian telefon dan adakalanya melibatkan orang dalam syarikat telekomunikasi atau kontraktor yang membuat kerja-kerja bagi pihak syarikat telekomunikasi. Kerja-kerja sebegini juga perlu dilakukan dalam tempoh masa yang singkat dan sentiasa berubah-ubah tempat bagi mengelak dari dikesan oleh pihak berkuasa.

### **3.2.5 Pakatan Sulit**

Di Malaysia, pemalsuan kad kredit kadangkala dilakukan oleh peniaga yang bersubahat dengan penjenayah untuk menipu. Peniaga yang bersekongkol dengan penjenayah akan membenarkan penjenayah mengakses terminal EDC yang ada di kedai dan menggunakan terminal EDC tersebut untuk mendapatkan maklumat kad kredit bagi tujuan membangunkan kad kredit palsu. Akses kepada terminal dapat dipraktikkan dengan beberapa cara misalnya dengan memasang *skimmer* atau cip. Kaedah ini sukar untuk dibocorkan rahsianya kerana kedua-dua pihak iaitu peniaga dan penjenayah akan mendapat keuntungan. Maklumat yang diperolehi dengan cara ini membolehkan

penjenayah membuat transaksi melalui Internet atau telefon dan kemudian membuat laporan kehilangan kad kredit bagi mendapatkan kad baru. Kad baru yang dipohon akan menggunakan alamat palsu penjenayah, oleh itu pemegang kad yang sebenar tidak tahu bahawa kad mereka telah dibatalkan sehinggalah mereka menggunakan kadnya atau setelah menyedari tiada bil bulanan diterima. Tempoh masa yang ada akan digunakan sepenuhnya oleh penjenayah untuk menggunakan kad kredit tersebut sehingga semaksimum yang mungkin. Kebiasaannya, di dalam kes yang sebegini tiada kad kredit palsu dihasilkan tetapi penjenayah telah mencuri data dan maklumat tentang pemegang kad kredit yang sebenar untuk kepentingan dirinya sendiri.

**Gambar 15: Kad plastik berwarna putih (*white plastic card*) yang hanya mempunyai jalur magnetik seringkali digunakan dalam kes pakatan sulit kerana penjenayah tidak memerlukan kad kredit palsu yang lengkap untuk melakukan jenayah seperti ini.**



Sumber: Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit,  
Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM.

### 3.2.6 Emel *phishing*

Perkataan '*phishing*' muncul pada tahun 1990an, di mana penceroboh pada peringkat awal selalunya menggunakan 'ph' untuk menggantikan 'f' untuk menghasilkan perkataan baru dalam komuniti penceroboh.<sup>75</sup> *Phishing* adalah perkataan baru dari '*fishing*' yang merujuk

---


<sup>75</sup> Chen, J. & Guo, C. (2006). *Online Detection and Prevention of Phishing Attacks*.  
<http://ieeexplore.ieee.org/xpl/freeabs-all.jsp?arnumber=4149954>. Diakses pada 25/11/2011

kepada tindakan penceroboh bagi memancing pengguna untuk melawat atau melayari laman sesawang yang palsu dengan menghantar emel palsu dan kemudiannya mencuri maklumat personal pengguna seperti nama pengguna, katalaluan dan lain-lain maklumat.<sup>76</sup> Penipuan kad kredit lebih mudah dilakukan melalui Internet, khususnya di kalangan pengguna atau mangsa yang kurang mahir dengan komputer. Emel *phishing*<sup>77</sup> merujuk kepada emel yang dihantar oleh penjenayah kepada pengguna yang selalunya memberi amaran bahawa kononnya pemilik kad kredit atau mangsa sedang berhadapan dengan masalah akaun yang berkemungkinan telah diklon. Penjenayah melalui emel tersebut menawarkan bantuan untuk menyelesaikan masalah dengan meminta pengguna memasuki satu laman sesawang yang identikal kepada laman sesawang institusi kewangan di mana pengguna membuka akaun kad kredit mereka. Laman sesawang berkenaan adalah laman sesawang palsu yang direka oleh penjenayah (*phishers*) tetapi kelihatan sama dengan laman sesawang institusi pengeluar kad kredit kerana penjenayah telah meniru grafiknya, *form* dan *link* yang sama bagi tujuan meyakinkan mangsa. Ditambah dengan nota yang ringkas bahawa pengguna berada dalam situasi yang cemas akibat bahaya yang mungkin menyimpannya, penjenayah kemudiannya menyatakan akaun pengguna perlu diaktifkan kembali dengan meminta pengguna menekan butang *link* yang disediakan. *Link page* ini kelihatan seperti laman sesawang asal institusi kewangan tetapi maklumat yang dijana oleh mangsa akan dihantar kepada *server* pencuri identiti. Sebagai contoh emel *phishing* adalah seperti berikut.

---

<sup>76</sup> *Ibid*

<sup>77</sup> Menurut Schmallegger (2009), *phishing* disebut '*phishing*' adalah '*an internet – based scam that uses official looking e-mail messages to steal valuable information such as credit card numbers, social security numbers, user IDs and passwords from victims.*'



Sumber: Laman sesawang Visa.<sup>78</sup>

Di Malaysia, terdapat beberapa buah bank yang telah dapat mengenal pasti sekumpulan penjenayah yang menyebarkan emel *phishing* atau emel palsu kepada pelanggan mereka. Tujuan emel dihantar ialah untuk mendapatkan *log-in* dan katalaluan pelanggan. Penjenayah telah menggesa pelanggan memeriksa baki di dalam akaun masing-masing untuk pengesahan. Apabila pelanggan berbuat demikian, mereka akan dihalakan ke laman sesawang palsu di mana *log-in* dan katalaluan mereka akan dicuri oleh penjenayah.

<sup>78</sup> Visa International. *Secure with visa*. [www.visa.ca/en/personal/securewithvisa/fraud-prevention/avoidfraud.jsp](http://www.visa.ca/en/personal/securewithvisa/fraud-prevention/avoidfraud.jsp) Diakses pada 18/10/2011

Emel *phishing* yang paling biasa digunakan adalah dengan memaklumkan kepada mangsa bahawa akaun mereka mempunyai masalah dan memerlukan verifikasi bagi membolehkan akaun tersebut kekal aktif.<sup>79</sup> Kadangkala emel *phishing* juga memaklumkan bahawa aktiviti jenayah telah berlaku melibatkan akaun mangsa, oleh itu pengesahan daripada mangsa diperlukan. Ini adalah salah satu cara bagaimana penjenayah menakutkan mangsa bagi memperdaya mangsa, dan kemudian mangsa diminta untuk memasukkan maklumat atau klik untuk disambungkan (*link*) kepada sesuatu laman sesawang. Laman sesawang ini kebiasaannya diwujudkan hanya bagi tempoh masa yang singkat untuk mengelak dikesan oleh pihak berkuasa, oleh itu penjenayah memerlukan tindakbalas yang cepat dari mangsa untuk menjalankan aktiviti frodnya. Penceroboh akan menjual maklumat yang diperolehi secara rahsia (*underground economy*) yang bertindak sebagai forum pasaran gelap yang mempromosi dan memperdagangkan maklumat yang dicuri.<sup>80</sup> Maklumat ini termasuk nombor-nombor yang diisu oleh kerajaan, nombor kad kredit, nombor *card verification value* (CVV), nombor kad debit, PIN, nombor akaun pengguna, alamat emel dan nombor akaun bank.<sup>81</sup>

### **3.2.7 Tanggapan palsu melalui telefon**

Pembentukan tanggapan palsu melalui telefon juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh penjenayah untuk memperdaya mangsa atau pemegang kad kredit bagi mendapatkan maklumat tentang akaun kad kredit mereka. Penjenayah menggunakan telefon sebagai alat untuk menghubungi mangsa atau pemegang kad kredit. Kebiasaannya mangsa dihubungi secara rawak. Penjenayah akan menyamar sebagai wakil dari mana-

---

<sup>79</sup> *Supra* Nota 36

<sup>80</sup> Geeta, D. V. (2011). Online identity theft – an Indian perspective. *Journal of Financial Crime*. Vol. 18 No. 3, pp. 235-246. Emerald Group Publishing Limited [www.emeraldinsight.com/1359-0790.htm](http://www.emeraldinsight.com/1359-0790.htm). Diakses pada 3/12/2011

<sup>81</sup> *Ibid*

mana bank pengeluar kad kredit menawarkan bantuan penyelesaian masalah kredit, memohon klarifikasi atau membuat pengesahan maklumat. Dengan kemahiran berkomunikasi yang baik, penjenayah dapat memberikan keyakinan kepada mangsa atau pemegang kad kredit untuk memberi butiran tentang akaun kad kredit mereka kepada penjenayah. Bagi meyakinkan lagi mangsa, nombor telefon yang timbul pada skrin telefon tangan mangsa adalah nombor telefon sebenar institusi kewangan berkenaan.

Menurut Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia, kaedah ini yang dikenali sebagai '*spoofing*' membuatkan nombor pemanggil yang tertera kelihatan seperti nombor bank komersial, nombor agensi kerajaan dan nombor Bank Negara Malaysia.<sup>82</sup> Penjenayah yang menipu sangat bijak kerana pandai berlakon seperti wakil bank, syarikat kad kredit dan pegawai kerajaan untuk meyakinkan mangsa mendedahkan maklumat perbankan, kata laluan dan maklumat sulit lain.<sup>83</sup> Kadangkala penyamaran melibatkan lebih dari seorang penjenayah yang meminta mangsa atau pemegang kad kredit menghubungi rakan sejawatnya bagi menyelesaikan masalah mereka. Nombor telefon dan nama rakan penjenayah untuk dihubungi turut diberikan kepada mangsa atau pemegang kad kredit.

Dalam kes sebegini, usaha untuk mengesan penjenayah adalah agak sukar kerana penjenayah kebiasaannya akan mendaftar talian telefon mereka menggunakan nombor kad pengenalan palsu atau alamat palsu. Mangsa pula akan menyedari kejadian mencuri maklumat setelah dia mendapat penyata akaun bulanan. Isu ini turut dibangkitkan oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM mengenai *modus operandi* yang

---

<sup>82</sup> Faiza Zainudin & Nazura Ngah. ( 2011, September 16). Kerugian kes tipu internet RM2.54j: Guna ubah modus operandi elak dikesan. *Berita Harian*. Nasional. p 20

<sup>83</sup> *Ibid*



sering digunakan oleh penjenayah dan sikap pengguna yang tidak peka serta tidak berhati-hati dengan helah penjenayah.<sup>84</sup>

### **3.2.8 Pemalsuan kad melalui kaedah ekstrapolasi (*extrapolation*) dan pengklonan**

Kad kredit juga boleh dipalsukan dengan cara ekstrapolasi (*extrapolation*)<sup>85</sup> dan pengklonan. Perisian ekstrapolasi merupakan sejenis perisian (*software*) yang digunakan oleh penjenayah untuk menjana nombor kad kredit tulin bagi menghasilkan kad kredit palsu. Perisian ini mampu menguji nombor-nombor secara rambang sehingga nombor-nombor ini sepadan dengan nombor-nombor tulin pada kad kredit yang sah. Nombor-nombor ini kemudiannya digunakan untuk membangunkan kad kredit palsu.

Kad kredit juga boleh dipalsukan dengan kaedah pengklonan. Proses pengklonan ini dapat dilakukan dengan pelbagai cara. Berdasarkan risikan PDRM, proses pengklonan kad kredit dilakukan melalui proses mengumpul maklumat oleh penjenayah secara terancang bermula daripada saat pengguna menggunakan kad kredit. Kecurian data kad kredit boleh berlaku semasa pemegang kad kredit membuat pembayaran seperti di hotel, pusat membeli belah, kedai bebas cukai, gedung dan lain-lain tempat yang menawarkan pembayaran elektronik melalui kad kredit. Kad kredit yang diserahkan oleh pengguna kepada peniaga (*merchant*) untuk diimbas pada terminal POS bagi tujuan menjana maklumat transaksi ke bank pengeluar kemudiannya digunakan oleh peniaga untuk diimbas sekali lagi kepada alat pengimbas persendirian untuk mencuri data. Penjenayah biasanya menggunakan peniaga atau juruwang yang sanggup bersubahat dengan mereka bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

---

<sup>84</sup> Sharanpal Singh Randhawa. ( 2011, Julai 21). Cyber scams ‘fuelled by greed’. *New Straits Times*. Prime News p 4.

<sup>85</sup> Mengikut Kamus Inggeris Melayu Dewan (2002) *extrapolation* atau ekstrapolasi bermaksud membuat penentuan luar atau *estimate, asses from known facts*.

Pencurian maklumat juga boleh dilakukan dengan beberapa teknik lain seperti pintasan talian telefon dan memasang cip perekod data pada terminal POS. Dengan maklumat data akaun kad kredit yang diperolehi, penjenayah kemudiannya dapat menghasilkan kad kredit palsu dengan menggunakan butiran maklumat tulin dari akaun pengguna yang menjadi mangsa mereka. Maklumat akaun kad kredit dipindahkan ke kad kredit yang diklonkan dengan bantuan alat tertentu seperti komputer riba, kad plastik kosong yang mempunyai hologram tulen, pengekod dan pencetak jalur magnetik serta alat pengembos. Dengan menggunakan komputer, maklumat kad kredit dapat dienkodkan ke dalam jalur magnetik sebelum dicetak. Jalur magnetik ini kemudiannya dilekatkan pada kad plastik kosong. Alat pengembos digunakan untuk mengembos maklumat seperti nama, tarikh luput dan nombor akaun pada permukaan kad yang diklonkan. Kad kredit klon yang telah siap kemudiannya digunakan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan di merata tempat seperti di pasaraya, restoran dan stesen minyak. Kad kredit palsu lebih sukar untuk dikesan tetapi bukanlah satu tugas yang mustahil untuk mengesan, ianya memerlukan pemeriksaan yang sangat teliti dan pengetahuan tentang ciri-ciri keselamatan kad kredit.<sup>86</sup>


### **3.3 Faktor Pendorong Berlakunya Jenayah Kad Kredit**

‘Segitiga Jenayah’ adalah di antara model di dalam kriminologi yang menerangkan bagaimana sesuatu jenayah berlaku. Model ini yang diasaskan dari *Routine Activity Theory* yang diperkenalkan oleh Felson dan Cohen (1970) yang menyatakan tiga faktor yang mempengaruhi berlakunya kejadian jenayah iaitu pesalah yang bermotivasi

---

<sup>86</sup> Mativat, F. & Tremblay, P. (1995). Counterfeiting Credit Cards: Displacement effect, suitable offenders and crime wave patterns. *British Journal of Criminology*. No.95-07

(*motivated offender*), sasaran yang sesuai (*suitable target*) dan ketiadaan pelindung yang berkeupayaan (*absence of capable guardian*).<sup>87</sup> Sila lihat Rajah 2 di bawah.



Rajah 2: Segitiga Jenayah (*Crime Triangle*)

Berdasarkan teori ini, kejadian jenayah berlaku apabila wujudnya ketiga-tiga elemen tersebut pada masa dan tempat tertentu. Walau bagaimanapun mengikut Prabowo (2011), agak sukar untuk mengaplikasi teori ini untuk menerangkan tentang perlakuan jenayah kad kredit kerana kesalahan ini dilakukan melalui pelbagai cara iaitu daripada tindakan yang mudah dengan mencuri kad kredit sehinggalah menceroboh (*hacking*) pangkalan data untuk mencuri maklumat kad kredit pelanggan.<sup>88</sup> Model Segitiga Jenayah ini boleh diaplikasikan secara terus bagi kesalahan seperti kes curi kad kredit tetapi tidak sesuai untuk kes pemalsuan kad kredit kerana kes sebegini pelakuan jenayah kadangkala melibatkan alam siber dan tidak memerlukan interaksi secara terus antara sasaran dan penjenayah. Oleh sebab itu, kadangkala agak sukar untuk menentukan lokasi yang sebenar kejadian jenayah itu berlaku kerana lokasi kejadian adalah penting untuk pencegahan,

---

<sup>87</sup> Winfree, L. T. & Abadinsky, H. (2003). *Understanding Crime: Theory and Practice*, 2<sup>nd</sup> Eds. Singapore: Thomson Wadsworth, at 48-52.

<sup>88</sup> Hendi Yogi Prabowo. (2011). Building our defence against credit card fraud: a strategic view. *Journal of Money Laundering Control*. Vol. 14 Iss: 4, pp371-386

penyiasatan dan pendakwaan. Konsep kesesuaian sasaran menjadi lebih kompleks kerana penjenayah boleh menyerang dari merata tempat. Cohen *et al.* (1981) kemudiannya menjelaskan tentang kesesuaian sasaran yang terdiri dari empat dimensi<sup>89</sup>, iaitu:

- i. Pendedahan – sasaran yang boleh diakses secara fizikal.
- ii. Pelindung – keupayaan/kehadiran manusia/objek untuk menghalang jenayah dari berlaku.
- iii. Tarikan – nilai simbolik/material pada orang/harta tersebut.
- iv. Jarak – jarak secara fizikal di antara sasaran yang berpotensi dengan penjenayah yang bermotivasi.

Bagi penjenayah yang sangat bermotivasi seperti penjenayah yang terlibat dengan jenayah terancang, kesemua dimensi sasaran akan cuba diatasi. Tarikan kepada harta tersebut mengatasi faktor-faktor yang lain. Berikut adalah di antara faktor-faktor yang mempengaruhi dan menjadi pendorong berlakunya jenayah pemalsuan kad kredit.

### **3.3.1 Kelemahan teknologi kad kredit.**

Kelemahan teknologi penghasilan kad kredit mendorong penjenayah mengeksploitasinya bagi melakukan penipuan atau pemalsuan. Misalnya, pada peringkat awal, transaksi kad kredit adalah berasaskan kertas di mana maklumat transaksi disimpan di atas kertas karbon yang dikenali sebagai draf jualan (*sale draft*) yang ditekup daripada kad kredit menggunakan alat pengimbas manual. Maklumat kad kredit yang tertera pada draf jualan tersebut akan diserahkan oleh peniaga (*merchant*) kepada bank. Manakala salinannya diserahkan kepada pemegang kad dan sesalinan lagi akan disimpan oleh peniaga. Transaksi ini akan dianggap sah setelah pemegang kad kredit menurunkan tandatangannya

---

<sup>89</sup> Winfree, L. T. & Abadinsky, H. (2003). *Understanding Crime: Theory and Practice*, 2<sup>nd</sup> Eds. Singapore: Thomson Wadsworth, at 48-49.

pada draf jualan tersebut. Pada masa ini, penggunaan kad kredit sangat bergantung kepada maklumat pada kad kredit seperti nombor kad kredit, nama pemilik serta tarikh luput yang diembos pada permukaan kad serta petunjuk lain sebagai cara identifikasi kad. Ini adalah kerana alat pengimbas manual tidak berupaya membaca maklumat elektronik yang terdapat pada kad. Kaedah ini memudahkan kad kredit diklonkan dengan hanya berdasarkan maklumat pada permukaan kad kredit.

Setelah kaedah ini diketahui kelemahannya, maka pihak industri telah memperkenalkan kad kredit elektronik. Sejenis terminal dipasang di kedai atau premis perniagaan untuk kegunaan memproses transaksi kad kredit serta bagi tujuan pengesahan. Terminal ini berupaya mendail ke bank dan membuat pengesahan pemilik kad serta merekodkan urusan yang dijalankan. Walau bagaimanapun penggunaan kad kredit elektronik ini kemudiannya meragukan kerana berlakunya banyak kes-kes penipuan kad. Ini adalah kerana penggunaan jalur magnetik pada kad kredit membuatkan penjenayah mudah mencuri data. Syarikat pengeluar kad kredit kemudian mengeluarkan kad kredit terbaru iaitu kad yang berasaskan cip (*chip based card*). Kad kredit jenis ini mempunyai memori yang dinamik iaitu 100 kali ganda lebih besar daripada kad elektronik menyebabkannya lebih sukar diimbas dan diklonkan. Penjenayah sentiasa mengikuti perkembangan teknologi pembuatan kad kredit dan mereka akan mengkaji kelemahan-kelemahan yang wujud untuk diambil kesempatan. Peluang untuk melakukan jenayah baru wujud bersama-sama dengan produk baru, peningkatan jumlah produk dan perubahan gaya hidup.<sup>90</sup>

---

<sup>90</sup> Laycock, G. & Tilley, N. (1995). Building a Safer Society: Strategic Approaches to Crime Prevention. *Chicago Journal: Crime and Justice*, Vol 19, pp. 535-584. [Http://www.jstor.org/stable/1147603](http://www.jstor.org/stable/1147603). Diakses pada 22/11/2011.

### **3.3.2 Kelemahan kawalan Internet**

Dalam sektor perniagaan, pencegahan jenayah akan dijadikan agenda apabila terdapat tekanan pasaran. Secara umumnya, Internet memberi banyak kebaikan kepada sistem perbankan. Bilangan bank yang menawarkan perbankan Internet semakin meningkat tetapi bagaimana dengan kawalan terhadap salah guna Internet? Kelemahan kawalan teknologi Internet juga menyebabkan penjenayah yang mempunyai kemahiran ICT mengeksploitasinya untuk melakukan penipuan terhadap pengguna atau menggodam sistem komputer pengeluar kad kredit bagi mencuri maklumat kad kredit. Internet memang sukar untuk dikawal dan ada pihak yang membantah kawalan atau sekatan terhadap Internet kerana dikatakan seolah-olah kebebasan mereka disekat dan akan memberi kesan terhadap ekonomi negara dari segi pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment*).

Apabila disebut tentang kawalan kita tidak dapat lari dari berbincang tentang penguatkuasaan undang-undang iaitu sejauhmana undang-undang tempatan dapat mengawal Internet misalnya dengan cara menapis (*filter*) atau menghalang terus (*block*) sesuatu laman sesawang. Tanpa kawalan, Internet boleh disalah gunakan oleh penjenayah sebagai alat atau pemudah cara bagi melakukan lain-lain kesalahan. Kawalan terhadap penggunaan Internet boleh dilakukan oleh kerajaan misalnya melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, tetapi sejauhmana kawalan dapat dilakukan masih menjadi tandatanya.

### **3.3.3 Kecuaian pengguna kad kredit**

Pada masa kini, perkembangan dalam penggunaan kad kredit telah membolehkan pengguna berbelanja bukan sahaja di pasaraya dan kedai-kedai yang menyediakan

perkhidmatan pembelian melalui kad kredit dengan bantuan juruwang tetapi boleh juga digunakan secara layan diri di mesin mengecaj kad kredit seperti di stesen pam minyak atau melalui kaedah pembayaran elektronik secara atas talian menerusi Internet. Oleh yang demikian risiko pemalsuan kad kredit turut bertambah kerana pengguna tidak perlu hadir untuk membuat pengesahan akaun atau ada transaksi yang dibuat tanpa perlu PIN (*Personal Identification Number*). Pengguna yang cuai mungkin dengan mudah akan membiarkan maklumat penting tentang transaksi seperti resit-resit pembelian atau resit pendua, cetakan karbon pembelian, memberi respon kepada emel *phishing* dan menyimpan maklumat penting akaun kad kredit di dalam telefon atau komputer yang menyebabkan butirannya senang untuk dicuri. Kecuaian pengguna, kelemahan sistem dan jurang teknologi akan dieksploitasi oleh penjenayah kad kredit demi untuk kepentingan mereka.

Kecuaian pemegang kad kredit di antara penyebab utama berlakunya peningkatan kes jenayah melibatkan kad kredit. Kegagalan pengguna kad kredit mengambil berat tentang faktor keselamatan misalnya cuai ketika melakukan transaksi seperti tidak memerhatikan tindakan juruwang memproses transaksi, membenarkan pihak lain menggunakan kad, tidak memusnahkan kad kredit yang telah tamat tempoh, mendedahkan kata laluan, tidak membuat laporan kehilangan kad dengan segera akan menyebabkan penjenayah mengeksploitasi peluang ini.<sup>91</sup> Kelemahan atau kecuaiian pengguna menjadikannya sebagai sasaran yang sesuai (*suitable target*) kepada penjenayah. Disinilah peranan publisiti dan kempen kesedaran kepada orang ramai bagi menyedarkan mereka tentang pentingnya menjaga keselamatan maklumat peribadi daripada diceroboh oleh orang yang tidak berkenaan dan dalam masa yang sama mengingatkan bakal penceroboh tentang akibat dari tindakan mereka. Walau bagaimanapun, masih ramai lagi yang menjadi

---

<sup>91</sup> *Supra* Nota 69

mangsa kepada penjenayah akibat dari kecuaiannya mereka sendiri setelah berulang kali peringatan diberikan.

### **3.3.4 Kekurangan dari aspek undang-undang**

Tindakan penguatkuasaan bagi membentaras jenayah terancang memerlukan peruntukan undang-undang yang komprehensif dan selari dengan kemajuan teknologi. Undang-undang yang terkebelakang peruntukannya membolehkan penjenayah mengeksploitasinya untuk kepentingan mereka. Mewujudkan undang-undang baru kebiasaannya akan melalui proses yang panjang dan memakan masa yang lama. Oleh sebab itu, kadangkala undang-undang yang diluluskan oleh parlimen berkemungkinan sudah terlambat serta menyukarkan tindakan penguatkuasaan disebabkan oleh kemajuan teknologi yang pantas.

Pihak penguatkuasa merupakan pelindung atau penjaga (*guardian*) kepada pengguna secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun bukan hanya satu pihak sahaja yang boleh bertindak sebagai pelindung. Persekitaran keselamatan (*security environment*) perlu diwujudkan iaitu meliputi manusia sebagai penjaga (*guardian*), perlindungan berasaskan teknologi dan birokrasi dengan mewujudkan undang-undang dan polisi kerajaan yang menjurus kepada usaha bagi membendung kegiatan jenayah kad kredit. Menurut Laycock dan Tilley (1995), salah satu cara untuk melaksanakan strategi mencegah jenayah adalah dengan mengarahkan pihak yang berkemampuan untuk bertindak iaitu langkah terbaik adalah dengan memperkenalkan undang-undang.<sup>92</sup>

---

<sup>92</sup> *Supra* Nota 90



### 3.4 Jenayah Terancang dan Pemalsuan kad Kredit

Jenayah terancang dan jenayah kolar putih wujud di merata dunia. Jenayah berkaitan kad kredit dikelaskan sebagai jenayah kolar putih disebabkan jenayah ini memenuhi kriteria yang khusus sepertimana digariskan oleh Hirschi dan Gottfredson iaitu penjenayah kad kredit tidak merbahaya seperti penjenayah lain, mereka mendapat pulangan yang besar, pulangan yang diperolehi adalah segera selepas aktiviti dilaksanakan, sekatan atau halangan terhadap aktiviti mereka kurang atau jarang dikenakan dan mereka mungkin hanya memerlukan usaha yang minimum serta keperluan kemahiran tertentu untuk terlibat dengan jenayah ini.<sup>93</sup> Walau bagaimanapun, jenayah pemalsuan kad kredit termasuk sebagai jenayah terancang kerana jenayah ini memerlukan kepakaran teknologi, perancangan dan dana yang besar untuk dilaksanakan. Mengikut Michael D. Maltz (1995) yang menyatakan:

*Organized crime means different things to different people; as a result, views of its seriousness vary.*<sup>94</sup>

Biro Siasatan Persekutuan (FBI) mendefinisikan jenayah terancang sebagai:

*'organized crime as any group having some manner of a formalized structure and whose primary objective is to obtain money through illegal activities. Such groups maintain their position through the use of actual or threatened violence, corrupt public officials, graft, or extortion, and generally have a significant impact on the people in their locales, region, or the country as a whole.'*<sup>95</sup>

Menurut Pace dan Style (1975), samada sesuatu jenayah tersebut terancang atau tidak bergantung kepada bagaimana mereka melakukan tindakan yang tidak sah (*illegal*) tersebut, misalnya frod kad kredit selalunya dilakukan oleh seorang individu tetapi

---

<sup>93</sup> Schmalleger, F. (2009). *Criminology Today: An integrative introduction* (5<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall, at 499.

<sup>94</sup> Maltz, M. D. (1995). On Defining Organized Crime: The development of a definition and a typology. Di dalam Passas, N. *Organized Crime*. Aldershot, England: Dartmouth, at 15-23.

<sup>95</sup> Organized Crime. <http://www.fbi.gov/about-us/investigate/organizedcrime/glossary> Diakses pada 11/10/2011

menjadi jenayah terancang apabila dua orang atau lebih berjumpa dan membangunkan skim untuk melanjutkan konspirasi jenayah.<sup>96</sup> Frank E. Hagan (2008) pula menyatakan:

*Organized crime is used in the most generic sense to refer to group crimes and includes many criminal behavior systems as well as 'illicit enterprises' that might more appropriately be labeled professional, occupational, corporate, or even conventional criminal behavior.*<sup>97</sup>

Jenayah terancang menjadi semakin sukar untuk dikawal apabila kegiatan kumpulan penjenayah ini merentasi sempadan negara. Pada tahun 2000, 121 buah negara telah menandatangani Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai *Transnational Organized Crime* yang antara lain negara-negara ini bersetuju untuk bekerjasama dalam menjalankan siasatan kes-kes jenayah terancang yang merentasi sempadan.<sup>98</sup> Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melihat jenayah terancang sebagai kumpulan berstruktur yang diwakili oleh tiga orang atau lebih bertindak bersama-sama untuk melakukan satu atau lebih jenayah untuk kepentingan material.<sup>99</sup> Aktiviti jenayah terancang merentasi sempadan kini telah menular kepada pengubahan wang haram, menyeludup, pembunuhan upahan, *loan-sharking*, dadah dan frod kad kredit dan telekomunikasi.<sup>100</sup> Penjenayah kad kredit kini lebih tersusun dari dahulu dan ini menyebabkan kerugian yang lebih besar kepada industri. Hasil kajian yang dijalankan oleh Perri dan Brody (2011) menunjukkan bahawa penjenayah dan pegganas telah meningkatkan kerjasama mereka, pegganas telah mengadaptasi dan menggunakan skim frod yang pada asalnya dipercayai kaedah ini digunakan hanya oleh penjenayah terancang untuk membiayai organisasi dan bagi

---

<sup>96</sup> Pace, D.F. & Styles, J.C. (1975). *Organized Crime: Concept & control*. New Jersey: Prentice Hall.

<sup>97</sup> Hagan, F.E. (2008). *Introduction to criminology: Theories, methods, and criminal behavior* (6<sup>th</sup> ed.). Singapore: Sage Publications, at 395.

<sup>98</sup> *Id* at 398.

<sup>99</sup> Lunde, P. (2004). *Organized Crime: An inside guide to the world's most successful industry*. London: Dorling Kindersley

<sup>100</sup> Schmallegger, F. (2009). *Criminology Today: An integrative introduction* (5<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall, at 515.

mencapai matlamat mereka.<sup>101</sup> Hasil daripada kegiatan jenayah yang mereka jalankan akan digunakan untuk membiayai jenayah lain termasuk keganasan, misalnya kes pengeboman Bali pada tahun 2002 adalah hasil pembiayaan dari frod kad kredit.<sup>102</sup>

Jenayah terancang dan jenayah kolar putih selalunya mempunyai matlamat yang serupa seperti bagi mendapat kekayaan dan kedudukan sosial, tetapi terdapat variasi pertimbangan dalam komitmen di antara dua jenis pesalah ini.<sup>103</sup> Kebanyakan pesalah jenayah kolar putih merancang aktiviti jenayah untuk mendapatkan hasil dalam bentuk kewangan yang segera, manakala bagi jenayah terancang, penjenayah melihat jenayah sebagai satu cara hidup.<sup>104</sup> Mengikut Hirschi dan Gottfredson di dalam Schmalleger (2009), penjenayah kolar putih dimotivasikan oleh faktor-faktor yang sama dengan penjenayah yang lain iaitu kepentingan peribadi (*self-interest*), mendapatkan kepuasan dan keseronokan (*the pursuit of pleasure*) dan mengelak kesakitan (*avoid pain*).<sup>105</sup> Jenayah siber, jenayah terancang dan jenayah kolar putih saling berkait kerana dalam setiap kategori jenayah ini penjenayah memutarbelitkan peruntukan undang-undang bagi satu perniagaan yang komersial untuk tujuan jenayah.<sup>106</sup> Penjenayah yang terlibat dengan jenayah terancang adalah penjenayah yang sangat bermotivasi untuk melakukan jenayah kerana aktiviti jenayah telah menjadi sebahagian dari cara hidup mereka.

---

<sup>101</sup> Perri, F. S. & Brody, R. G. (2011). The dark triad: organized crime, terror and fraud. *Journal of Money Laundering Control*, Vol. 14 Iss: 1, pp.44-59

<sup>102</sup> *Supra* Nota 88

<sup>103</sup> Schmalleger, F. (2009). *Criminology Today: An integrative introduction* (5<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall, at 522.

<sup>104</sup> *Ibid*

<sup>105</sup> *Supra* Nota 93

<sup>106</sup> Siegel, L. J. (2006). *Criminology*. (9<sup>th</sup> ed.). Singapore: Thomson Wadsworth, at 412.

### 3.5 Kesimpulan

Bab ini membincangkan tentang *modus operandi* dan faktor penyumbang berlakunya jenayah melibatkan kad kredit di negara ini. Penjenayah kad kredit akan mengambil kesempatan di atas kelemahan pemegang kad atau pengguna kad kredit disamping kelemahan sistem dan teknologi penghasilan kad kredit. *Modus operandi* penjenayah sentiasa berubah mengikut perkembangan semasa dan penjenayah sentiasa berusaha untuk mengatasi ciri-ciri keselamatan yang diperkenalkan oleh pengeluar kad. Walau pun ciri-ciri keselamatan kad kredit sering dipertingkatkan dengan menggunakan teknologi yang terkini, kejadian jenayah melibatkan kad kredit masih berlaku. Setiap tahun pihak bank dan institusi pengeluar kad kredit terpaksa memperuntukan sejumlah wang bagi menangani kes-kes penipuan dan pemalsuan kad kredit. Walaupun bank dan institusi pengeluar kad kredit merupakan organisasi yang berasaskan keuntungan (*profit oriented*) tetapi mencegah berlakunya pemalsuan kad kredit adalah sebahagian dari tugas mereka kerana secara tidak langsung akan meningkatkan keyakinan pengguna kepada produk mereka.

Penjenayah yang bermotivasi sukar untuk dikawal, pelbagai inisiatif diusahakan bagi mengurangkan sasaran yang sesuai dan memperkukuhkan perlindungan. Kajian yang dijalankan oleh Higgins *et al.* (2008) telah bersetuju dengan syor *routine activity theory* yang menyatakan peningkatan aktiviti di luar akan meningkatkan peluang yang lebih kepada aktiviti jenayah.<sup>107</sup> Misalnya penambahan bilangan pasaraya, pusat hiburan, sistem pengangkutan yang cekap dan pergerakan atau mobiliti manusia akan meningkatkan peluang kepada penjenayah. *Situational Crime Prevention* telah dibangunkan untuk

---

<sup>107</sup> Higgins, G. E., Hughes, T., Ricketts, M. L. & Wolfe, S. E. (2008). Identity theft complaints: exploring the state-level correlates. *Journal of Financial Crime*. Vol. 15 No. 3, pp. 295-307

mengurangkan jenayah dengan fokus utama untuk mengurangkan peluang bagi melakukan jenayah daripada mengawal sifat (*characteristic*) pesalah atau penjenayah yang berpotensi. Usaha mengenalpasti faktor penyumbang akan membantu mengurangkan jenayah pemalsuan kad kredit yang mungkin akan berlaku. Dengan perkembangan teknologi, aktiviti jenayah melibatkan kad kredit kini dilakukan oleh penjenayah merentasi sempadan negara. Terdapat kesukaran dalam usaha membendung dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pelaku jenayah bagi aktiviti jenayah yang dilakukan merentasi sempadan negara. Penglibatan jenayah terancang diperingkat antarabangsa menyebabkan jenayah melibatkan kad kredit turut menyumbang dalam pembiayaan aktiviti pengganas.

**BAB KEEMPAT**  
**ANALISA KEJADIAN JENAYAH KAD KREDIT**  
**DI MALAYSIA**

**4.1 Pengenalan**

Bab ini akan menghuraikan keadaan semasa jenayah kad kredit di negara ini dan membuat analisa kes-kes jenayah kad kredit yang terpilih yang pernah dilaporkan dan dikendalikan oleh pihak PDRM semasa penjenayah menjalankan aktiviti mencuri data, membuat kad kredit palsu, mengedar kad kredit palsu dan menggunakan kad kredit palsu. Bab ini juga akan memberikan penerangan dan ilustrasi dari senario yang berbeza serta kemungkinan bagaimana penjenayah melakukan jenayah berkaitan dengan pembuatan dan pemalsuan kad kredit di Malaysia. Hasil dari analisa kejadian yang berlaku akan dapat menjelaskan bagaimana penjenayah menjalankan aktivitinya, siapakah mangsanya atau sasarannya dan kemungkinan kepincangan yang wujud dalam penyiasatan serta kelemahan perundangan sedia ada.

Masyarakat moden yang menuju ke arah masyarakat yang bebas tunai (*cashless*) tidak terlepas daripada jenayah melibatkan kad kredit. Ini adalah kerana jenayah penipuan atau pemalsuan kad kredit berlaku di merata dunia dan dilakukan dengan pelbagai cara. Walau pun mengikut rekod Bank Negara Malaysia kerugian akibat jenayah pemalsuan kad kredit semakin menurun, tetapi penjenayah semakin mahir dalam kaedah penipuan atau pemalsuan menggunakan teknik-teknik yang baru. Kajian oleh Gillian dan Park (2003) misalnya, menunjukkan bahawa penjenayah kad kredit menggunakan pelbagai taktik dan kemahiran teknologi bagi mendapatkan butiran akaun dan maklumat rahsia.<sup>108</sup>

---

<sup>108</sup> Gillian, M. & Park, M. (2003). *Anatomy of credit card numbers*. Los Angeles: Weston Publications

## 4.2 Keadaan Semasa Jenayah Kad Kredit di Malaysia

Adalah lebih wajar jika dilihat kepada keadaan semasa jenayah kad kredit di negara ini sebelum membuat penilaian lanjut terhadap kes-kes yang berlaku. Malaysia telah selesai migrasi sepenuhnya kepada standard EMV di semua terminal *Point of Sales* (POS) yang mengikut kehendak EMV pada tahun 2005.<sup>109</sup> Malaysia juga menjadi negara pertama di rantau Asia-Pasifik yang berjaya melakukan migrasi dengan sempurna.<sup>110</sup> Selepas pelaksanaan EMV, frod melibatkan pemalsuan kad kredit telah menurun dengan signifikannya dan kini kerugian akibat frod kad kredit adalah kecil sahaja iaitu kurang daripada 0.04% dari jumlah transaksi kad kredit.<sup>111</sup> Jika dahulu, frod melibatkan kad kredit adalah akibat daripada penjenayah mengeksploitasi jurang di antara teknologi kad tetapi *modus operandi* terkini memfokuskan kepada kelemahan infrastruktur sistem pembayaran dan proses menentusahkan (*authentication*) seperti kompromi data (*data compromise*) dan kecurian identiti.<sup>112</sup> Walau pun peratus kerugian akibat frod berbanding jumlah transaksi menurun berdasarkan Carta 1 di bawah, namun jumlah kerugian terkumpul masih bernilai jutaan ringgit dan terpaksa ditanggung oleh pemain industri.

Pada tahun 2006, institusi pengeluar kad kredit di Malaysia telah menyempurnakan usaha memastikan maklumat kad kredit yang disalurkan menerusi talian telekomunikasi dipersulitkan (*encrypted*).<sup>113</sup> *Data encryption*<sup>114</sup> bertujuan menghalang kecurian maklumat melalui pemasangan alat pengesan dalam talian atau '*wire-tapping*'. Kesannya dapat

---

<sup>109</sup> Bank Negara Malaysia. (2005). Ucapan pembukaan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz di Payment Systems Forum & Exhibition 2005 di KL Convention Centre pada 28 November 2005.

<sup>110</sup> *Ibid*


<sup>111</sup> Bank Negara Malaysia. (2009). Keynote speech at the Visa Asia Pacific Security Summit 2009 'Maintaining Trust in Payments' by Assistant Governor's of Bank Negara Malaysia on 27 May 2009.

<sup>112</sup> *Ibid*

<sup>113</sup> Bank Negara Malaysia. (2006). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2006*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia

<sup>114</sup> Menurut Schmallegger (2009), *data encryption* bermaksud 'the process by which information is encoded, making it unreadable to all but its intended recipients'.


dilihat dengan jelas pada penurunan jumlah kerugian bagi tahun 2006 berkemungkinan disebabkan oleh penambahbaikan langkah-langkah keselamatan seperti ini.



Berdasarkan Carta 2 di bawah menunjukkan kes-kes pemalsuan kad kredit di Malaysia telah menurun pada tahun 2005, 2006 dan seterusnya tetapi *modus operandi* lain pula menunjukkan peningkatan iaitu kes *Card Not Present* (CNP). Peningkatan yang mendadak kes CNP ditunjukkan pada tahun 2006 sehinggalah tahun 2010. Bagi kes CNP, penjenayah hanya perlu mencuri data kad kredit dan kemudiam menggunakannya secara atas talian di Internet. Kad kredit tidak perlu ditunjukkan secara fizikal dan pengesahan hanya dibuat dengan menggunakan nombor CVV (*Card Verification Value*) bagi Visa atau CVC 2 (*Card Verification Code*) bagi MasterCard iaitu 3 digit nombor kod keselamatan yang dicetak di bahagian belakang kad kredit. Nombor kod keselamatan ini



dicetak dengan jelas pada setiap kad kredit mengikut standard yang telah ditetapkan oleh syarikat jenama kad.



Pada tahun 2010, Malaysia telah dapat mengurangkan insiden dan kerugian akibat penggunaan kad kredit palsu dari 97,285 kes bernilai RM63 juta pada tahun 2004 kepada 2,286 kes bernilai RM2.3 juta pada tahun 2010.<sup>115</sup> Apabila negara ini berjaya dalam proses migrasi kepada EMV dan kurangkan kes-kes pemalsuan kad kredit di pasaran domestik, namun kes-kes pemalsuan kad kredit melangkaui sempadan pula menjadi tarikan penjenayah. Ini disebabkan oleh proses perlaksanaan migrasi kepada EMV yang tidak konsisten di seluruh dunia yang menyebabkan penjenayah akan mengambil kesempatan untuk menggunakan kad kredit keluaran bank-bank di Malaysia yang palsu di negara-negara yang masih menerima kad kredit yang berjalur magnetik.

<sup>115</sup> *Supra* Nota 49

**Jadual 6: Statistik kes-kes jenayah kad kredit di Malaysia bagi tahun 2006 sehingga 2010.**

<b>Tahun</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>Jumlah Besar</b>
Jumlah kes*	115	113	279	580	457	1544
Jumlah kerugian (RM)	577,595	568,510	2,314,840	4,662,398	2,658,431	10,781,774
Jumlah Tangkapan (Orang)	60	70	107	153	121	511
Jumlah rampasan (Keping kad)	481	158	101	98	1065	1903
Jumlah dituduh di mahkamah (Orang)	26	24	22	68	112	252

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM.

\*Jumlah kes di dalam statistik ini merujuk kepada kes-kes yang dilaporkan kepada pihak polis dan dibuka kertas siasatan.

Perbezaan masa dan perkembangan setiap negara dalam proses migrasi kepada EMV telah menjadi salah satu halangan dalam usaha untuk mengurangkan frod berkaitan dengan pemalsuan kad kredit secara keseluruhannya. Berdasarkan kepada statistik daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis Diraja Malaysia di atas menunjukkan peningkatan jumlah kes berkaitan kad kredit pada tahun 2009 dan 2010. Jumlah kerugian yang alami juga meningkat daripada RM577,595.00 pada tahun 2006 kepada RM2,658,431.00 pada tahun 2010 iaitu peningkatan sejumlah 360%. Bilangan kad kredit kredit palsu yang dirampas juga meningkat dengan ketara pada tahun 2010 iaitu sejumlah 1065 keping berbanding tahun-tahun sebelumnya dan bilangan penjenayah yang dituduh di mahkamah juga menunjukkan peningkatan pada tahun 2009 dan 2010. Ini menunjukkan penjenayah masih lagi berjaya menembusi sistem kawalan keselamatan yang sedia ada

walaupun secara peratusannya jumlah ini adalah sedikit tetapi angkanya semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Peningkatan jumlah tangkapan terhadap penjenayah kad kredit dan rampasan kad kredit palsu bukanlah satu-satunya indikasi yang perlu dilihat bagi menggambarkan kedudukan kes-kes pemalsuan kad kredit di Malaysia kerana statistik ini adalah berdasarkan tindakan penguatkuasaan oleh pihak polis dan maklumat yang diterima dari orang ramai serta laporan polis yang dibuat. Jumlah jenayah yang tidak diketahui secara rasmi dikenali sebagai '*dark figure*' dan banyak faktor yang menyebabkan jenayah tidak dilaporkan atau tidak direkodkan.<sup>116</sup> Bagi situasi di negara ini, '*dark figure*' termasuk kes-kes yang tidak dilaporkan kepada pihak polis atau pihak berkuasa lain atau penjenayah yang terlepas dari tindakan penguatkuasaan. Walau bagaimanapun laporan Bank Negara Malaysia dan statistik dari PDRM akan dapat memberi gambaran tentang senario semasa jenayah melibatkan kad kredit di Malaysia pada masa kini serta akan dapat membantu kerajaan dan agensi berkaitan merangka polisi berkaitan dengan jenayah.

### **4.3 Analisa Kes-Kes Jenayah Kad Kredit**


Analisa dibuat terhadap beberapa kes jenayah berkaitan kad kredit yang telah diambil dari Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman. Kes-kes ini adalah di antara beberapa jenis *modus operandi* yang sering digunakan oleh penjenayah dalam melakukan kesalahan jenayah melibatkan kad kredit. Kebiasaannya kesalahan berkaitan dengan kad kredit dilakukan oleh sekumpulan penjenayah kerana jenayah ini sering dikelaskan sebagai jenayah terancang. Penglibatan penjenayah secara terancang dan rangkaian ahli sindiket yang terlibat

---

<sup>116</sup> Marsh, I., Melville, G., Morgan, K., Norris, G. & Walkington, Z. (2006). *Theories of crime*. London & New York: Routledge, at 10.

menggunakan teknologi terkini menyebabkan jenayah ini sofistikated dan kompleks. Proses memalsukan kad kredit bermula dari aktiviti mencuri data, membuat kad kredit palsu, mengedar kad dan mengguna kad kredit palsu. Setiap peringkat proses memalsukan kad kredit kebiasaannya akan dilakukan oleh orang yang berbeza. Mengikut Garis Panduan<sup>117</sup> yang dikeluarkan oleh Visa International terdapat beberapa peringkat dan senario dalam proses untuk membuat dan menggunakan kad kredit palsu. Bagi memperjelasnya, ilustrasi di bawah dibuat.

**Rajah 3: Beberapa kemungkinan atau senario dalam pemalsuan dan penggunaan kad kredit.**<sup>118</sup>



<sup>117</sup> Visa International. *A Prosecutor's and Police Investigator's Guide for Credit Card Fraud*. Garispanduan ini dikeluarkan oleh Visa International, Asia-Pacific Regional Office sebagai inisiatif untuk memberi latihan kesedaran dan pembelajaran (*Education and awareness training*) bagi kegunaan dalaman sahaja.

<sup>118</sup> *Ibid*

### **Kotak No.1, Persediaan atau pemasangan peralatan**

Di dalam kotak ini pelbagai peralatan atau apparatus yang mungkin digunakan oleh penjenayah untuk memungut maklumat berkaitan kad kredit disediakan. Pada peringkat ini penjenayah membuat persiapan atau memasang peralatan atau apparatus bagi persediaan melakukan jenayah kad kredit.

### **Kotak No.2, Mengumpul Maklumat**

Langkah kedua, pelbagai cara maklumat yang sahih berkaitan kad kredit dihimpun atau dipungut. Aktiviti sebegini sering disebut sebagai salah satu jenis kecurian identiti.

### **Kotak No.3, Pembuatan Kad Kredit Palsu**

Beberapa peralatan dan bahan material yang diperlukan untuk membangun kad kredit palsu. Pada peringkat ini kad kredit palsu dibuat sama ada separa lengkap atau siap sepenuhnya.

### **Kotak No.4, Penggunaan Kad Kredit Palsu**

Akhir sekali, kad kredit palsu yang dibuat atau kad kredit yang dicuri akan digunakan oleh penjenayah di mana-mana ATM atau POS peniaga.

Dipaparkan di atas adalah di antara 4 peringkat dalam proses pembuatan dan penggunaan kad kredit palsu yang dikenalpasti oleh pihak Visa International setakat ini. Ini adalah kerana proses dan peralatan yang digunakan oleh penjenayah akan berubah mengikut perkembangan teknologi dan perubahan ciri-ciri keselamatan pada sistem serta kad kredit. Peralatan yang digunakan dan kad kredit palsu yang ditemui adalah hampir serupa dari segi keupayaan dan rekabentuknya di seluruh dunia. Kemungkinan atau senario dalam pemalsuan dan penggunaan kad kredit ini adalah berdasarkan kes-kes yang

pernah berlaku dan dilaporkan kepada pihak Visa International. Manakala di bawah ini dinyatakan peringkat bagi membangunkan dan menggunakan kad kredit palsu yang telah dikenalpasti berdasarkan kes-kes yang pernah dilaporkan kepada pihak polis dan risikan oleh PDRM. Setiap peringkat proses akan disertakan dengan kes-kes terpilih yang dilaporkan bagi tujuan penganalisaan.

#### **4.3.1 Mencuri Data**

Mencuri identiti atau maklumat orang lain merupakan salah satu elemen penting dalam jenayah pemalsuan kad kredit. Kecurian identiti sering kali digambarkan sebagai jenayah yang sofistikated yang dilakukan oleh kumpulan yang terancang melalui penggunaan komputer dan dikelaskan sebagai jenayah kolar putih.<sup>119</sup> Walau bagaimanapun berdasarkan kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat mendapati kes kecurian identiti dilakukan oleh orang dari pelbagai golongan dan latar belakang.<sup>120</sup> Inilah yang menyebabkan ada pihak yang mengelaskan kes kecurian identiti sebagai jenayah ekonomi kerana jenayah ini dilakukan oleh pelbagai golongan dan melalui pekerjaan yang sah seperti Broker Hartanah dan pekerjaan yang tidak sah seperti pencuri.

Disebalik persepsi orang ramai bahawa kes kecurian identiti merupakan kes yang memerlukan teknologi yang tinggi, jenayah yang melibatkan komputer, jenayah ini adalah jenayah biasa (*mundane*) dan hanya memerlukan sedikit kemahiran teknikal.<sup>121</sup> Pencuri identiti tidak memerlukan kepakaran untuk mencerooboh pangkalan data yang besar dan kukuh. Mereka boleh melakukannya

---

<sup>119</sup> Copes, H & Vieraitis, L. M. (2009). Understanding Identity Theft : Offenders' Accounts of Their Lives and Crimes. *Criminal Justice Review* 2009 34: 329 originally published online 26 January 2009 <http://cjr.sagepub.com/content/34/3/329> Diakses pada 12/7/2011

<sup>120</sup> *Ibid*

<sup>121</sup> *Ibid*

dengan hanya menyelongkar bakul-bakul sampah atau membeli maklumat daripada orang dalam.<sup>122</sup>

Berikut adalah contoh-contoh kes yang berkaitan dengan kegiatan mencuri data:

**a) Cheras repot no:18845/2011**

Pengadu dalam kes ini adalah seorang pegawai bank di Bank C telah membuat laporan polis bahawa terdapat pihak ketiga telah mengambil kad kredit yang telah dihantar kepada pelanggan banknya. Kad kredit tersebut telah dipungut di Pejabat Pos Laju, Taman Shamelin Perkasa, Cheras. Pelanggan bank atau pemilik kad sebenar telah menafikan mengambil kad tersebut. Suspek kemudian telah menggunakan kad kredit tersebut dan berjaya melakukan 40 transaksi. Ini menyebabkan pihak Bank C mengalami kerugian sejumlah RM26,000.00. Hasil siasatan mendapati suspek telah menggunakan identiti palsu bagi menuntut kad kredit milik mangsa di Pejabat Pos Laju.

Di dalam kes ini suspek telah mengambil kesempatan di atas kelemahan sistem yang dilaksanakan oleh pihak bank. Sudah menjadi praktis pihak Bank C, apabila permohonan kad kredit telah diluluskan, pihak bank akan menghantar kad yang telah diaktifkan<sup>123</sup> terus kepada pemohon melalui surat berdaftar. Apabila Posmen gagal menghantar surat tersebut kepada pemohon, maka satu notis akan ditinggalkan di dalam peti surat rumah tersebut. Suspek dipercayai telah mengambil notis yang ditinggalkan oleh Posmen dan memungut kad kredit di Pejabat Pos Laju dengan mengemukakan dokumen pengenalan diri yang palsu. Mangsa di dalam kes sebegini

---

<sup>122</sup> *Ibid*

<sup>123</sup> Kad yang telah diaktifkan bermaksud kad tersebut boleh terus digunakan oleh pemegang kad tanpa perlu mengaktifkannya. Misalnya, apabila pemegang kad mendapat kad kredit dia tidak perlu lagi menghubungi semula pihak bank untuk mengaktifkan kad tersebut dengan menjawab soalan-soalan keselamatan yang ditetapkan oleh pihak bank.

adalah pelanggan-pelanggan yang baru memohon kad kredit. Di dalam kes ini tiada kad kredit palsu dibuat tetapi suspek telah mengambil maklumat pemohon/mangsa dan memalsukan satu dokumen lain samada kad pengenalan atau lesen memandu kerana dua dokumen ini akan diterima sebagai pengenalan diri semasa memungut surat di Pejabat Pos Laju.

**b) Kamunting repot no:98/2011**

Pengadu dalam kes ini mempunyai Akaun Simpanan di Bank M. Pada 3/1/2011, pengadu mendapati wang dalam akaunnya berjumlah RM500.00 telah dipindahkan ke satu akaun lain yang tidak pengadu kenali tanpa kebenaran pengadu. Sebelum itu menurut pengadu pada 31/12/2010, pengadu telah menerima satu emel daripada Bank M yang meminta pengadu untuk mengemaskini maklumat pengadu agar tidak berlaku gangguan apabila pengadu melakukan apa-apa transaksi. Pengadu telah respons kepada emel tersebut dan pengadu telah diminta memasukkan nama pengguna (*username*) dan katalaluan (*password*). Selepas memasukkan nombor kod TAC, pengadu diminta untuk tidak *log-in* selama 24 jam bagi membolehkan pihak bank mengemaskini (*update*) maklumat pengadu. Pengadu tidak sedar bahawa emel tersebut adalah emel palsu yang merupakan satu helah untuk mencuri maklumat.

Kes ini dikategorikan sebagai kes *phishing*. Bagi kes *phishing*, pengadu kebiasaannya akan diminta untuk membuat laporan polis sebagai salah satu cara untuk memastikan bahawa dakwaan pengadu adalah benar serta tidak mereka-reka cerita. Pengadu juga perlu segera memaklumkan kepada pihak bank dan membuat laporan polis setelah dia menyedari tentang kejadian tersebut bagi membolehkan pihak bank mengambil tindakan susulan misalnya untuk membekukan akaun pengadu dan memudahkan siasatan dalaman dibuat oleh bank.



Penjenayah akan melakukan pelbagai cara untuk mendapatkan data atau maklumat orang lain untuk kegunaan peribadi mereka. Pencurian maklumat boleh dilakukan secara manual seperti mencuri di peti surat dan di pejabat pos atau secara atas talian melalui *phishing* dan *spoofing*. Maklumat yang dicuri oleh penjenayah boleh digunakan untuk mengakses dan melaksanakan transaksi menggunakan akaun pengadu dan melakukan lain-lain kesalahan.

#### **4.3.2 Membuat Kad Kredit Palsu**

Peringkat kedua adalah membuat kad kredit palsu. Selepas data atau maklumat mengenai kad kredit diperolehi, barulah kepakaran atau kemahiran teknikal digunakan untuk membangunkan kad kredit palsu menggunakan teknologi terkini. Pada peringkat ini penjenayah memerlukan seseorang yang berkemahiran untuk membuat kad kredit palsu. Berikut adalah contoh kes-kes membuat kad kredit palsu:

##### **a) Tanjong Tokong repot no: 1707/2006**

Pada 21/07/2006, sepasukan polis telah membuat serbuan di sebuah rumah di Jalan Bunga Tanjung, Tanjong Bungah, Pulau Pinang. Di dalam serbuan tersebut seorang lelaki rakyat Kanada berumur 32 tahun telah ditangkap dan hasil pemeriksaan di dalam rumah telah menjumpai dan merampas barang-barang berikut:

- 19 keping kad kredit yang kemudiannya disahkan sebagai kad kredit palsu.
- 9 keping kad caj.
- 4 buah komputer bersama mesin pencetak.
- 2 unit telefon bimbit.
- 1552 keping kad separa siap dirampas dari peti keselamatan dan 650 keping dijumpai di atas meja.

**Gambar 16: Kad disyaki palsu pelbagai jenama di dalam peti keselamatan dijumpai di dalam rumah yang diserbu.**



Sumber: Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit,  
Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM

**Gambar 17: Kad kredit yang mempunyai *card face* dijumpai di atas meja disusun dengan dilapisi kertas karbon bagi mengelakkan dikesan oleh mesin pengimbas apabila dipos keluar negara.**



Sumber: Unit Siasatan Jenayah Kad Kredit,  
Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM

- 1 memory card reader.
- 1 site com connectivity.
- 1 unit floppy drive jenama Sony.
- 1 CD rom.
- 1 video switcher.
- 2 gelung lingkaran aluminium MasterCard berwarna perak.
- 1 gelung lingkaran aluminium MasterCard berwarna emas.
- 2 unit kamera.

- 1 gelung lingkaran aluminium dicetak dengan logo MasterCard.
- 2 unit scanner.
- 1 film strip reader.
- 1 modem computer.
- 1 slim link keyboard.
- 1 USB Hub.

Suspek telah dituduh di Mahkamah Sesyen Pulau Pinang pada 2/8/2006. Sejumlah 20 pertuduhan telah dibuat terhadap suspek, iaitu:

- 18 pertuduhan di bawah seksyen 474 Kanun Keseksaan kerana memiliki kad kredit palsu.
- Satu pertuduhan di bawah seksyen 472 Kanun Keseksaan<sup>124</sup> kerana memiliki peralatan bagi membangunkan kad kredit palsu, dan
- Satu pertuduhan di bawah seksyen 25(1) Akta Pendaftaran Negara kerana memiliki kad pengenalan orang lain.

Tertuduh kemudiannya telah mengaku bersalah dan telah dijatuhi hukuman penjara selama 5 tahun.

**Gambar 18: Keratan akbar New Straits Times bertarikh 17 November, 2006 mengenai keputusan kes ini.**



<sup>124</sup> Seksyen 472 Kanun Keseksaan berbunyi: Barang siapa membuat atau melancung apa-apa meteri, pelit atau lain-lain alat bagi membuat sesuatu teraan, dengan niat supaya digunakan bagi melakukan apa-apa pemalsuan yang boleh diseksa di bawah seksyen 467, atau barang siapa dengan niat itu ada dalam miliknya apa-apa meteri, pelit atau lain-lain alat itu dengan mengetahuinya sebagai lancung, hendaklah diseksa dengan penjara yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

Tertuduh di dalam kes ini adalah seorang warganegara asing yang telah ditangkap di rumahnya bersama-sama dengan pelbagai peralatan membuat kad kredit palsu dan sejumlah kad kredit palsu. Kad kredit yang dibangunkan kemudiannya telah dihantar ke luar negara untuk digunakan. Suspek yang mempunyai kemahiran dalam pembuatan kad kredit palsu telah bekerjasama dengan penjenayah atau sindiket tempatan semasa menjalankan kegiatan pemalsuan kad kredit.

**b) Dang Wangi repot no:23234/2009**

Pengadu dalam kes ini adalah seorang pegawai bank di Bank C telah membuat laporan polis menyatakan bahawa Unit Pengurusan Frod di Bank C telah dapat mengesan beberapa transaksi kad kredit bercip yang telah dinafikan oleh pemegang sebenar kad kredit tersebut. Semakan mendapati pemegang-pemegang kad tersebut beralamat di sekitar kawasan Selayang, Bandar Sunway, Batu Caves dan Jalan Kuching, Kuala Lumpur. Sejumlah 20 keping kad kredit yang tidak berjaya dihantar kepada pemegang kad juga telah dikembalikan kepada pihak bank. Setelah diperiksa sampul surat tersebut didapati terdapat kesan telah dibuka dan pemeriksaan pada kad kredit di dalamnya mendapati cip asal telah diganti dengan cip palsu (*Dummy Chip*)<sup>125</sup>. Di dalam kes ini dua orang kakitangan Pos Laju telah ditahan dan mengaku telah menyerahkan surat berdaftar Bank C kepada ahli sindiket dan mereka telah dibayar RM20.00 bagi setiap surat.

Ahli sindiket jenayah kad kredit atau suspek telah mengumpul cip yang tulin pada kad kredit dan menggantikannya dengan cip palsu. Cip yang tulin boleh dilekatkan pada mana-mana kad dan kemudian boleh digunakan kerana kad kredit

---

<sup>125</sup> Kaedah ini dikenali sebagai '*chip swab*' dan menurut pihak Malaysia Risk Management Task Force (MRMTF) kes ini merupakan yang pertama ditemui di rantau Asia-Pasifik.

Bank C telah diaktifkan semasa dihantar kepada pemohon. Cara penghantaran kad kredit yang telah diluluskan kepada pemohon berbeza mengikut bank. Kebanyakan bank memilih untuk menghantar kad kredit yang belum diaktifkan secara pos biasa bagi mengurangkan kos penghantaran. Pelanggan yang menerima kad kredit tersebut perlu menghubungi semula pihak bank dan menjawab beberapa soalan keselamatan yang dinamik sebelum kad kredit tersebut dapat diaktifkan.

Proses membuat kad kredit palsu memerlukan kemahiran teknikal disamping pengetahuan tentang ciri-ciri keselamatan kad kredit palsu. Ahli sindiket akan bekerjasama dengan penjenayah luar negara yang mahir atau pakar dalam pembuatan kad kredit palsu dan akan mengeksploitasi segala ruang kelemahan yang wujud dalam sistem serta kelemahan dalam menghasil kad kredit. Dalam kes di atas penjenayah telah dapat mengambil kesempatan di atas kelemahan proses penghantaran kad kredit dan kelemahan teknologi pembuatan kad.

### **4.3.3 Mengedar Kad Kredit Palsu**

Aktiviti mengedar kad kredit palsu dijalankan dengan pelbagai cara oleh penjenayah bagi mengaburi mata pihak berkuasa. Penjenayah akan menggunakan rangkaianannya yang melangkaui sempadan negara untuk mengedarkan kad kredit palsu bagi tujuan untuk digunakan atau untuk dijual kepada pihak lain sebelum digunakan. Kad kredit palsu kebiasaannya dihasilkan dan diedar secara berkas (*bundle*).<sup>126</sup> Berikut adalah di antara teknik-teknik pengedaran yang telah dilaporkan:

---

<sup>126</sup> *Supra* Nota 86

**a) KLIA Sepang repot no:2184/2010**

Pengadu dalam kes adalah seorang Pegawai Keselamatan di sebuah syarikat penerbangan, pada 1/3/2010 telah menerima maklumat dari pegawai di Bahagian Tiket berkenaan seorang lelaki Cina yang telah cuba membuat pembayaran tiket penerbangan dengan menggunakan kad kredit yang disyaki palsu bagi penerbangan bertarikh 3/3/2010. Lelaki Cina tersebut telah melarikan diri dan meninggalkan sekeping kad kredit Citibank Visa setelah mensyaki ada sesuatu yang tidak kena.

Pada 3/3/2010, pengadu telah menahan 2 orang penumpang lelaki berbangsa Cina di Balai Perlepasan Bay C 35, Bangunan Satellite KLIA bagi pesawat penerbangan dari Kuala Lumpur ke Incheon, Korea kerana membuat pembayaran tiket penerbangan menggunakan kad kredit palsu. Kedua-dua lelaki Cina tersebut kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

Penulis bersama sepasukan polis telah pergi ke KLIA dan menangkap dua lelaki Cina (suspek) tersebut dan hasil pemeriksaan pada badan dan beg suspek telah merampas sejumlah 33 keping kad kredit yang disyaki palsu pelbagai bank dari dalam dan luar negara. Sejumlah 15 keping kad kredit palsu dijumpai di dalam beg duit milik suspek (1) dengan nama suspek (1) diembos pada muka depan kad dan sejumlah 18 keping kad kredit palsu dijumpai di dalam beg duit milik suspek (2) dengan nama suspek (2) diembos pada muka depan kad.

Kesemua kad kredit yang dirampas telah dibuat semakan dengan bank pengeluar dan mengesahkan kesemua kad kredit yang dirampas mempunyai akaun kad kredit milik orang lain yang masih sah laku. Kertas siasatan telah dirujuk ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya dan memutuskan Suspek (1) dan (2) dituduh di bawah

seksyen 474 Kanun Keseksaan<sup>127</sup> dengan satu pertuduhan bagi setiap seorang. Kedua-dua tertuduh telah mengaku bersalah ke atas pertuduhan dan telah dijatuhi hukuman denda RM10,000.00 setiap seorang.

Di dalam kes ini kedua-dua suspek telah diarahkan oleh ketua sindiket untuk membawa keluar kad kredit palsu dari Malaysia dan menggunakan kad kredit tersebut di Korea. Apabila sampai di Korea, suspek akan ditemani oleh ahli sindiket yang sedia menunggu bagi membantu menggunakan kad kredit dan mengambil barangan yang dibeli. Tugas suspek akan selesai apabila kad kredit palsu berjaya dibawa ke Korea dan digunakan untuk membeli barangan.

#### **b) KLIA Sepang repot:5392/2010**

Pada 24/5/2010, bertindak di atas maklumat, pengadu seorang Pegawai Keselamatan di sebuah syarikat penerbangan bersama pembantunya telah berjumpa dengan dua orang penumpang berbangsa Cina di dalam pesawat bagi penerbangan dari Kuala Lumpur ke Male. Kedua-dua penumpang (suspek) tersebut telah dibawa ke Bay C37, Bangunan Satellite KLIA dan kedua-dua suspek telah dimaklumkan bahawa tiket penerbangan mereka bagi penerbangan dari Kuala Lumpur ke Male pada 24/5/2010 dan penerbangan dari Male ke Kuala Lumpur bertarikh 26/5/2010, dibeli menggunakan kad kredit yang disyaki palsu. Pengadu kemudian telah menyerahkan kedua-dua suspek kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

Pihak polis pada 24/5/2010 telah menangkap kedua-dua suspek di KLIA, Sepang. Hasil pemeriksaan ke atas badan dan beg suspek telah menjumpai pada

---

<sup>127</sup> Seksyen 474 Kanun Keseksaan berbunyi: Barang siapa ada dalam miliknya apa-apa surat, dengan mengetahuinya sebagai pemalsuan, dan dengan maksud supaya digunakan dengan tipuan atau dengan curangnya sebagai tulin, hendaklah, jika surat itu suatu surat dari jenis yang tersebut dalam seksyen 466, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika surat itu suatu surat dari jenis yang tersebut dalam seksyen 467, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

suspek (1) sejumlah 25 keping kad kredit pelbagai bank yang diembos dengan nama suspek (1) yang masih sah tarikh luputnya yang disyaki palsu. Manakala pada suspek (2) telah dijumpai sejumlah 7 keping kad kredit pelbagai bank yang diembos dengan nama suspek (2) yang sah tarikh luputnya yang disyaki palsu. Kesemua kad kredit yang dirampas telah dibuat semakan dengan bank pengeluar dan mengesahkan kesemua kad kredit yang dirampas mempunyai akaun kad kredit milik orang lain yang masih sah laku. Kertas siasatan kemudiannya telah dirujuk ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya dengan cadangan oleh pihak polis untuk menuduh suspek (1) dan (2) di bawah seksyen 474 Kanun Keseksaan iaitu memiliki kad kredit palsu dengan niat untuk menggunakannya sebagai tulin. Walau bagaimanapun pihak pendakwaan membuat keputusan sebaliknya iaitu tiada pertuduhan dibuat terhadap kedua-dua suspek dengan alasan bahawa tiada seksyen yang sesuai untuk dibuat pertuduhan. Untuk menuduh suspek di bawah seksyen 474 Kanun Keseksaan, pihak pendakwaan perlu membuktikan niat suspek untuk menggunakan kad kredit palsu tersebut sebagai tulin. Di dalam kes ini niat suspek untuk menggunakan kad kredit sebagai tulin dikatakan sukar untuk dibuktikan kerana suspek ditahan di dalam kapal terbang dan bukannya di premis atau kedai yang mana suspek boleh menggunakan kad kredit palsu tersebut.

**c) Tun H. S. Lee repot no:31656/2008**

Pengadu di dalam kes ini adalah seorang pengurus di sebuah syarikat penghantaran ekspres (*Courier Services*) yang berpejabat di Kuala Lumpur. Syarikat pengadu telah dapat mengesan 7 bungkusan atau *parcel*<sup>128</sup> yang diserahkan oleh pelanggan untuk

---

<sup>128</sup> Sebenarnya nama dan alamat pengirim serta penerima bungkusan adalah lengkap tetapi di dalam kertas kajian ini nama sebenar dan alamat penuh tidak dinyatakan atas faktor keselamatan.



dihantar ke luar negara yang mengandungi kad-kad kredit yang disyaki palsu.

Maklumat tentang bungkusan adalah seperti berikut:-

- i. Pengirim: Kenneth  
Alamat Pengirim: Taman Melati, Kuala Lumpur  
Penerima: Andy  
Alamat Penerima: Cape Town, South Africa  
Kuantiti: 240 keping kad ganjaran atau kad bonus
- ii. Pengirim: Rays  
Alamat Pengirim: Taman Permata, Ulu Klang.  
Penerima: Jiang  
Alamat Penerima: Dublin, Ireland  
Kuantiti: 30 keping kad ganjaran atau kad bonus
- iii. Pengirim: Suresh  
Alamat Pengirim: Taman Melati, Gombak, Selangor  
Penerima: Ramesh  
Alamat Penerima: London. U.K.  
Kuantiti: 11 keping kad dibalut dengan plastik hitam dan 7 keping kad debit Visa
- iv. Pengirim: Mr. Ng  
Alamat Pengirim: Taman Melati, Gombak  
Penerima: Mr. Ang  
Alamat Penerima: London, U.K.  
Kuantiti: 2 keping kad dibalut dengan plastik hitam
- v. Pengirim: Mr. Alex  
Alamat Pengirim: Jalan Ipoh, Kuala Lumpur  
Penerima: Mr. Jiang  
Alamat Penerima: Lucan, Dublin, Ireland  
Kuantiti: 28 keping kad ganjaran atau kad bonus
- vi. Pengirim: Steven  
Alamat Pengirim: Taman Sri Bunga, Jalan Jelutong, Pulau Pinang  
Penerima: Jincai Roccur  
Alamat Penerima: Les Lilas, Paris, France  
Kuantiti: 180 keping kad pelbagai bank
- vii. Pengirim: Steven  
Alamat Pengirim: Taman Sri Bunga, Jalan Jelutong, Pulau Pinang  
Penerima: Jincai Roccur  
Alamat Penerima: Les Lilas, Paris, France  
Kuantiti: 140 keping kad pelbagai bank

Kesemua alamat pengirim telah diperiksa dan mendapati alamat tersebut tidak wujud. Semakan pada kad-kad yang ditemui mendapati kesemua kad adalah kad kredit palsu yang dikeluarkan oleh pelbagai bank yang belum dipindahkan maklumat akaun kad kredit pada jalur magnetiknya. Permukaan depan dan belakang kad-kad ini telah ditampal dengan kertas yang menyerupai kad ganjaran atau kad bonus bagi mengelirukan pihak berkuasa. Suspek telah menggunakan perkhidmatan syarikat penghantaran swasta untuk menghantar bungkusan kerana menjangkakan aspek keselamatan kurang dipatuhi.

Di dalam kes 4.3.3 (a) dan (b) di atas *modus operandi* yang digunakan oleh suspek adalah sama iaitu membawa kad kredit palsu yang masih sah akaun dan tarikh luputnya keluar negara tetapi terdapat perbezaan keputusan kes yang diberikan. Perkara ini wujud berkemungkinan disebabkan oleh perbezaan tafsiran terhadap undang-undang atau perbezaan pendapat oleh pihak pendakwaan. Walau pun pihak pendakwaan mempunyai budibicara yang luas untuk membuat keputusan tetapi budibicara ini perlu digunakan dengan berhati-hati agar tidak mengelirukan agensi penguatkuasaan. Perbezaan keputusan ini juga berkemungkinan disebabkan tiada undang-undang yang khusus bagi menangani kesalahan berkaitan kad kredit di negara ini. Di dalam kedua-dua kes ini juga, suspek-suspek yang ditangkap adalah merupakan peminjam wang dari ceti haram atau Ah Long yang gagal membayar balik hutang mereka. Suspek telah dipaksa oleh Ah Long untuk melakukan tugas membawa kad kredit palsu keluar negara dengan upah RM250.00 bagi sekeping kad. Jika tugas berjaya dilaksanakan jumlah wang upah yang dikutip oleh suspek akan ditolak dari baki hutang mereka. Suspek juga mendakwa mereka adalah juga mangsa keadaan yang telah dipaksa oleh Ah Long bagi melakukan kerja salah tersebut.

Manakala kes 4.3.3(c) menunjukkan rangkaian pengedaran kad kredit palsu ke luar negara. Sudah pasti di negara-negara di mana kad kredit palsu dihantar, penjenayah telah

mempunyai ahli sindiket yang sedia menunggu untuk memasarkan kad kredit palsu tersebut atau menggunakannya terus di premis-premis perniagaan. Jika dilihat kepada jumlah kad kredit palsu yang dihantar dapat digambar bilangan ahli sindiket yang terlibat serta kerugian yang akan ditanggung oleh bank sekiranya penghantaran tersebut berjaya. Penghasilan dan pengedaran kad kredit palsu dikawal oleh pembekal yang terhad bilangannya, pembahagian tugas yang jelas (orang yang membuat kad tidak sama dengan individu yang mengedar), pengedaran dibuat secara berperingkat dan *runner* dalam rangkaian pengedaran dipilih dengan berhati-hati bagi memastikan kebolehpercayaannya.<sup>129</sup> Kes-kes di atas menunjukkan beberapa saluran yang boleh digunakan oleh penjenayah untuk mengedar kad kredit palsu iaitu sama ada dibawa oleh manusia atau secara pos ke luar negara dan perkaitan dengan rangkaian penjenayah di luar negara.

#### **4.3.4 Menggunakan Kad Kredit Palsu**

Peringkat yang terakhir adalah penggunaan kad kredit palsu. Ahli sindiket kebiasaannya akan menggunakan kad kredit palsu dengan berhati-hati bagi mengelak dari dikesan oleh pihak berkuasa. Peringkat ini mempunyai risiko yang tinggi kerana jika dikesan penjenayah akan ditangkap bersama-sama dengan kad kredit palsu dan barangan yang dibeli menggunakan kad kredit palsu tersebut. Penemuan sebegini akan memudahkan siasatan dan pendakwaan di mahkamah. Berikut adalah contoh kes penggunaan kad kredit palsu:

---

<sup>129</sup> *Supra* Nota 86

**a) Menggatal repot no:6948/2011**

Pengadu di dalam kes ini adalah seorang penjual kamus elektronik Besta, semasa berada di kedainya telah datang seorang lelaki membeli 2 unit Kamus Elektronik Besta berharga RM3,088.00. Pelanggan tersebut membuat bayaran menggunakan kad kredit Bank P. Semasa proses pembayaran dibuat kad kredit milik pelanggan tersebut tidak dapat digunakan dan seketika kemudian pengadu telah menerima panggilan telefon dari seorang lelaki yang mengaku dari Pusat Kad Kredit Bank P. Lelaki tersebut memaklumkan bahawa sistem tergendala sebentar dan telah memberikan nombor rujukan kepada pengadu sebagai bukti pihak bank telah menerima bayaran secara manual dari kad kredit pelanggan tersebut. Lebih kurang 2 jam selepas itu, pengadu telah menghubungi semula pihak bank dan dimaklumkan tiada pembayaran dibuat dan pihak bank tidak pernah menghubungi kedai pengadu. Pengadu kemudian membuat laporan polis.

Di dalam kes ini penjenayah telah menggunakan kad kredit yang dipercayai palsu dan memperdaya pekedai/mangsa dengan menyatakan sistem tergendala sebentar. Pekedai/mangsa yakin dan percaya bahawa lelaki yang menghubunginya melalui telefon adalah dari Pusat Kad Kredit Bank P kerana sejurus selepas kad digunakan, mangsa telah dihubungi. Lelaki yang menghubungi mangsa disyaki rakan sejenayah dengan pelanggan tersebut. Kedai sebegini menjadi sasaran penjenayah kerana mereka menjual barangan yang berharga dan barangan tersebut mudah untuk dijual semula bagi mendapatkan tunai.

**b) Durian Tunggal repot no:54/2009**

Pengadu adalah pegawai bank di Bank E telah membuat laporan polis mengenai kejadian penggunaan kad kredit palsu di salah sebuah kedai atau peniaga (*merchant*)

yang berdaftar dengan Bank E. *Merchant* ini merupakan sebuah kedai menjual tayar di Durian Tunggal, Melaka. Pada 7/1/2009, pihak bank telah dapat mengesan kejadian penggunaan kad kredit palsu di mana 80 transaksi telah dicuba oleh penjenayah dan hanya 8 kad kredit yang telah berjaya mendapat kelulusan bagi jumlah RM102,768.00. Transaksi menggunakan kad kredit palsu ini dilakukan pada 6/1/2009 antara jam 1.50 petang hingga 8.03 malam dan pihak bank telah membuat pembayaran kepada peniaga tersebut pada hari berikutnya.

Hasil siasatan mendapati kesemua kad kredit yang digunakan oleh penjenayah menggunakan akaun pemilik kad kredit bagi bank pengeluar di luar negara. Penjenayah sengaja menggunakan akaun pemilik kad kredit di luar negara kerana Bank E (*acquiring bank*) perlu membuat pengesahan dengan bank pengeluar (*issuing bank*) di luar negara sebelum memberi kelulusan kepada setiap transaksi yang dibuat. Oleh kerana pengesahan dengan bank pengeluar akan mengambil masa yang lama, maka Bank E akan memberi kelulusan dahulu sebelum mendapat pengesahan demi untuk menjaga nama baik bank dan keselesaan kepada pengguna. Kesempatan ini akan digunakan oleh penjenayah untuk berpakat dengan peniaga bagi menggunakan kad kredit palsu. *Modus operandi* sebegini dikenali juga sebagai kes *collusive merchant*. Penjenayah akan membuat pakatan sulit dengan peniaga seolah-olah mereka telah membeli barangan atau perkhidmatan dari peniaga tersebut. Selalunya penjenayah akan mencari mangsa di kalangan peniaga yang kurang berjaya atau mempunyai masalah di dalam perniagaan mereka. Dengan berpakat bersama penjenayah, peniaga akan berkongsi sebahagian dari wang yang diterima dari Bank E.

Penjenayah akan mencari mangsa/pekedai yang tidak memasang kamera litar tertutup (CCTV) pada premis perniagaan mereka bagi mengelakkan gambar serta perlakuan mereka dirakam. Ketiadaan CCTV menjadikan pekedai sebagai sasaran yang

sesuai. Pemasangan CCTV pada premis perniagaan bukanlah satu kemestian kepada pekedai, malahan merupakan pilihan sendiri pekedai tersebut. Pihak bank pula tidak mengenakan syarat ini sebagai mandatori disebabkan oleh persaingan dikalangan bank bagi merebut pelanggan. Manakala pakatan sulit dibuat oleh penjenayah dengan peniaga bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti jenayah mereka dan bagi mengaburi mata pihak berkuasa dan bank.

Kes 4.3.4 (b) misalnya agak sukar untuk mencari bukti dan membawa peniaga dan penjenayah ke muka pengadilan sekiranya peniaga melengkapkan dokumen jual beli seolah-olah transaksi tersebut benar-benar berlaku. Kebiasaannya siasatan kes sebegini akan terganggu apabila melibatkan pemilik akaun kad kredit bagi bank pengeluar di luar negara. Kerjasama bank di luar negara selalunya agak sukar diperolehi walau pun melalui Mutual Assistant in Criminal Matters Act 2002 (MACMA), Interpol dan saluran diplomasi. Inilah di antara kelemahan-kelemahan yang membolehkan penjenayah berani untuk menggunakan kad kredit palsu di negara ini.

#### **4.4 Kesimpulan**

Peningkatan penggunaan kad kredit di Malaysia menunjukkan pengguna semakin yakin dengan fungsi kad kredit sebagai salah satu instrumen pembayaran yang boleh dipercayai serta efisien. Tindakan Bank Negara Malaysia yang memastikan migrasi kepada standard EMV secara mandatori telah meningkatkan ciri-ciri keselamatan kad dan terbukti telah berjaya mengurangkan kes-kes pemalsuan kad kredit di pasaran domestik. Walau bagaimanapun, ketidakseragaman pelaksanaan migrasi kepada standard EMV di seluruh dunia menyebabkan usaha membasmi kegiatan pemalsuan kad kredit secara menyeluruh terbantut. Keadaan ini memberi peluang kepada penjenayah untuk mengeksploitasi

kelemahan yang wujud. Tindakan mengeksploitasi dan memalsukan kad kredit menjadi semakin mudah dengan bantuan teknologi terkini. Manusia kini semakin mahir untuk mengambil peluang yang ada demi kepentingan diri sendiri.

Tanggungjawab pihak penguatkuasa undang-undang terutamanya PDRM semakin mencabar dengan perkembangan penggunaan teknologi terkini dan lahirnya *modus operandi* yang baru. PDRM perlu memberi pendedahan kepada pegawainya tentang penggunaan teknologi dan ancaman terbaru agar pasukan polis lebih peka dan mahir dalam mengendalikan kes selari dengan peredaran masa. Kerajaan harus menyokong usaha ini dengan melengkapkan PDRM dengan kelengkapan logistik serta latihan kemahiran yang bersesuaian dengan perkembangan semasa teknologi. Semua pihak harus bekerjasama dengan bersungguh-sungguh bagi menangani jenayah berkaitan kad kredit di negara ini dengan memberi keutamaan untuk melindungi pengguna kad kredit. Perundangan yang spesifik tentang kesalahan kad elektronik khususnya kad kredit perlu diperkenalkan dengan segera disamping kerjasama dari semua pihak dalam sistem keadilan jenayah serta memantapkan lagi perhubungan serta kerjasama antarabangsa.

**BAB KELIMA**  
**KESIMPULAN DAN**  
**LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN**

**5.1 Pengenalan**

Bab ini akan merumuskan secara keseluruhan tentang jenayah pemalsuan kad kredit di negara ini. Seterusnya penulis akan memperlihatkan aspek pencegahan dari pandangan para sarjana, pencegahan kontemporari dan memberi cadangan kepada langkah-langkah pencegahan yang wajar dilaksanakan di negara ini. Kesimpulan yang dibuat dan cadangan yang disyorkan diharapkan akan dapat membantu pembaca memahami dan mengetahui keadaan semasa, senario sebenar jenayah kad kredit serta tindakan yang wajar diambil bagi menangani masalah pemalsuan kad kredit di Malaysia.

Jenayah pemalsuan kad kredit akan memberi kesan dan impak yang pelbagai kepada perniagaan dan salah satu kerugian yang besar kepada perniagaan adalah hilang kepercayaan daripada pelanggan yang akan menyebabkan pudarnya perhubungan yang positif dengan pelanggan. Mencuri maklumat seseorang selalunya merupakan langkah pertama dalam proses membangunkan kad kredit palsu. Oleh sebab itu keselamatan data dan ciri-ciri keselamatan pada kad kredit sangat penting untuk dititikberatkan. Kolaborasi oleh Bank Negara Malaysia sebagai pengawal (*regulator*) bersama-sama dengan pemain industri dan pemegang kepentingan yang lain menjadi semakin hebat dalam usaha membendung aktiviti frod dan pemalsuan kad kredit. Usaha pencegahan ini telah menampakkan hasilnya apabila terdapat penurunan jumlah kerugian akibat frod pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 dan tahun sebelumnya seperti yang telah dibincangkan di Bab Keempat.



## 5.2 Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan kad kredit merupakan salah satu instrumen pembayaran yang kian diterima ramai oleh masyarakat di negara ini. Fakta ini disokong oleh peningkatan bilangan kad kredit dalam pasaran dan volum penggunaan yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Keyakinan pengguna perlu diperkukuhkan lagi oleh pihak yang mengawal pengeluaran kad dengan mengeluarkan garis panduan yang dapat melindungi semua pihak terutamanya pengguna dan mewujudkan undang-undang yang khusus bagi menangani kesalahan berkaitan kad elektronik. Kemajuan teknologi membantu meningkatkan keselamatan kad, pada masa yang sama kemajuan teknologi juga memberikan penjenayah peluang untuk melakukan jenayah.

Meningkatkan ciri-ciri keselamatan kad kredit memerlukan peruntukan kewangan yang besar dan sebagai tanggungjawab sosial institusi pengeluar kad kredit. Kebanyakan syarikat kad kredit dan institusi kewangan melihat keperluan ini melalui analisa '*cost-benefit*'.<sup>130</sup> Institusi pengeluar kad harus melabur untuk menghasilkan kad kredit yang bermutu tinggi dan sistem komputer yang sukar diceroboh. Keengganan institusi pengeluar kad melabur untuk meningkatkan tahap keselamatan akan memberi kesan kepada banyak pihak termasuk pemegang kad sebagai pengguna. Berdasarkan *routine activity theory*, bank dan institusi pengeluar kad kredit merupakan pelindung (*guardian*) di dalam sistem pembayaran. Oleh itu tindakan memperkasakan sasaran adalah tanggungjawab pelindung bagi mengelak daripada kad kredit menjadi sasaran yang digemari oleh penjenayah kerana di luar sana terdapat ramai penjenayah yang bermotivasi yang sentiasa berusaha untuk mengatasi sistem.

---

<sup>130</sup> White, M. D. & Fisher, C. Assessing our knowledge of identity theft: The challenges to effective Prevention and Control Efforts. *Criminal Justice Policy Review* 2008 19: 3  
<http://cjp.sagepub.com/content/19/1/3>. Diakses pada 19/7/2011.

Walau pun syarikat kad kredit dan peniaga menyatakan mereka telah melakukan pelbagai cara bagi mencegah kejadian pemalsuan kad kredit, namun kesangsian masih wujud sama ada usaha mereka bersungguh-sungguh atau sekadar memenuhi kehendak undang-undang dan keperluan garis panduan semata-mata. Pelbagai langkah lagi yang perlu diambil untuk mencegah dan mengesan kejadian jenayah kad kredit kerana masih ramai pengguna yang menaruh keyakinan dan menggunakan kad kredit dalam urusan mereka setiap hari. Gordon Hughes (2004) menyatakan bahawa isu pencegahan jenayah dan keselamatan memerlukan penglibatan politik dan normatif, tidak hanya teknologi dan pentadbiran.<sup>131</sup> Di Amerika Syarikat, penubuhan President's Identity Theft Task Force dan di United Kingdom, National Fraud Authority serta menambahbaik strategi pencegahan dengan meningkatkan koordinasi adalah bukti bahawa kerajaan mereka serius dalam menangani masalah frod.<sup>132</sup> Kerajaan Malaysia harus mengambil sesuatu tindakan yang segera dan drastik bagi menunjukkan komitmen kerajaan bagi menangani isu ini.

Penguatkuasa undang-undang walaupun bukan sebahagian daripada sistem pembayaran, sentiasa menyokong langkah pencegahan jenayah dengan memberikan pencegahan (*deterrence*) dari segi undang-undang yang secukupnya, dengan itu penjenayah yang bermotivasi akan berfikir dua kali sebelum melakukan kesalahan. Tindakan penguatkuasaan bergantung sepenuhnya kepada peruntukan undang-undang sedia ada. Langkah pencegahan yang tidak bersepadu disertai pula dengan undang-undang yang longgar akan memberi peluang kepada penjenayah untuk mengeksploitasinya bagi kepentingan mereka. Satu undang-undang yang komprehensif bagi mengawal kad elektronik khususnya kad kredit perlu diwujudkan segera. Pihak-pihak di dalam sistem

---

<sup>131</sup> Hughes, G. (2004). Crime Prevention, Community Safety and Crime and Disorder Reduction. Di dalam Muncie, J & Wilson, D (Eds). *Student Handbook of Criminal Justice and Criminology*. London: Cavendish Publishing, at 169-182.

<sup>132</sup> *Supra* Nota 88.

keadilan jenayah boleh meningkatkan pencegahan dari segi undang-undang dengan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam siasatan kes dan pendakwaan pesalah, disokong oleh akta-akta yang khusus mengenai kesalahan berkaitan kad kredit.

Usaha mencegah perlu dimulakan sejak awal oleh institusi pengeluar kad dan syarikat jenama kad bagi melindungi pengguna kad dan keselamatan data agar tidak mudah dimanipulasi oleh penjenayah, seperti kata pepatah, mencegah adalah lebih baik dari mengubati. Langkah-langkah keselamatan seperti menentusahkan dan mempersulitkan data hanya mampu mengurangkan risiko keselamatan tetapi tiada jaminan bahawa keselamatan data atau maklumat terjamin selamat.<sup>133</sup>

Akhir sekali, disamping melaksanakan undang-undang yang tegas, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia wajar mempromosi kempen kesedaran kepada orang ramai tentang taktik yang digunakan oleh penjenayah dan seterusnya memberi cadangan tentang langkah-langkah bagi menghalang kejadian dari berlaku. Orang ramai yang sedia maklum dengan helah penjenayah akan tahu bagaimana untuk bertindak apabila mereka dihampiri oleh penjenayah serta peka dengan taktik terkini penjenayah.

### **5.3 Langkah-Langkah Pencegahan Jenayah Pemalsuan Kad Kredit**

Pencegahan jenayah merupakan salah satu agenda penting dalam pentadbiran negara. Isu jenayah dibincangkan oleh pelbagai pihak, dari perbualan di kedai kopi sehinggalah perbahasan di parlimen. Isu mencegah jenayah juga merupakan modal untuk berkempen bagi ahli-ahli politik. Definisi pencegahan jenayah dan keselamatan komuniti akan selalu menjadi bahan perbahasan dan terdapat sebahagian pengulas akademik yang menentang

---

<sup>133</sup> Sarabdeen Jawahitha, Noor Raihan Ab Hamid & Mohamed Mazahir Mohamed Ishak. (2003). Internet Banking: A Comparative Analysis of Legal and Regulatory Framework in Malaysia. *Arab Law Quarterly*, Vol. 18, No.3/4, pp.291-308. <http://www.jstor.org/stable/3382038>. Diakses pada 22/11/2011

pendapat bahawa tiada definisi pencegahan jenayah yang universal.<sup>134</sup> Secara amnya dipersetujui bahawa lebih mudah untuk mensabitkan pesalah jalanan dari pesalah jenayah kolar putih, malah mungkin lebih sukar bagi pihak pendakwaan untuk menunjukkan bahawa jenayah kolar putih telah pun berlaku.<sup>135</sup> Jika dibandingkan dengan jenayah kolar biru, jenayah kolar putih lebih sukar untuk disiasat dan didakwa di antaranya disebabkan oleh pesalah jenayah kolar putih secara amnya lebih terpelajar, oleh itu mereka lebih bijak untuk menyembunyikan aktiviti yang dilakukan.<sup>136</sup> Berdasarkan kajian oleh Prabowo (2011)<sup>137</sup> yang merujuk kepada amalan yang dilaksanakan di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Indonesia, mencadangkan enam perkara utama dalam mencegah jenayah atau frod kad kredit di dalam sistem pembayaran, iaitu:

- i. Memahami masalah yang sebenar,
- ii. Polisi pencegahan frod,
- iii. Kesedaran tentang frod,
- iv. Perlindungan berasaskan teknologi,
- v. Pengurusan identiti, dan
- vi. Halangan atau pencegahan melalui undang-undang.

Perkara di atas perlu disokong oleh kerjasama empat kumpulan utama dalam sistem pembayaran iaitu pengguna, institusi, rangkaian dan kerajaan serta industri bagi memastikan keselamatan dalam industri pembayaran.<sup>138</sup> Kajian yang dijalankan oleh Prabowo telah mengenalpasti pendekatan yang biasa dilakukan dalam mencegah frod kad kredit dan dia menggelarkan teknik ini sebagai '*four pillared-house of payments fraud prevention practice*' seperti di Rajah 4 yang ditunjukkan di bawah. Setiap tiang rumah di

---

<sup>134</sup> *Supra* Nota 131.

<sup>135</sup> Schmallegger, F. (2009). *Criminology Today: An integrative introduction* (5<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall, at 500.


<sup>136</sup> *Ibid*

<sup>137</sup> *Supra* Nota 88.

<sup>138</sup> *Supra* Nota 88.

dalam teknik ini memainkan peranan yang penting bagi mencapai matlamat. Di atas empat tiang ini adalah inisiatif yang penting dalam mencegah frod kad kredit di dalam sistem pembayaran. Kerjasama semua pemain industri adalah penting bagi mengenalpasti masalah yang sebenar sebelum tindakan pencegahan diambil.

Rajah 4: *Four pillared-house of payments fraud prevention practice.*



Sumber: Hendi Yogi Prabowo (2011).

Kolaborasi di antara kerajaan dan badan tertinggi dalam industri dalam mencegah frod kad kredit, misalnya dalam membentuk undang-undang dan peraturan yang khusus untuk menangani frod akan menguatkan lagi rumah ini. Berdasarkan kajian, penulis mencadangkan langkah-langkah pencegahan berikut dilaksanakan di Malaysia bagi membendung kejadian jenayah pemalsuan kad kredit:

- a. Kesedaran tentang frod atau jenayah pemalsuan kad kredit,
- b. Perlindungan berasaskan teknologi,
- c. Pengurusan identiti,
- d. Halangan atau pencegahan melalui undang-undang, dan
- e. Meningkatkan tahap keupayaan polis.

### 5.3.1 Kesedaran tentang frod atau jenayah pemalsuan kad kredit.

Inisiatif untuk mencegah jenayah datang dan pergi sama seperti idea dan falsafah yang menerangkannya.<sup>139</sup> Usaha yang dijalankan oleh pihak yang terlibat dengan industri kad kredit bagi mengurangkan tahap frod termasuklah mengadakan program mendidik peniaga (*merchant education program*) yang akan dapat mewujudkan kesedaran terhadap aktiviti frod dan membantu dalam pelaksanaan langkah-langkah pencegahan. Pada Oktober 2010, kempen kesedaran telah dilancar di seluruh negara oleh National Card Group (NCG) dan Persatuan Bank-Bank Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM) bagi mendidik pemegang kad dan memberi peringatan tentang tanggungjawab terhadap penggunaan kad kredit dikalangan pengguna.<sup>140</sup>

Pihak media memainkan peranan yang penting dalam memberi kesedaran kepada pengguna. Malahan, media juga boleh menjadi '*moral entrepreneurs*' yang akan mendatangkan ketakutan kepada orang awam terhadap ancaman pencuri identiti yang boleh menceroboh secara atas talian bagi mendapat maklumat kad kredit.<sup>141</sup>

Mengikut sejarah, kriminologi dan pencegahan jenayah bergerak seiring kerana apabila manusia berfikir tentang jenayah, terdapat remedi yang akan dicadangkan untuk mencegah kewujudannya.<sup>142</sup> Fokus terkini untuk keselamatan komuniti dan pengurusan risiko hanya dari segi bentuk strategi pencegahan jenayah yang dirangka untuk membendung jenayah dan mengembalikan kedudukan sosial.<sup>143</sup> Di Amerika Syarikat, Federal Trade Commission telah menganjurkan kempen '*Deter, Detect and Defend*' yang

---

<sup>139</sup> Watts, R., Bessant, J. & Hil, R. (2008). *International Criminology: A Critical Introduction*. London: Routledge

<sup>140</sup> *Supra* Nota 49.

<sup>141</sup> Torin Monahan. (2009). Identity theft vulnerability: Neoliberal governance through crime construction. *Theoretical Criminology* Vol. 13(2): 155–176; 1362–4806.

<http://tcr.sagepub.com/content/13/2/155> Diakses pada 19/7/2011

<sup>142</sup> *Supra* Nota 139, at 151.

<sup>143</sup> *Supra* Nota 139, at 166.

mana telah meletakkan beban kepada orang awam untuk melindungi diri mereka sendiri dan bertindak dengan cepat untuk melaporkan kejadian kecurian identiti dengan segera apabila mereka menyedarinya.<sup>144</sup>

Mendidik masyarakat adalah tanggungjawab bersama kerajaan dan pihak dalam perniagaan iaitu bank dan institusi pengeluar kad kredit bagi meningkatkan kesedaran orang ramai dan mencegah kejadian jenayah pemalsuan kad kredit. Dalam pasaran perniagaan yang kompetitif, pihak dalam perniagaan akan lakukan apa saja untuk menentang kecurian identiti kerana takut atau bimbang tindakbalas pengguna.<sup>145</sup> Misalnya, pengguna yang tidak yakin dengan sesuatu produk syarikat akan mengelak dari mendapatkan produk tersebut. Kesannya turut melibatkan produk-produk lain dalam syarikat yang sama.

Cara lain untuk menyedarkan orang ramai adalah dengan menyampaikan maklumat bagi melindungi pengguna (*consumer-protection information*) dalam bentuk sesi penerangan oleh pihak polis, bengkel atau perbincangan di institusi pengajian tinggi, risalah kerajaan dan peringatan di laman sesawang milik kerajaan, pemain industri dan juga persatuan pengguna. Sebahagian besar langkah-langkah ini telah pun dilaksanakan di negara ini. Wujud pihak yang mungkin menyatakan bahawa tindakan secara reaktif oleh pihak penguatkuasaan disebabkan oleh tekanan daripada orang ramai terhadap pihak polis terutamanya bagi membendung kes-kes berkaitan kad kredit. Walau bagaimanapun tindakan reaktif oleh penguatkuasa tidak dapat menyelesaikan masalah pokok.

Mengikut Barry Masuda (1993), bagi menjadikan pencegahan efektif, tanggungjawab untuk mencegah harus dikongsi oleh semua pihak yang terlibat dan pencegahan paling efektif adalah dengan mendidik serta memberi kesedaran kepada

---

<sup>144</sup> *Supra* Nota 141.

<sup>145</sup> Selvadurai, N. , Md Rizwanul Islam & Gillies, P. *Identity theft : Aligning Law and Evolving Technologies*. (2010) 34 Crime L J 33

pekerja.<sup>146</sup> Kerjasama atau koordinasi perlu diadaptasi ke seluruh industri dan langkah pertama wajar dilaksanakan oleh pihak perniaga (*merchant*) semasa berhadapan dengan penjenayah pada masa kad kredit palsu dikemukakan untuk digunakan dan bukannya mengejar penjenayah selepas melepasi POS.<sup>147</sup>

### 5.3.2 Perlindungan berasaskan teknologi.

Wujudnya teori-teori yang mencadangkan perlindungan atau langkah pencegahan dengan cara memperkasakan sasaran. Salah satu cara adalah dengan meningkatkan perlindungan kepada sasaran berasaskan teknologi. Teknologi di sini bermaksud terutamanya teknologi dalam menghasilkan kad kredit dan juga sistem komputer yang digunakan oleh sistem pembayaran. Langkah pencegahan juga boleh dilakukan dengan pelaksanaan *Situational Crime Prevention* (SCP) yang konsep asalnya dari *Routine Activities Theories* berasaskan idea bahawa pesalah boleh dipujuk untuk mengurangkan aktiviti jenayah mereka jika peluang dihadkan.<sup>148</sup> Komponen penting di dalam SCP adalah peluang (*opportunity*), tempat (*place*) dan pelindung (*guardianship*).<sup>149</sup> Lebih spesifik, jenayah boleh dielakkan jika sasaran (e.g. tempat) dikawal, penjenayah yang berpotensi dipantau dan cara untuk melakukan jenayah dikawal. Ini adalah kerana jenayah boleh berlaku apabila wujud satu atau lebih elemen-elemen di atas. Maka, pendekatan untuk mencegah jenayah boleh dilakukan dengan mengurangkan peluang kepada jenayah tersebut. Salah satu usaha

---

<sup>146</sup> Barry Masuda. (1993). *A Successful Retail Strategy*.

[http://www.popcenter.org/library/crimeprevention/volume\\_01/06masuda.pdf](http://www.popcenter.org/library/crimeprevention/volume_01/06masuda.pdf). Diakses pada 28/11/2011

<sup>147</sup> *Ibid.*

<sup>148</sup> *Supra* Nota 130.

<sup>149</sup> *Supra* Nota 130.



adalah dengan cara *target hardening*<sup>150</sup>. Hussam Ihmaidly *et al.* (2006) misalnya menawarkan sistem membeli belah yang selamat secara atas talian yang memberi keyakinan kepada pengguna Internet untuk menggunakan kad kredit mereka tanpa perlu risau tentang kemungkinan diceroboh oleh penceroboh (*hackers*).<sup>151</sup> Sistem ini menggunakan teknik verifikasi cap jari untuk menentusahkan pemegang kad kredit iaitu dengan mempersulitkan (*encrypts*) maklumat kad kredit dan biometrik pemegang kad pada kad kredit yang mereka namakan sebagai Electronic Internet Shopping Card (EISC).<sup>152</sup>

Dengan melaksanakan '*target hardening*', ada pihak yang mengatakan bahawa tindakan ini akan menyebabkan penjenayah mencari sasaran baru atau peluang di tempat lain, tetapi tindakan memperkasakan sasaran adalah salah satu cara mengelak dari menjadi mangsa. Usaha ini wajar dimulakan oleh institusi pengeluar kad kredit dan syarikat jenama kad untuk memberi perlindungan sejak dari awal lagi iaitu seawal permohonan untuk mendapatkan kad kredit dibuat oleh orang ramai.

Inisiatif untuk mencegah pemalsuan kad kredit yang telah dilaksanakan oleh institusi pengeluar kad kredit dengan kerjasama syarikat jenama kad adalah dengan memperkenalkan nombor kod keselamatan untuk verifikasi bagi menangani kes-kes penipuan kad kredit secara atas talian.<sup>153</sup> Inisiatif ini merupakan salah satu langkah perlindungan yang moden berasaskan teknologi oleh pelindung. Walau bagaimanapun pendedahan nombor kod keselamatan ini dengan mencetak secara jelas di belakang kad kredit memberi peluang kepada penjenayah mencurinya dan menggunakannya. Cadangan

---

<sup>150</sup> Schmallegger (2009) menyatakan *target hardening* adalah '*The reduction in criminal opportunity for a particular location, generally through the use of physical barriers, architectural design and enhanced security measures*'.

<sup>151</sup> Hussam Ud-Din A. Ihmaidly, Ahmed Al-Jaber & Amjad Hudaib. (2006). *Securing online shopping using biometric personal authentication and steganography*.

<http://eproxy.um.edu:2100/stamp/stamp.jsp?tp=&arnumber=1684376>. Diakses pada 24/11/2011

<sup>152</sup> *Ibid*

<sup>153</sup> *Supra* Nota 88.

kepada syarikat jenama kad agar tidak mendedahkan nombor kod keselamatan ini mendapat reaksi yang berbeza dari mereka. Alasannya mudah iaitu untuk memudahkan pengguna (*user friendly*), nombor kod keselamatan ini dicetak supaya pemegang kad tidak perlu mengingati atau menghafal nombor kod ini jika mereka mempunyai lebih daripada satu kad kredit.

Bank Negara Malaysia yang berfungsi sebagai pengawal boleh mengenakan garis panduan yang mewajibkan institusi pengeluar kad kredit untuk melaksanakan langkah-langkah perlindungan data pemegang kad dan penghasilan kad kredit yang mempunyai ciri-ciri keselamatan semaksima yang mungkin. Misalnya, pada tahun 2005, garis panduan tentang migrasi kepada kad bercip sepenuhnya secara mandatori di negara ini telah menampakkan hasilnya pada tahun 2006 dan tahun selepasnya, iaitu pengurangan secara mendadak kes-kes pemalsuan kad kredit.<sup>154</sup>

Jenayah atau frod kad kredit dikatakan mudah dilakukan disebabkan oleh mudahnya untuk mendapatkan peralatan bagi membuat kad kredit palsu yang boleh diperolehi dengan hanya melawat ke beberapa laman sesawang yang menjual peralatan tersebut. Oleh itu, salah satu cara untuk menghapuskan peluang penjenayah untuk mendapatkan peralatan adalah dengan memastikan peralatan tersebut tidak dapat dijual iaitu dengan mewujudkan kumpulan yang ditugaskan khas untuk mencari dan menutup mana-mana laman sesawang yang menawarkan peralatan untuk memalsukan kad kredit.<sup>155</sup>

Kad kredit yang dikeluarkan pada masa ini mempunyai contoh tandatangan pemegang kad di bahagian belakang kad, perkara ini memudahkan tandatangan pemegang kad ditiru oleh penjenayah. Roseanne Bonney (1992)

---

<sup>154</sup> Sila rujuk kepada Carta 2: *Modus operandi* frod kad kredit di Malaysia di Bab Keempat.

<sup>155</sup> *Supra* Nota 36.

mencadangkan agar tandatangan pemegang kad kredit diluminasikan (*black light signature*) dan gambar pemegang kad diletakkan pada permukaan kad bagi menjadikan instrumen ini lebih tinggi tahap keselamatannya.<sup>156</sup> Inisiatif ini sudah tentu akan meningkatkan kos kepada pengeluar kad. Analisa *cost-benefit* dan *cost-effectiveness* adalah dua teknik yang sering digunakan untuk menganalisa program pencegahan jenayah dari segi ekonomi.<sup>157</sup> Welsh dan Farrington (2000) pula menekankan tentang kos kewangan kepada mangsa jenayah yang terbahagi kepada dua kategori utama iaitu *tangible* atau *out-of-pocket* seperti kehilangan harta benda, belanja perubatan, hilang mata pencarian dan *intangible* seperti hilangnya kualiti kehidupan, rasa sakit dan takut.<sup>158</sup> Mewujudkan persekitaran yang selamat adalah lebih penting daripada memikirkan tentang kos yang perlu dilaburkan. Pulangan bagi pelaburan dalam bidang keselamatan adakalanya sukar untuk dinilai dengan wang ringgit.

### 5.3.3 Pengurusan identiti.

Menurut Prabowo (2011) pengurusan identiti adalah berkaitan dengan kombinasi sistem teknikal, peraturan dan prosedur yang menjelaskan tentang pemilikan, penggunaan (*utilization*) dan melindungi (*safeguarding*) maklumat identiti personal.<sup>159</sup> Mengurus

---

<sup>156</sup> Roseanne Bonney, R. (1992). Preventing Credit Card Fraud. Contemporary Issues in Crime and Justice. *Crime and Justice Bulletin*, No.17, NSW Bureau of Crime Statistics and Research, p. 7. [http://www.lawlink.nsw.gov.au/lawlink/bocsar/ll\\_bocsar.nsf/vwFiles/CJB17.pdf/\\$file/CJB17.pdf](http://www.lawlink.nsw.gov.au/lawlink/bocsar/ll_bocsar.nsf/vwFiles/CJB17.pdf/$file/CJB17.pdf) Diakses pada 28/11/2011

<sup>157</sup> Welsh, B.C. & Farrington, D.P. (2000). Monetary Costs & Benefit of Crime Prevention Programme. *Chicago Journals: Crime & Justice*, Vol. 27 pp 305-361 <http://www.jstor.org/stable/1147666>. Diakses pada 23/11/2011

<sup>158</sup> *Ibid*

<sup>159</sup> *Supra* Nota 88.

maklumat adalah penting untuk keseluruhan proses siasatan dan pendakwaan selain mencegah frod dalam sistem pembayaran.

Dalam usaha untuk mengurangkan peluang kepada kecurian identiti adalah penting sekali untuk melindungi maklumat peribadi kita sendiri. Untuk mengelak daripada kecurian identiti, semua orang perlu mengambil langkah yang pro-aktif dalam usaha melindungi maklumat dan sentiasa berwaspada dengan helah penipuan yang digunakan oleh penjenayah. Menurut Elbirt (2005)<sup>160</sup> langkah-langkah berikut perlu diambil:

- i. Kerahsiaan maklumat – sentiasa menjaga kerahsiaan maklumat dan melaksanakan tindakan perlindungan yang asas semasa berurusan dengan maklumat peribadi yang sensitif.
- ii. Menjejak maklumat – Sentiasa memantau sasaran yang mempunyai risiko yang tinggi seperti sentiasa periksa peti surat dan semak bil-bil.
- iii. Penyimpanan maklumat – Sentiasa sensitif dengan cara penyimpanan maklumat.
- iv. Pelupusan maklumat – Untuk mengelakkan dari kegiatan ‘*dumpster diving*’, dokumen yang tidak digunakan lagi perlu dilupuskan atau dimusnahkan sebelum dibuang ke bakul sampah seperti penyata bank, penyata kad kredit.
- v. Sentiasa berjaga-jaga (*vigilance*) – Jadikan aktiviti melindungi maklumat sebagai tugas yang rutin dan sentiasa berhati-hati dalam setiap tindakan yang dibuat.

Kecurian identiti membuka pintu dan ruang kepada perlakuan pelbagai jenayah lain. Ketakutan terhadap kecurian identiti boleh juga berpunca daripada pihak polis itu sendiri, perbankan, industri kredit dan juga cerita rakan-rakan, saudara mara atau jiran yang

---

<sup>160</sup> Elbirt, A. J. (2005). *Who Are You? How to Protect Against Identity Theft*.  
<http://ezproxy.um.edu:2100/stamp/stamp.jsp?tp=&arnumber=1442375>. Diakses pada 24/11/2011

pernah melalui pengalaman buruk dalam usaha memulihkan semula rekod mereka setelah dirosakkan oleh penjenayah.<sup>161</sup> Oleh kerana takut menjadi mangsa kepada pencuri identiti yang melebihi daripada tahap sebenar, tindakan yang ekstrem akan diambil oleh masyarakat untuk melindungi diri mereka. Kadangkala tindakan ini akan menghasilkan '*moral panic*'.<sup>162</sup> Label bahawa jenayah kecurian identiti adalah jenayah yang cepat berkembang juga boleh mengundang rasa takut dan berkehendakkan respons daripada orang ramai. Mangsa juga perlu menghabiskan banyak masa dan wang bagi mengembalikan status kredit sebenar mereka setelah dirosakkan oleh penjenayah. Menurut Beth Givens (2002) secara puratanya mangsa kecurian identiti memerlukan 2 tahun untuk mengembalikan laporan kredit mereka ke asal.<sup>163</sup> Keadaan ini akan menyebabkan orang ramai menjadi bimbang dan faktor ini yang menyebabkan pengurusan identiti seseorang adalah sangat penting untuk dititikberatkan. Langkah-langkah pencegahan cadangan Elbirt wajar diberikan perhatian.

#### **5.3.4 Halangan atau pencegahan melalui undang-undang.**

Sistem keadilan jenayah juga berperanan untuk menghalang atau mencegah kesalahan berkaitan kad kredit dari terus berlaku. Bagi pihak polis, kes pemalsuan kad kredit tidak dikategorikan sebagai jenayah kekerasan. Pihak polis pula dilihat memberi keutamaan yang lebih kepada jenayah yang serius atau jenayah kekerasan. Ini adalah kerana jenayah kekerasan memberi kesan yang langsung kepada mangsa seperti kematian, kecederaan atau kehilangan orang tersayang. Di Amerika Syarikat misalnya, pihak polis lebih

---

<sup>161</sup> *Ibid*

<sup>162</sup> *Ibid*

<sup>163</sup> Givens, B. (2002). Identity Theft. Di dalam Levison, D. (Eds). *Encyclopedia of crime and punishment*. Vol. 2. California: Sage Publication Inc.

menjurus untuk menggunakan sumber mereka yang terhad untuk menyiasat kes-kes jenayah kekerasan dan kesalahan dadah daripada memberikan tumpuan kepada kes kecurian identiti yang komplikated, kerana jika berjaya dibawa ke mahkamah pun secara relatifnya akan dikenakan hukuman yang ringan.<sup>164</sup>

Tindakan penguatkuasaan terhadap penjenayah memerlukan sokongan daripada semua pihak. Mangsa perlu tampil membuat laporan, pihak bank perlu membantu dengan membekalkan dokumen-dokumen sokongan tentang transaksi yang berlaku, syarikat jenama kad seperti Visa dan MasterCard diperlukan untuk membuat pengesahan bagi transaksi yang melibatkan bank-bank pengeluar di luar negara. Kerjasama dan bantuan sangat diperlukan oleh pegawai penyiasat dan pihak pendakwaan bagi memastikan kes berjaya dibawa ke mahkamah. Kesalahan kad kredit juga sering dilakukan melewati sempadan negara, di mana semasa melakukan aktiviti memalsukan kad kredit, setiap peringkat dalam proses pemalsuan dan penggunaan kad kredit palsu boleh melibatkan tempat-tempat di negara yang berbeza. Misalnya, maklumat tentang kad kredit dicuri di Australia dan kad kredit palsu dibangunkan di Malaysia, kemudian kad kredit palsu tersebut dibawa ke Korea Selatan untuk digunakan. Menurut White dan Fisher (2008), kejadian seperti ini akan menjurus kepada kekeliruan bidang kuasa tentang siapa yang bertanggungjawab untuk merekod kesalahan tersebut.<sup>165</sup> Oleh itu dicadangkan agar undang-undang mengenai kesalahan kad kredit perlu diperjelaskan mengikut peringkat proses membangunkan dan menggunakan kad kredit palsu sepertimana yang dibincangkan di Bab 4. Undang-undang yang komprehensif bagi kesalahan berkaitan kad elektronik atau khususnya kad kredit sangat diperlukan bagi membendung kejadian dan melindungi pemain industri terutamanya pengguna.

---

<sup>164</sup> *Supra* Nota 141.

<sup>165</sup> *Supra* Nota 130.

Idea Beccaria mengenai pencegahan (*deterrence*) adalah mudah dan jelas. Hukuman merupakan teras untuk mengawal sikap atau perlakuan individu melalui cara *specific deterrence* terhadap penjenayah itu sendiri dan *general deterrence* ditujukan kepada masyarakat umum yang melihat, mendengar dan sedar mengenai proses penghukuman tersebut.<sup>166</sup> Walau pun menurut Givens (2002) dengan mengelaskan sesuatu perlakuan itu sebagai jenayah sahaja tidak akan mengurangkan kejadian jenayah, yang penting adalah pencegahan dan bantuan kepada mangsa yang sepatutnya menjadi kunci kepada penyelesaian.<sup>167</sup> Apabila kes telah dibawa ke mahkamah, menurut Walden dan Wasik (2011), yang menyatakan bahawa apabila seseorang telah menggunakan Internet untuk melakukan kesalahan jenayah, mahkamah boleh mengenakan perintah untuk menghukum dan menghalang individu tersebut dari terus melakukan kesalahan jenayah tersebut.<sup>168</sup>

Penjenayah kolar putih melakukan aktiviti jenayah kerana berkehendakkan pulangan yang segera dalam bentuk kewangan, manakala jenayah terancang melihat jenayah sebagai satu cara hidup.<sup>169</sup> Oleh itu Schmallegger (2009) berpendapat jenayah kolar putih akan lebih efektif jika dicegah dengan penguatkuasaan undang-undang yang ketat sebagai pencegahan (*deterrence*) kepada bakal-bakal penjenayah atau orang yang berpotensi untuk melakukan jenayah, tetapi jika dilihat dari segi jenayah terancang, kumpulan penjenayah ini telah lama berkecimpung dalam aktiviti tersebut, agak sukar untuk digugat dengan ancaman penguatkuasaan undang-undang.<sup>170</sup>

Di peringkat antarabangsa aktiviti jenayah yang dilakukan melalui Internet menyokong aktiviti penganas kerana penjenayah boleh mencuri masuk ke pangkalan data

---

<sup>166</sup> *Supra* Nota 87.

<sup>167</sup> *Supra* Nota 163.

<sup>168</sup> Walden, I & Wasik, M. *The Internet: Access Denied Controlled!* [2011] Crim. L. R., Issue 5

<sup>169</sup> *Supra* Nota 103.

<sup>170</sup> *Supra* Nota 103.

kad kredit dan kemudian melakukan pelbagai jenis frod lain yang akan mendatangkan hasil yang lumayan.<sup>171</sup> Sistem komputer juga membantu membiayai kewangan operasi jenayah dan penganas kerana revolusi teknologi maklumat memudahkan perbankan secara rahsia (*covert banking*), pindahan dana secara elektronik dan penggunaan kad debit serta kad kredit.<sup>172</sup> Keperluan mewujudkan perundangan untuk melindungi pangkalan data yang sifatnya mudah untuk ditiru adalah penting bagi membendung peniruan secara berleluasa.<sup>173</sup> Menggubal undang-undang yang efektif untuk memerangi jenayah terancang boleh dilakukan jika terdapat kata sepakat tentang apakah sebenarnya jenayah terancang dan bagaimana aktiviti jenayah terancang berbeza dengan aktiviti jenayah yang lain.<sup>174</sup> Corak pencegahan jenayah kontemporari menumpukan kepada pendekatan '*get tough on crime and criminal*' yang berkehendakkan kehadiran lebih ramai polis dan hukuman yang lebih berat.<sup>175</sup> Walau bagaimana pun kehadiran lebih ramai polis berkemungkinan tidak bersesuaian bagi mencegah jenayah kolar putih kerana penjenayah kolar putih melakukan jenayah di dalam bangunan atau tempat-tempat yang tertutup, tidak seperti jenayah biasa.

### 5.3.5 Meningkatkan tahap keupayaan polis

Pihak polis merupakan penguatkuasa undang-undang yang paling utama di negara ini. Keupayaan polis dalam melaksanakan tugas menjaga keamanan dan keselamatan negara akan memberi impak yang sangat besar kepada sesebuah negara. Menurut Levi (1991), Polis di England menyatakan masalah frod kad kredit sepatutnya ditangani oleh pihak

---

<sup>171</sup> Shelley, L.I. *Organized crime, terrorism and cybercrime*. <http://www.Sisf.ethz.ch/5/Papers/shelley-paperIV-4.pdf> diakses pada 20/10/2011

<sup>172</sup> *Ibid*

<sup>173</sup> Nazura Abdul Manap. *Protection of database under actionable torts*. [2011] 2 QLR pp 34-72

<sup>174</sup> *Supra* Nota 99.

<sup>175</sup> *Supra* Nota 139.



bank dan bukannya polis, sama seperti di Australia yang meletakkan tanggungjawab mencegah frod kad kredit sebahagian besarnya kepada pihak bank.<sup>176</sup>

Di Malaysia, tahap keupayaan PDRM dalam menguatkuasakan undang-undang tidak boleh dipandang ringan dan merupakan sebahagian daripada langkah-langkah pencegahan. Semua anggota polis patut dilatih untuk menerima laporan dengan kaedah yang sesuai, memberikan maklumat yang relevan kepada mangsa dan menjalankan siasatan yang asas pada setiap laporan polis yang diterima. Walau pun rekrut baru diberikan latihan asas dan beberapa kursus tentang siasatan, tetapi pada tahap berikutnya siasatan frod kad kredit memerlukan pengetahuan yang khusus.<sup>177</sup> Pihak polis perlu diberi pendedahan tentang teknologi terkini dalam usaha untuk mengesan dan mencegah kes jenayah berkaitan kad kredit. Sokongan logistik sangat diperlukan iaitu dengan pembekalan peralatan terkini bagi memudahkan penugasan dan pengumpulan bukti sejajar dengan perkembangan teknologi. Latihan dan kerjasama dengan penguatkuasa undang-undang dari negara luar juga penting untuk berkongsi pengalaman dan pertukaran maklumat mengenai kesalahan berkaitan dengan kad kredit.

---

<sup>176</sup> Levi, M. (1991). Credit and cheque card fraud:some victim survey data and their implications. *Research Bulletin* No. 31, British Home Office, London, p.3

<sup>177</sup> Papadopoulos, A. & Brooks, G. (2011). The investigation of credit card fraud in Cyprus: reviewing police effectiveness. *Journal of Financial Crime*, Vol. 18 Iss:3, pp.222-234

## BIBLIOGRAFI

- Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (Akta 372)
- Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336)
- Akta Pendaftaran Negara (Akta 78)(Revised 1972)
- Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)
- Akta Sistem Pembayaran 2003(Akta 627)
- Bank Negara Malaysia. (2003). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2003*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
- Bank Negara Malaysia. (2004). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2004*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
- Bank Negara Malaysia. (2006). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2006*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
- Bank Negara Malaysia. (2009). *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2010*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2010*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
- Bank Negara Malaysia. (2011). New Measures on Credit Cards to Promote Prudent Financial Management and Responsible Business Practices  
[www.bnm.gov.my/index.php?ch=8&pg=14&ac=2226](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=8&pg=14&ac=2226) Diakses pada 18 Mei 2011
- Barker, K.J., D'Amato, J. & Sheridon, P. (2008). Credit card fraud: Awareness and prevention. *Journal of Financial Crime*. Vol. 15 No. 4, 2008 pp. 398-410. Emerald Group Publishing Limited. [www.emeraldinsight.com/1359-0790.htm](http://www.emeraldinsight.com/1359-0790.htm) Diakses pada 15/7/2011
- Barry Masuda. (1993). *A Successful Retail Strategy*.  
[http://www.popcenter.org/library/crimeprevention/volume\\_01/06masuda.pdf](http://www.popcenter.org/library/crimeprevention/volume_01/06masuda.pdf). Diakses pada 28/11/2011
- Bhatla, T. P., Prabhu, V & Dua, A. (2003). Understanding Credit Card Frauds.  
<http://www.popcenter.org/problems/credit card fraud/PDFs/Bhatla.pdf>. Diakses pada 10/7/2011

- Brody, R.G., Mulig, E. & Kimball, V. (2007). Phishing, Pharming and Identity Theft. *Academy of Accounting and Financial Studies Journal*, Volume 11, Number 3, 2007
- Buckland, G. & Wincup, E. (2004). Researching Crime & Criminal Justice. Di dalam Muncie, J. & Wilson, D. (Eds.). *Student Handbook of Criminal Justice and Criminology*. London, UK: Cavendish Publishing Ltd
- Chen, J. & Guo, C. (2006). *Online Detection and Prevention of Phishing Attacks*. <http://ieeexplore.ieee.org/xpl/freeabs-all.jsp?arnumber=4149954>. Diakses pada 25/11/2011
- Cole, R & Mishler, L. (1998). *Consumer and credit management* (11<sup>th</sup> ed.). McGraw-Hill Co. Inc. diterjemah oleh Nasruddin Zainuddin et al. 2006. Sintok: ITNM dan Penerbit UUM
- Copes, H & Vieraitis, L. M. (2009). Understanding Identity Theft : Offenders' Accounts of Their Lives and Crimes. *Criminal Justice Review* 2009 34: 329 originally published online 26 January 2009
- Credit Card Services: A report on the supply of credit card services in the United Kingdom. Presented to Parliament by the Secretary of State for Trade and Industry by Command of Her Majesty August 1989.
- Crystal, D (Eds). (2002). *The New Penguin Encyclopedia 2003*. England: Penguin Books.
- Datamonitor. (2004). *Datamonitor report: credit and charge card in Asia Pacific*. Reference code 0200-0171. November 2004.
- Drury, T. & Ferrier, C.W. (1984). *Credit Cards*. London: Butterworths
- Elbirt, A. J. (2005). *Who Are You? How to Protect Against Identity Theft*. <http://ezproxy.um.edu:2100/stamp/stamp.jsp?tp=&arnumber=1442375>. Diakses pada 24/11/2011
- Faiza Zainudin & Nazura Ngah. ( 2011, September 16). Kerugian kes tipu internet RM2.54j: Guna ubah modus operandi elak dikesan. *Berita Harian*. Nasional. p. 20
- Fichtelberg, A. (2008). *Crime without borders: An introduction to international criminal justice*. New Jersey: Pearson Prentice Hall
- Forge, W. (2000). Organising plastic fraud: a case study in Well Fargo. *Journal of Criminal Justice* 2(2) (November): 118-129.
- Geeta, D. V. (2011). Online identity theft – an Indian perspective. *Journal of Financial Crime*, Vol. 18 No. 3, pp. 235-246. Emerald Group Publishing Limited [www.emeraldinsight.com/1359-0790.htm](http://www.emeraldinsight.com/1359-0790.htm). Diakses pada 3/12/2011
- Gillian, M. & Park, M. (2003). *Anatomy of credit card numbers*. Los Angeles: Weston Publications

- Givens, B. (2002). Identity Theft. Di dalam Levison, D. (Eds). *Encyclopedia of crime and punishment*. Vol. 2. California: Sage Publication Inc.
- Hagan, F.E. (2008). *Introduction to criminology: Theories, methods, and criminal behavior* (6<sup>th</sup> ed.). Singapore: Sage Publications
- Hendi Yogi Prabowo. (2011). Building our defence against credit card fraud: a strategic view. *Journal of Money Laundering Control*. Vol. 14 Iss: 4, pp371-386
- Hidzir Yahya. (1994). *Perundangan yang mengawal urusan kad kredit di Malaysia*. Di dalam Makalah Kanun 6(1)
- Higgins, G. E., Hughes, T., Ricketts, M. L. & Wolfe, S. E. (2008). Identity theft complaints: exploring the state-level correlates. *Journal of Financial Crime*. Vol. 15 No. 3, pp. 295-307
- Holden , J.M. (1991). *The law and practice of banking: Banker and Customer* (5<sup>th</sup> ed.) Vol 1. London :Pitman Publishing diterjemahkan oleh Badariah Shahamid & Ramlah Muhamad. 1992. *Jurubank dan pelanggan:undang-undang dan amalan urusan bank*. Kuala Lumpur: DBP
- Horne, B. (1998). *Identity Theft disrupts Fayetteville woman's life*. Stanford: Stanford University Press.  
<http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.97.6078&rep=rep1&type=pdf>. Diakses pada 12/7/2011
- Hughes, G. (2004). Crime Prevention, Community Safety and Crime and Disorder Reduction. Di dalam Muncie, J & Wilson, D (Eds). *Student Handbook of Criminal Justice and Criminology*. London: Cavendish Publishing.
- Hussam Ud-Din A. Ihmaidy, Ahmed Al-Jaber & Amjad Hudaib. (2006). *Securing online shopping using biometric personal authentication and steganography*. .  
<http://eproxy.um.edu:2100/stamp/stamp.jsp?tp=&arnumber=1684376>. Diakses pada 24/11/2011
- Jackson, M.E. (1994). *Practical Criminal Investigation*( 5<sup>th</sup> ed.). California: Copperhouse Publishing Co.
- Jupp, V. (1996). *Methods of Criminological Research*. London & New York: Routledge
- Kamus Undang-Undang Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu*. (1995). Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kanun Keseksaan (Akta 574)
- Koops, B. J. & Leenes, R. (2006). *Identity Theft, Identity Fraud and/or Identity-related Crime: Definitions matter*.

- [http://www.fidis.net/fileadmin/fidis/publications/2006/DuD09\\_2006\\_553.pdf](http://www.fidis.net/fileadmin/fidis/publications/2006/DuD09_2006_553.pdf).  
Diakses pada 10/7/2011
- Laudon, K.C. & Traver, C.G. (2003). *E-commerce: business, technology, society*. (2<sup>nd</sup> ed.). New York: Pearson Addison Wesley
- Laycock, G. & Tilley, N. (1995). Building a Safer Society: Strategic Approaches to Crime Prevention. *Chicago Journal: Crime and Justice*, Vol 19, pp. 535-584.  
<http://www.jstor.org/stable/1147603>. Diakses pada 22/11/2011.
- Levi, M. (1991). Credit and cheque card fraud:some victim survey data and their implications. *Research Bulletin* No. 31, British Home Office, London, p.3
- Lunde, P. (2004). *Organized Crime: An inside guide to the world's most successful industry*. London: Dorling Kindersley
- Maltz, M. D. (1995). On Defining Organized Crime: The development of a definition and a typology. Di dalam Passas, N. *Organized Crime*. Aldershot, England: Dartmouth.
- Marsh, I., Melville, G., Morgan, K., Norris, G. & Walkington, Z. ( 2006) *Theories of crime*. London & New York: Routledge
- Mativat, F. & Tremblay, P. (1995). Counterfeting Credit Cards: Displacement effects, suitable offenders and crime wave patterns. *British Journal of Criminology*, No. 95-07
- Mohd. Azis Ngah & Alzahrin Alias. (2010, Julai 24). Kad kredit punca hutang besar. *Berita Harian*, Ruangan Nasional, p.10
- Nazura Abdul Manap. *Protection of database under actionable torts*. [2011] 2 QLR pp 34-72
- Newman, G. R., & McNally, M. M. (2005, January). *Identity theft literature review*. Paper prepared for the National Institute of Justice focus group meeting, Washington,DC.  
[http://www.acrobatplanet.com/go/Identity\\_Theft\\_Literature\\_Review.pdf](http://www.acrobatplanet.com/go/Identity_Theft_Literature_Review.pdf). Diakses pada 12/7/2011
- Nicholas, M.G. (2003). *The credit card industry: a history*. Pennsylvania: Temple University Press.
- Noaks, L. & Wincup, E. (2004). *Criminological Research: Understanding Qualitative Methods*. London: Sage Publications
- Organized Crime. <http://www.fbi.gov/about-us/investigate/organizedcrime/glossary> Diakses pada 11/10/2011
- Oxford Advanced Learner's Dictionary :International Student's Edition*.(7<sup>th</sup> ed.) (2008). Oxford University Press
- Oxford Dictionary of Finance & Banking*. (4<sup>th</sup> ed.). (2008). Oxford University Press

- Pace, D.F. & Styles, J.C. (1975). *Organized Crime: Concept & control*. New Jersey: Prentice Hall.
- Papadopoulos, A. & Brooks, G. (2011). The investigation of credit card fraud in Cyprus: reviewing police effectiveness. *Journal of Financial Crime*, Vol. 18 Iss:3, pp.222-234
- Perri, F. S. & Brody, R. G. (2011). The dark triad: organized crime, terror and fraud. *Journal of Money Laundering Control*, Vol. 14 Iss: 1, pp.44-59
- Roseanne Bonney, R. (1992). Preventing Credit Card Fraud. Contemporary Issues in Crime and Justice. *Crime and Justice Bulletin*, No.17, NSW Bureau of Crime Statistics and Research, p. 7.  
[http://www.lawlink.nsw.gov.au/lawlink/bocsar/ll\\_bocsar.nsf/vwFiles/CJB17.pdf/\\$file/CJB17.pdf](http://www.lawlink.nsw.gov.au/lawlink/bocsar/ll_bocsar.nsf/vwFiles/CJB17.pdf/$file/CJB17.pdf)  
 Diakses pada 28/11/2011
- Sarabdeen Jawahitha, Noor Raihan Ab Hamid & Mohamed Mazahir Mohamed Ishak. (2003). Internet Banking: A Comparative Analysis of Legal and Regulatory Framework in Malaysia. *Arab Law Quarterly*, Vol. 18, No.3/4, pp.291-308.  
<http://www.jstor.org/stable/3382038>. Diakses pada 22/11/2011
- Schmallegger, F. (2009). *Criminology Today: An integrative introduction* (5<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall
- Selvadurai, N. , Md Rizwanul Islam & Gillies, P. *Identity theft : Aligning Law and Evolving Technologies*. (2010) 34 Crime L J 33
- Sharanpal Singh Randhawa. (2011, Julai 21). Cyber scams ‘fuelled by greed’. *New Straits Times*. Prime News p 4.
- Shelley, L.I. *Organized crime, terrorism and cybercrime*.  
<http://www.5isf.ethz.ch/5/Papers/shelley-paperIV-4.pdf> Diakses pada 20/10/2011
- Siegel, L. J. (2006). *Criminology*.( 9<sup>th</sup> ed.). Singapore: Thomson Wadsworth
- The Encyclopedia Americana International Edition*. (Vol 8).(1988). Connecticut, US: Grolier Incorporated.
- Torin Monahan. (2009). Identity theft vulnerability: Neoliberal governance through crime construction. *Theoretical Criminology* Vol. 13(2): 155–176; 1362–4806.
- Visa Internatioal. *Secure with visa*. [www.visa.ca/en/personal/securewithvisa/fraud-prevention/avoidfraud.jsp](http://www.visa.ca/en/personal/securewithvisa/fraud-prevention/avoidfraud.jsp) Diakses pada 18/10/2011
- Walden, I & Wasik, M. *The Internet: Access Denied Controlled!* (2011) Crim. L. R., Issue 5

- Watts, R., Bessant, J. & Hil, R. (2008). *International Criminology: A Critical Introduction*. London: Routledge
- Welsh, B.C. & Farrington, D.P. (2000). Monetary Costs & Benefit of Crime Prevention Programme. *Chicago Journals: Crime & Justice*, Vol. 27 pp 305-361  
<http://www.jstor.org/stable/1147666>. Diakses pada 23/11/2011
- White, M. D. & Fisher, C.(2008). Assesing our knowledge of identity theft: The challenges to effective Prevention and Control Efforts. *Criminal Justice Policy Review* 19: 3 <http://cjp.sagepub.com/content/19/1/3> Diakses pada 19/7/2011
- Winfree, L. T. & Abadinsky, H. (2003). *Understanding Crime:Theory and Practice* (2<sup>nd</sup> ed.). Singapore: Thomson Wadsworth